

**PENGUASAAN GAYA BAHASA SAPAAN BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH AGAMA
BIDANG KAJIAN: LINGUISTIK**

AAN MUHAMMADY

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENGUASAAN GAYA BAHASA SAPAAN BAHASA
ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH AGAMA
BIDANG KAJIAN: LINGUISTIK**

AAN MUHAMMADY

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Aan Muhammady**

No.Pasport: **W 440923**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA 110019**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”)

Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama

Bidang Penyelidikan: **Linguistik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- 1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- 2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- 3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, eksrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- 4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- 5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- 6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagainya yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 01 Julai 2014

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi

Tarikh: 01 Julai 2014

Nama: **Dr. Ahmad Arifin Sapar**
Jawatan: Pensyarah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Huda (SMANH), menganalisis penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah Agama, mengkaji faktor-faktor kelemahan pelajar tentang penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar SMANH. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-'arabiyyatu baina yadaik*, buku *ta'li:mu al-lughat al-'arabiyyat fasl (XI)* dan dalam buku nota tambahan para pelajar. Lapan kategori tersebut terdiri atas empat kategori sapaan umum dan empat kategori sapaan bertujuan. Semua kategori di atas mencakupi sembilan belas jenis ungkapan-ungkapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Secara amnya, pelajar-pelajar SMANH Palembang belum menguasai dengan baik gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di kalangan sekolah tersebut. Dari data dan analisis data soal selidik di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar-pelajar senang dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Tetapi, mereka juga menghadapi pelbagai persoalan yang menghalangi para pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan tersebut secara maksimum. Kemudian, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor kelemahan yang wujud di kalangan pelajar SMANH. Sebahagian besar faktor kelemahan berasal daripada faktor eksternal (luaran) pelajar, seperti kekurangan model gaya bahasa sapaan, dan faktor internal (dalaman) seperti kesan dari bahasa asal mereka (bahasa Indonesia) yang mempunyai jenis gaya bahasa sapaan yang berbeza dengan bahasa Arab.

Sedangkan, masalah-masalah yang terdapat dalam kajian ini ialah kurangnya penguasaan pelajar terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab sebagai satu perkara yang amat penting di dalam memulai dan mengakhiri suatu komunikasi, kurangnya penggunaan gaya bahasa sapaan yang pelbagai dalam berkomunikasi, kurangnya keupayaan pelajar dalam memahami konteks penggunaan gaya bahasa sapaan. Metodologi yang digunakan ialah metologi campuran (mix method), kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian ini amat berguna bagi para pengajar dan pemerhati bahasa Arab untuk penambahbaikan penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen penting dalam komunikasi bahasa Arab, khususnya berhubungan dengan gaya bahasa sapaan.

Kata Kunci: linguistik terapan, gaya bahasa sapaan bahasa Arab, pelajar sekolah menengah agama

ABSTRACT

This study aims to investigate greeting style category of Arabic language which found among students of Islamic senior high school of Nurul Huda (SMANH). The writer analyzed Arabic greeting style and assessed the factors of students' weaknesses in mastering Arabic greeting style among students SMANH. The finding showed that there are eight categories of Arabic greeting style which contained in students' book of *al-'Arabiyyatu baina yadaik fasl* (XI) and note book of students. Eight categories consisted of four general categories and four purpose categories of greeting. All categories above covered nineteen expressions of Arabic greeting style. The students of SMANH have not mastered Arabic greeting style properly which applied in the school. From the data and questionnaire analysis, the writer was able to conclude that the students of SMANH were interested in learning Arabic greeting style. But they have some problems that faced in mastering Arabic greeting style maximally. Furthermore, the writer discovered various factors of weakness that found among students SMANH. Most of the weakness factor derived from students' external factors, such as lack of stylistic greeting models and internal factors such as the impression of their native language (Indonesian) which are different from Arabic greeting style.

Besides, some complication which found in this study were the lack of students' mastery of Arabic greeting style as a very significant elements in the beginning and the end of communication and the lack of students' ability to understand the context of using Arabic greeting style. The method used in this study was mix method, quantitative and qualitative method. The result of the study is very helpful for teachers and the next observer. It also could be guidance for students to improve their mastery of essential elements of Arabic communication, particularly with regard to the language style of greeting.

Key Word: Applied linguistic, Arabic greeting style, Student of Islamic senior high school.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang maha pemurah, lagi maha mengasihani

Alhamdulillah segala pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat yang dilimpahi kepada penulis sehingga telah diberi keizinan, kekuatan, keazaman, kelapangan masa, hidayah dan inayahnya dalam menyelesaikan dan menyiapkan kajian yang bertajuk “Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama”. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi utusan terakhir pembawa rahmat ke seluruh alam. Hanya kepada Allah kesyukuran dipanjatkan atas segala anugerah dan kekuatan yang diberikan untuk menyiapkan kajian disertasi ini.

Terlebih dahulu, penulis melahirkan rasa sukacita di atas kejayaan menyiapkan disertasi ini. Mungkin terdapat kekurangan dan kelemahan tertentu yang tidak dapat dikesan oleh pengkaji. Namun begitu, pengkaji telah berusaha sedaya upaya menyiapkannya walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof Dr Zuraidah Mohd Don, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, yang telah memberi peluang kepada penulis untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Pengajian Bahasa Moden dan penghargaan yang tinggi kepada Dr. Ahmad Arifin Sapor selaku penyelia yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam penyelidikan dan penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada pihak perpustakaan Universiti Malaya atas segala bantuan, kerja sama dan kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini.

Lebih daripada itu, penulis turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada tenaga pengajar dan kaki tangan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang memberikan tunjuk ajar dan kerja sama sepanjang pengajian penulis di Universiti ini, secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kawan-kawan di Fakulti Bahasa dan Linguistik yang telah membantu penulis dalam menyelesaikan penulisan kajian ini, baik secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, penulis mengucapkan jutaan terima kasih buat bapa dan ibu serta ahli keluarga semuanya yang banyak memberikan sokongan dan inspirasi ketika menjalani pengajian dan penyiapan kajian ini.

Kepada semuanya, pengkaji mendoakan semoga Allah SWT memberi ganjaran yang setimpal atas penghidmatan yang diberikan. Dialah sahaja yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Aameen...

Jazakumullah Khayr al-Jaza'

Wallahua'lam

AAN MUHAMMADY

TGA 110019

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

Dedikasi

Karya disertasi ini Saya persembahkan kepada:

Kedua Ibu Bapaku

H. Ansarullah S.sos & Hj. Rusmiati, AR

Do'a, Pengorbanan dan Keikhlasan dalam mendidiku hanya Allah yang membalasnya..

Seterusnya, Saya persembahkan kepada istri dan putra tercinta Tb. Endayani & Naufal Adzka Muhammady

Sokongan, Do'a dan Kesabaran Kalian Merupakan energi yang membuat Aby selalu bersemangat dalam menjalani semua aktiviti..

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
DEDIKASI	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI SINGKATAN KATA	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
SENARAI JADUAL	xix
BAB 1: Latar Belakang Kajian	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian.....	6
1.3 Soalan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian.....	7
1.5 Tinjauan Kajian Berkaitan	8
1.6 Batasan Kajian	11
1.7 Lokasi Kajian	12
1.8 Definisi Operasional	12

1.8.1 Penguasaan	12
1.8.2 Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	12
1.8.3 I'rāb	13
1.8.4 Analisis	13
1.9 Rangka Kajian	13
BAB 2 : Teori Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	16
2.0 Pengenalan	16
2.1 Definisi Gaya Bahasa Sapaan	16
2.1.1 Kategori dan Kepelbagaian Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	21
2.1.1.1 Teori Pertama	21
1. Jadual 2.1 Konteks Perpisahan	22
2. Jadual 2.2 Konteks Menyambut Tetamu	22
3. Jadual 2.3 Konteks Iltizam (Komitmen)	22
4. Jadual 2.4 Konteks Sapaan Umum	22
5. Jadual 2.5 Konteks Tahniah	23
2.1.1.2 Teori Kedua	24
1. Ungkapan Tahiyah	24
2. Ungkapan Sambutan Meraikan Tetamu	25
3. Ungkapan Sapaan Tahniah (selamat)	26
4. Ungkapan Bagi Suatu Jemputan	28
5. Ungkapan Terhadap Pelbagai Perasaan	29
2.1.1.3 Teori Ketiga	32
1. Konteks Sapaan	32
2. Konteks Bersyukur	34
3. Konteks Berziarah	36
4. Konteks Orang Bersin	37
5. Konteks Kekaguman	38
6. Konteks Memanggil Seseorang	38
7. Konteks Berlindung Kepada Allah	39

8. Konteks Tawakkal (berserah diri)	39
9. Konteks Tahniah	40
10. Konteks Perpisahan	43
11. Konteks Perayaan (Meraikan)	43
12. Konteks Mendoakan dalam Suatu Perkara Penting	44
13. Konteks Meminta	44
14. Konteks (do'a) Menghilangkan Sakti	45
15. Konteks Bertanya tentang Khabar	45
16. Konteks Memohon Pertolongan Kepada Allah	45
17. Konteks Apabila Dicurigai oleh Orang Lain	46
2.2 Teori Konstruktivisme	47
2.2.1 Konstruktivisme	47
2.2.1.1 Sejarah dan Definisi Konstruktivisme	47
2.2.1.2 Penerapan Teori Konstruktivisme	48
2.3. Teori Struktur <i>I'rāb</i> dalam Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	51
2.3.1 Definisi <i>I'rāb</i>	51
BAB 3: Metodologi Kajian	56
3.0 Pengenalan	56
3.1 Reka Bentuk Penyelidikan	56
3.1.1 Jenis-jenis Kajian Tinjauan	60
3.1.1.1 Ulasan Hirisan Rentas	60
3.1.1.2 Ulasan Jangka Panjang (Longitudinal)	60
3.2 Prosedur Menjalankan Kajian Tinjauan	61
3.2.1 Tujuan Umum	61
3.2.2 Menentukan Sampel	61
3.2.3 Kaji Selidik	61

3.2.4 Kerja Lapangan	62
3.2.5 Analisis Kandungan	62
3.2.6 Analisis Rencana.....	62
3.2.7 Tabulasi	62
3.2.8 Analisis data dan Pelaporan	63
3.3 Persampelan	63
3.3.1 Peserta Kajian	64
3.4 Teknik Pengumpulan Data dan Sampel Kajian	68
3.4.1 Soal Selidik	68
3.4.2 Temu Bual	69
3.4.3 Ujian Pencapaian	71
3.5 Instrumen	74
3.5.1 Borang Soal Selidik	74
3.5.2 Rekorder	76
3.5.3 Lembar Soalan Ujian	78
3.6 Teknik Pemprosesan Data dan Analisis Data	79
3.6.1 Teknik Pemprosesan Data Kajian Tinjauan	79
3.6.1.1 Editing Data	79
3.6.1.2 Pengekoden Data dan Frekuensi	79
3.6.1.3 Tabulasi	79
3.6.2 Teknik Analisis Data Kajian Tinjauan	80
3.6.2.1 Kaji Selidik	80
3.6.2.2 Temu Bual	81
3.6.2.3 Ujian Pencapaian	81

3.6.3 Teknik Pemrosesan Data dan Analisis Kandungan	82
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan (mix method)	83
BAB 4 : Dapatan Kajian	84
4.0 Pengenalan	84
4.1 Analisis Kandungan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab yang digunakan dalam Kalangan Pelajar (SMANH)	84
4.1.1 Sapaan Umum	85
4.1.1.1 Konteks Umum	85
4.1.1.2 Konteks Sambutan Tetamu	86
4.1.1.3 Konteks Do'a	88
4.1.1.4 Konteks Perpisahan	90
4.1.2 Sapaan Bertujuan	92
4.1.2.1 Konteks Soalan Tentang Keadaan	92
4.1.2.2 Konteks Menjenguk Orang Sakit	93
4.1.2.3 Konteks Tahniah	94
4.1.2.3 Konteks Sempena Berasaskan Masa	96
4.2 Kesimpulan	98
4.3 Dapatan Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	98
4.3.1 Profil Responden: Pelajar	99
4.3.2 Dapatan Temu Bual Pelajar	100
4.3.2 .1 Penggunaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Nurul Huda Secara Praktikal	100
4.3.2.2 Strategi Pelajar untuk Menguasai Pelbagai Jenis Gaya	

Bahasa Sapaan Bahasa Arab	103
4.3.2.3 Cabaran dan Harapan Pelajar dalam Menguasai Gaya	
Bahasa Sapaan Bahasa Arab	104
4.3.2.4 Pandangan Pelajar dalam mempelajari Gaya Bahasa	
Sapaan Bahasa Arab di Sekolah	106
4.3.3 Analisis Dapatan Soal Selidik Pelajar	107
4.3.3.1 Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Gaya Bahasa Sapaan	
Bahasa Arab	108
4.3.3.2 Pendapat Pelajar Terhadap Pengajaran Gaya Bahasa	
Sapaan Bahasa Arab	109
4.3.3.3 Cabaran Pelajar dalam Mempraktiskan Gaya Bahasa	
Sapaan Bahasa Arab	110
4.3.3.4 Alternatif yang dilakukan Pelajar untuk Menguasai	
Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	111
4.4 Kesimpulan	113
4.3.4 Dapatan Ujian Pencapaian Pelajar	113
4.3.4.1 Memilih Ungkapan dan Jawapan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa	
Arab yang Sesuai	114
4.3.4.2 Menterjemahkan Ungkapan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa	
Arab ke dalam Bahasa Indonesia	115
4.3.4.3 Mengisi Tempat Kosong dengan Gaya Bahasa Sapaan Ba-	
hasa Arab yang Sesuai	116
4.3.4.4 Menyesuaikan di antara Ungkapan dengan Gaya Bahasa	
Sapaan yang Sesuai	117

Kesimpulan	118
4.4 Dapatan Faktor-faktor Kelemahan Pelajar dalam Penguasaan Gaya	
Bahasa Sapaan Bahasa Arab	119
4.4.1 Kekurangan Bahan Gaya Bahasa Sapaan	119
4.4.2 Kekurangan Model Gaya Bahasa Sapaan	120
4.4.3 Ketidakpastian Nahu Gaya Bahasa Sapaan	122
4.4.4 Konteks Penggunaan Gaya Bahasa Sapaan	124
4.4.5 Ketidak sesuaian Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	
dengan Bahasa Indonesia	128
Kesimpulan	129
 BAB 5 : KESIMPULAN KAJIAN DAN CADANGAN	130
5.0 Pengenalan	130
5.1 Kesimpulan Kajian	130
5.2 Cadangan-cadangan	132
Rujukan	133

PANDUAN TRANSLITERASI

Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi

Dewan Bahasa dan Pustaka
Institute of language and literature Malaysia

Nama Huruf	Lambang Huruf	Transliterasi النقل الكتابي	Contoh Penggunaan
alif	ا	a	alhamdu = الْحَمْدُ
bā'	ب	ba	bayān = بَيَان
tā'	ت	t	tafaḍḍal = تَفَضَّلْ
thā'	ث	th	thaqīl = ثَقِيل
jīm'	ج	j	jamā'h = جَمَاعَة
ḥā'	ح	ḥ	hamās = حِمَاس
khā'	خ	kh	khamīs = خَمِيس
dāl	د	d	daftar = دَفْتَر
dhāl	ذ	dh	dhubāb = دُبَاب
rā'	ر	r	rasūl = رَسُول
zāy	ز	z	zaman = زَمَن
sīn	س	s	salām = سَلَام
shīn	ش	sh	sharq = شَرْق
ṣād	ص	ṣ	ṣadr = صَدْر
ḍād	ض	ḍ	ḍalāl = ضَلَال
tā'	ط	ṭ	ūṭbā = طُوبَى
zā'	ظ	ẓ	ẓāhir = ظَاهِر
‘ayn	ع	‘	sa‘ala = سَعَلَ
Ghayn	غ	gh	luḡhaṭ = لُغَة
fā'	ف	f	fān = فَانَ
qāf	ق	q	qitāl = قِتَال

kāf	ك	k	kursiy = كُرْسِيّ
lām	ل	l	lams = لَمَسَ
mīm	م	m	masā' = مَسَاءَ
nūn	ن	n	nadāmaṭ = نَدَامَةٌ
hā'	ه	h	hammaṭ = هَامَّةٌ
wāw	و	w	wiqāyaṭ = وَقَايَةٌ
hamzaṭ	ء	'	abrār = أَبْرَارٌ
yā'	ي	y	yawm = يَوْمٌ
tā' marbūtaṭ	ة	ṭ	marraṭ = مَرَّةٌ
vocal pendek (علة قصيرة)	ـَ	a	ḍaraba = ضَرَبَ
	ـِ	i	qibala = قِبَلَ
	ـُ	u	yaktubu = يَكْتُبُ
vocal panjang (علة طويلة)	ـَ ا	ā	qāl = قَالَ
	ـِ ي	ī	jinnī = جِنِّي
	ـُ و	ū	maktūb = مَكْتُوبٌ
diftong (علة مركبة)	ـَ ا ي	ay	sībawayh = سَيْبَوَيْه
	ـَ ا و	aw	law = لَوْ
tashdīd yā'	يَّ	yy	makkiyy = مَكِّيَّ
taling (إمالة)		e	بَجَرَهَا
Catatan : Simbol hamzaṭ sahaja tidak diletak di awal kata			

SENARAI SINGKATAN KATA

BIL	KEPENDEKAN	PERKATAAN
01	SMANHP	Sekolah Menengah Nurul Huda Palembang
02	P	Pelajar
03	W	Wafat
04	H	Hijrah
05	PLKN	Program Latihan Khitmat Negara
06	OKU	Ogan Komering Ulu
07	T.T	Tanpa Tahun
08	GRE	Graduate Record Examination
09	Pen.	Penerjemah
10	Ket.	Keterangan

SENARAI LAMPIRAN

NO		HALAMAN
1.	BORANG SOAL SELIDIK	137
2.	LEMBAR SOALAN TEMU BUAL PELAJAR	138
3.	LEMBAR SOALAN UJIAN PENCAPAIAN	139
4.	JADUAL MARKAH UJIAN PENCAPAIAN	143
5.	JADUAL HASIL PERATUSAN KAJI SELIDIK PELAJAR	146
6.	CONTOH ISIAN SOAL SELIDIK PELAJAR	148
7.	CONTOH TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR	149
8.	CONTOH JAWAPAN SOALAN UJIAN PENCAPAIAN	150

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK JADUAL	HAL
Jadual 2.1	Konteks Perpisahan	22
Jadual 2.2	Konteks Menyambut Tetamu	22
Jadual 2.3	Konteks Iltizam (Komitmen)	22
Jadual 2.4	Konteks Sapaan Umum	22
Jadual 2.5	Konteks Tahniah	23
Jadual 3.1	Skema Pemarkahan	65
Jadual 3.2	Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	75
Jadual 3.3	Pendapat Pelajar Terhadap Pengajaran Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	75
Jadual 3.4	Cabaran dalam Mempraktiskan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab	76
Jadual 3.5	Pelbagai Alternatif yang dilakukan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab	76
Jadual 3.6	Penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Nurul Huda secara praktikal	77
Jadual 3.7	Strategi pelajar untuk menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab	77
Jadual 3.8	Halangan dan Harapan Pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab	78
Jadual 3.9	Pandangan pelajar dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab	78
Jadual 3.10	Parameter Penghitungan	82
Jadual 4.1	Data Peserta Kajian: Pelajar	99
Jadual 4.2	Persepsi Pelajar	108
Jadual 4.3	Pendapat Pelajar	109
Jadual 4.4	Cabaran Pelajar	110
Jadual 4.5	Alternatif Pelajar	111
Jadual 4.6	Pemilihan Ungkapan dan Jawapan yang sesuai	114
Jadual 4.7	Terjemahan Sapaan ke dalam Bahasa Indonesia	115
Jadual 4.8	Pengisian tempat kosong dengan sapaan	116
Jadual 4.9	Penyesuaian Sapaan dengan Jawapan Sapaan	117

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pendahuluan

Setiap bahasa bertamadun di dunia ini mempunyai gaya bahasa tersendiri yang digunakan untuk menyapa di antara satu sama lain. Ia diucapkan apabila seseorang itu memperolehi suatu kejayaan, atau terhindar dari sesuatu bahaya, dan lainnya. Gaya bahasa sapaan telah digunakan oleh masyarakat di pelbagai negara dan bangsa untuk tujuan yang pelbagai. Ucapan sapaan biasanya digunakan dalam perkara berkaitan masa (pagi, petang, malam), kejayaan, sembuh dari penyakit, ulang tahun dan lain-lain. contohnya, ucapan ‘*assalāmu‘alaikum*’ yang bermakna selamat sejahtera untuk kamu sekalian. Walau bagaimanapun, ucapan selamat (*salām*) dalam bentuk yang lain pun tidak dilarang selagi tidak menyalahi syari’at islam. Bahkan, Imam Bukhari (2002:301) meriwayatkan hadis tentang kewajipan menjawab salam sebagai berikut:

“terdapat lima kewajipan di antara sesama muslim iaitu, menjawab salām, menjenguk orang sakit, menghantar mayit, ...” (Riwayat Imam Bukhārī:1240)

Al-Qur’an telah merakam sebuah kisah tentang sahabat-sahabat Rasul yang bernama Ka‘ab bin Mālīk, Murarah bin al-Rabi‘ dan Hilāl bin Umayyah yang mendapat hukuman dari Nabi kerana tidak menyertai perang Tabuk dan kemudian mendapat kemaafan, maka para sahabat Nabi memberikan ucapan tahniah kepada mereka kerana mendapat keampunan Allah.

Al-Qur’an telah menyebut tentang kisah mereka di dalam surah *al-Taubat*:118, iaitu:

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خُلِفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ
أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوْا أَنَّ لَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيُتُوْبُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.

Bermaksud:

“Dan terhadap tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat) mereka, hingga apabila bumi telah menjadi sempit bagi mereka, padahal bumi itu luas dan jiwa mereka pun telah sempit (pula terasa) oleh mereka, serta mereka telah mengetahui bahwa tidak ada tempat lari dari (seksa) Allah, melainkan kepada-Nya sahaja. Kemudian Allah menerima taubat mereka supaya mereka tetap dalam taubatnya. Sesungguhnya Allah-lah Yang maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”.

Terdapat juga hadis-hadis sahih lain yang menceritakan tentang kisah ucapan gembira yang diberikan oleh para sahabat Rasulullah kepada mereka bertiga, al-Imam al-Nawawī (1930:17/95) (w-676H) menerangkan di dalam Sharh Sahih Muslim:

“Ia merupakan dalil disunatkan mengucapkan kegembiraan dan tahniah kepada sesiapa yang mendapat sesuatu nikmat zahir , ataupun terlepas dari sesuatu kesusahan yang amat, ataupun seumpamanya. Sunat ini merangkumi segala nikmat yang diperolehi, ataupun kesusahan yang terlepas, sama ada dalam urusan agama mahupun dunia”.

Seterusnya, Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1994:585) dalam karyanya *Zād al-Ma‘ād* juga menyebutkan iaitu yang bermaksud:

“Pada hadis (kisah tiga sahabat tersebut) tentang dalil disunatkan mengucapkan tahniah kepada sesiapa yang mendapatkan nikmat berhubungan dengan agama, (disunatkan pula) bangun kepadanya dan berjabat tangan jika bertemu. Ia pula sesuatu yang harus (dibolehkan) bagi sesiapa yang mendapat nikmat dunia”.

Lafaz ucapan selamat (*assalāmu‘alaikum warahmatullāhi wabarakātuh*) ialah ucapan rasmi di dalam agama Islam apabila seseorang muslim bertemu antara satu sama lain. Walau bagaimanapun ucapan selamat dalam bentuk yang lain pun tidak dilarang selama mana tidak menyalahi syari‘at islam. Terdapat pelbagai cara dan keadaan dalam memberikan sapaan atau tahniah. Islam mewajibkan setiap muslim untuk menjawab ucapan selamat dengan yang lebih elok ataupun sepadan dengannya. Firman Allah di dalam al-Qur’an:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا.

“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu”. (Surah al-Nisā 86)”.

Di dalam konteks yang lain, al-Qur'an pula menggunakan ucapan selamat dengan makna perpisahan. seperti mana firman Allah dalam surah al-Zukhruf: 89.

فَاصْفَحْ عَنْهُمْ وَقُلْ سَلَامٌ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ.

“Maka berpalinglah (hai Muhammad) dari mereka dan katakanlah: "Salam (selamat tinggal)." Kelak mereka akan mengetahui (nasib mereka yang buruk)”.

Imam Ahmad bin Hanbal dalam *al-Mughnī* (1997:294), menerangkan bahawa beliau tidak melarang seseorang apabila mengucapkan “*Taqabbalallāhu minnā wa minkum*” (semoga Allah terima amalan dari kita semua), iaitu ucapan tahniah pada hari raya. Tidak terdapat hadis yang menjelaskan riwayat ini, namun begitu, ia merupakan satu perkara yang diizinkan dan diluaskan oleh agama Islam. Hal ini bukanlah bermakna untuk menciptakan syari'at baru, tetapi ia adalah sebagai suatu bentuk hubungan antara sesama manusia (*hablum min al-Nās*).

Dalam perbualan bahasa Arab moden pula terdapat pelbagai gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang digunakan dalam komunikasi seharian. Di antara perkataan sapaan tersebut ialah, رَمَضَانَ كَرِيمَ (selamat malam), لَيْلَةَ سَعِيدَةٍ (selamat pagi), صَبَاحَ الْخَيْرِ (selamat berpuasa), مَعَ النَّجَاحِ (selamat berjaya), عِيدَ مِيلَادِ مُبَارَكِ (selamat ulang tahun), dan lainnya.

Melalui contoh di atas bolehlah disimpulkan bahawa ucapan ‘*assalāmu‘alaikum*’ ialah lafaz yang rasmi bagi memberi ucapan selamat antara sesama muslim. Selain itu, seiring dengan perkembangan bahasa dan konteks sapaan yang meluasdi dalam aktiviti seharian terdapat pelbagai jenis ucapan sapaan yang boleh diucapkan sesuai dengan konteks tertentu yang ditujukan.

1.1 Pernyataan Masalah

Persoalan yang muncul dalam penyelidikan ini ialah disebabkan kurangnya penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang pelbagai dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama. Penggunaan ucapan sapaan hanya terhad pada perkataan-perkatan yang sudah sangat lazim digunakan sahaja, misalnya: selamat pagi, selamat datang dan semoga berjaya sahaja.

Pengalaman pengkaji yang mengajar di beberapa sekolah agama, sama ada sekolah swasta ataupun sekolah kerajaan, mendapati bahawa pelajar-pelajar terlalu sedikit menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam bentuk yang pelbagai seperti mana yang terdapat di dalam buku teks di sekolah tersebut. Contohnya bahasa sapaan di dalam buku teks kelas XI (sebelas) yang bertajuk *ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyat fasl (XI)*. Di dalam buku tersebut hanya terdapat empat gaya bahasa sapaan bahasa Arab sahaja. Malah, di dalam buku teks pelajar-pelajar kelas XII (dua belas) pula tidak terdapat satu pun gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Hal yang sama juga pengkaji temui di dalam kebanyakan buku-buku teks yang lain.

Di samping itu, kebanyakan guru dan pelajar tidak peduli terhadap struktur bahasa yang terdapat di dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab khasnya struktur nahu yang terdapat di dalam gaya bahasa tersebut. Tambahan pula, di dalam proses pembelajaran, pengkaji mendapati ada pelajar-pelajar yang salah atau keliru dalam

membaca baris akhir gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Perkataan **صَبَاحَ الْخَيْرِ** yang seharusnya dibaca fathah (baris atas), dibaca dengan rafa' (baris hadapan) oleh kebanyakan pelajar.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati masalah berkaitan penggunaan bahasa sapaan di kalangan pelajar, sama ada dari sudut susunan ataupun dari sudut konteks penggunaannya. Dari sudut sapaan **إِلَى الْفَاءِ** (jumpa lagi) diucapkan oleh seseorang yang mahu meninggalkan suatu tempat atau bepergian. Tetapi di dalam komunikasi seharian sapaan ini diucapkan oleh orang-orang yang ditinggalkan. Misalnya, jika seorang guru mahu pulang ke rumah, maka para pelajar semestinya mengucapkan **مَعَ السَّلَامَةِ** (semoga selamat) dan guru menjawab dengan ucapan **إِلَى الْفَاءِ** bukan sebaliknya.

Manakala dari sudut konteksnya, pengkaji mendapati pelajar-pelajar sering salah dalam menggunakan gaya bahasa sapaan yang sesuai dengan masa dan tempatnya. Ucapan **بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ** yang selalunya diucapkan apabila seseorang mendapat kebahagiaan dan memberi kebahagiaan kepada orang lain, tetapi para pelajar sering menggunakannya di awal percakapan. Kesalahan sebegini juga sering berlaku kepada gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang lain.

Sedangkan gaya bahasa sapaan bahasa Arab mempunyai pelbagai jenis gaya yang tertentu. Misalnya, dari aspek *maqām ijtīmā'iy* (kedudukan sosial) yang mempunyai gaya bahasa tertentu. Begitu juga pada *maqām rasmi* (situasi formal) yang juga terdiri daripada gaya bahasa yang khusus. Jenis-jenis sapaan yang lainnya boleh

dibahagikan kepada beberapa jenis seperti gaya *al-wadā'* (perpisahan), *al-Iltizām* (komitmen), *al-tarhīb* (penyambutan), dan lainnya.

Tambahan pula, komunikasi yang berlaku pada masa kini tidak hanya terhad pada bersemuka sahaja, tetapi juga melalui pelbagai media elektronik lainnya. Apabila berkaitan dengan komunikasi secara elektronik, sama ada melalui email, sms (sistem pesanan ringkas), dan lainnya adalah menjadi satu keperluan untuk menguasai jenis-jenis sapaan yang pelbagai. Hal ini juga perlu dititik beratkan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

1.2 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda
2. Menganalisis penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda
3. Menganalisis faktor-faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah Agama Nurul Huda

1.3 Soalan Kajian

1. Apakah kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Huda?
2. Sejauh manakah penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda?
3. Apakah faktor-faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik, ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyat* dan buku nota pelajar dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Huda Palembang (SMANHP).

Seterusnya, gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang juga merupakan pembuka bicara dalam berkomunikasi apabila bertemu dan berpisah dengan seseorang amatlah penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar. Hal ini penting dalam memahami penggunaan sapaan yang sesuai dengan tempat dan konteksnya. Sebagai contoh, penggunaan sapaan untuk orang yang telah bersalin (melahirkan) dan orang yang baru sampai pada satu tempat adalah berbeza mengikut situasi dan konteks, begitu juga dengan keadaan yang lain.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di (SMANHP), penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab membantu dalam meningkatkan keyakinan dalam diri pelajar untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Pengalaman pengkaji juga menunjukkan bahawa penguasaan sapaan penting untuk meningkatkan kemampuan berbahasa. Sebagai contoh, sebahagian orang memahami sapaan yang disampaikan kepadanya tetapi tidak mengetahui cara untuk menjawabnya. Hal seperti ini mengurangkan tahap keyakinan seseorang dalam mempelajari dan menguasai suatu bahasa asing khasnya bahasa Arab.

1.5 Tinjauan Kajian Berkaitan

Terdapat pelbagai kajian bahasa Arab yang telah dijalankan berkisar tentang gaya bahasa sapaan dalam percakapan bahasa Arab. Namun, setakat ini pengkaji belum menemukan sebarang kajian sama ada tesis ataupun disertasi yang membahas tentang sapaan atau tahniah dalam bahasa Arab secara khusus. Begitu juga dengan kajian dalam

bahasa yang lain yaitu bahasa Inggeris, belum juga pengkaji jumpai. Berikut adalah beberapa kajian mengenai gaya bahasa sapaan.

Muhammad bin Ali al-Shamil (1424 H) telah melakukan satu penyelidikan tentang *Balāghatu asālībi al-taḥiyyat fī al-Syi‘ri al-‘Arabī* (Retorika gaya bahasa sapaan bahasa Arab di dalam sya‘ir Arab). Beliau menjalankan kajian berdasarkan kepada enam pokok persoalan iaitu:

- 1) Tentang cara-cara penyebutan sapaan di dalam sya‘ir.
- 2) Tentang jenis-jenis sapaan yang terdapat di dalam sya‘ir, iaitu dari sudut bentuk, makna dan konteksnya.
- 3) Tentang sapaan dengan perkataan al-Salam di dalam sya‘ir dari segi al-ittishal dan *al-infiṣāl*, Mendahulukan dan mengakhirkan, *ma‘rifat* dan *nakirat*, kata nama dan kata kerja, mufrad dan jamak, dan gambaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab .
- 4) Jawapan yang wajar daripada perkataan sapaan di dalam sya‘ir.
- 5) Tentang kefasihan dalam memulai pembicaraan dengan kata sapaan.
- 6) Tentang kebaikan menutup pembicaraan dengan perkataan *al-Salām*.

Ahmad Muhamad Mu‘allim (1999), telah menjalankan satu kajian tentang *al-ta‘bīrāt al-lughawīyyat al-mustakhdamah fī al-mawāqif al-ijtimā‘īyyat* (ungkapan-ungkapan bahasa yang digunakan dalam pergaulan sosial). Di dalam kajian ini beliau membandingkan pelbagai ungkapan bahasa Arab dari beberapa negara Arab dengan lahjah (dialek) yang berbeza-beza. Di antara ungkapan yang dibandingkan ialah gaya bahasa sapaan. Akan tetapi, di dalam kajian ini hanya disebutkan beberapa gaya bahasa sapaan bahasa Arab sahaja. Hasil yang didapati melalui kajian tersebut ialah bahawa negara-negara Arab mempunyai dialek yang pelbagai untuk mengungkapkan sesuatu ucapan. Seterusnya, para guru bahasa Arab perlu untuk mempelajari ungkapan-

ungkapan (yang pelbagai) ini dan menggunakannya dalam pergaulan seharian secara menyeluruh dan tidak terbatas kepada golongan yang tertentu sahaja. Kesimpulan hasil daripada kajian beliau tersebut ialah:

1. Ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam komunikasi sosial di pelbagai negara Arab mempunyai kepelbagaian bahan dalam bidang bahasa.
2. Para guru yang menguasai ungkapan-ungkapan bahasa Arab dan menggunakannya dengan baik akan memudahkan proses komunikasi dengan guru-guru lain di negara-negara Arab.
3. Ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab telah berkembang dari masa ke masa, sehingga memberi kesan kepada perubahan makna. Kajian ini menggunakan metodologi analisis deskriptif yang memberi fokus kepada pembelajaran menggunakan bahasa.

Manakala Nik Fathiyah Nik Soh (2001), mengkaji tentang *al-‘ibarāt al-islāmiyyat al-ta’addubiyyat fī al-lughat al-‘arabiyyat wa-ta’līmihā li-ghayr al-nātiqīna bihā* (ungkapan-ungkapan Islam yang sopan dalam bahasa Arab dan pengajarannya kepada selain penutur asli). Hasil dari kajian ini ialah:

1. Bahawa sebahagian besar dari ungkapan-ungkapan Islam dalam bahasa Arab dipetik daripada al-Qur’an dan hadis-hadis Nabi dan digunakan untuk berkomunikasi sesama saudara muslim serta mengutarakan perasaan mereka.
2. Para guru juga perlu untuk mengenal pasti dan menguasai ungkapan-ungkapan yang baik dalam Islam untuk diajar kepada pelajar-pelajar.
3. Ungkapan-ungkapan yang pelbagai ini mempunyai bahasa dan guru-guru bahasa Arab (sebagai bahasa kedua).

Kajian ini menggunakan metodologi analisis verbal dalam pembelajaran tentang ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab dari aspek lafaz, makna, budaya, psikologi dan sosial.

Marlina Maros, Aslinda John dan Mohd Baharim Mydin (2010:86) telah mengkaji tentang suatu gaya bahasa sapaan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Di antara hasil analisis beliau, didapati bahawa terdapat perbezaan pola sapaan antara sesama teman dengan seorang pensyarah. Di samping itu pula, perbezaan ini tidak hanya terhad pada sapaan semata-mata tetapi juga berlaku dalam proses komunikasi personal antara pelajar dan pensyarah setelah memberi sapaan selamat tersebut.

Asmah (2002) dalam jurnal kesantunan berbahasa dalam aktiviti Program Latihan Khitmat Negara (PLKN) (2011:56) menerangkan bahawa definisi santun bahasa itu sebagai penggunaan bahasa berpandukan peraturan tertentu, yang pada amnya terdapat tiga jenis kaedah penggunaan bahasa; iaitu peraturan lingustik, peraturan sosiolingustik dan peraturan pragmatik. Kepatuhan pada peraturan itu menunjukkan bahawa penggunaan bahasa bercirikan santun bahasa. Peraturan lingustik adalah peraturan yang memastikan keteraturan sebutan dan nahu dalam penggunaan bahasa. Peraturan sosiolingustik pula adalah peraturan yang mengawal ketertiban sosial individu yang berkomunikasi antara satu sama lain, sama ada secara bersemuka seperti dalam perbualan atau dialog, mahupun komunikasi secara tidak setara, iaitu komunikasi antara penulis dengan pembaca. Aspek pragmatik pula memberi tumpuan tujuan penggunaan bahasa iaitu kesan yang ingin disampaikan dan tindakan lanjutan daripada kesan tersebut (Salinah, 2005).

Melalui pelbagai kajian lepas di atas, masih belum terdapat lagi kajian yang memberi fokus kepada gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara lebih khusus. Beberapa perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian lepas ialah:

Disertasi ini mengkaji tentang tahap penguasaan para pelajar sekolah menengah Agama terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Penguasaan yang dimaksud ialah mencakupi kategori gaya bahasa sapaan, kesalahan baris akhir (*i' rāb*) dan maknanya.

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu untuk dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan pelajar tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

1.6 Batasan Kajian

Gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang akan dikaji ini terhad hanya kepada gaya bahasa sapaan bahasa Arab *fusha* (standard) sahaja. Secara khasnya kajian ini akan menganalisis penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam buku-buku teks dan buku nota tambahan pelajar-pelajar SMANH.

Skop kajian ini membabitkan kumpulan pelajar tertentu dan kawasan kajian yang terhad. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah agama, iaitu sekolah menengah agama Nurul Huda jurusan MAK (Madrasah Aliyah Keagamaan) di Palembang – Indonesia. Di sini, pengkaji menjalankan temu bual, kaji selidik dan ujian pencapaian ke atas 36 orang pelajar di tingkatan sebelas (XI) sahaja. Aspek-aspek yang ingin dikaji adalah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Secara umumnya, sasaran usia pelajar yang akan dikaji bermula dari 17-19 tahun. Pelajar-pelajar tersebut memiliki empat jam jadual mata pelajaran setiap minggu. Mereka telah mulai mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara baik selama satu tahun setengah.

1.7 Lokasi Kajian

Lokasi penyelidikan bertempat di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda yang terletak di Kampung Sukaraja – Palembang, Kabupaten OKU (Ogan Komering Ulu) Timur, Sumatera Selatan – Indonesia. Sekolah ini merupakan lembaga Ma'arif dibawah Yayasan Nurul Huda yang mulai berkembang dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang terdapat di wilayah tersebut.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Penguasaan iaitu suatu aktiviti yang membina pengetahuan secara aktif oleh individu yang berfikir. Individu ini menyerap secara aktif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh para gurunya. Pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baru dalam mindanya dengan bantuan interaksi sosial bersamarakannya dan gurunya.

1.8.2 Gaya bahasa sapaan bahasa Arab menurut bahasa ialah seperti yang dijelaskan di dalam kamus dewan edisi terbaru iaitu suatu ungkapan yang mengandungi teguran atau ajakan untuk bercakap-cakap. Di dalam kamus tersebut pula diberikan contoh iaitu sapaan salam yang bermakna ucapan salam. Sepertimana yang diketahui, ungkapan-ungkapan yang mengandungi makna digunakan juga untuk mengungkapkan perasaan.

Adapun secara istilah seperti yang telah diterangkan oleh al- Şāmil (2002: 16/648-649) menyatakan bahawa sapaan bermakna satu ungkapan yang diucapkan oleh seseorang ketika ia berjumpa dengan orang lain. Untuk itu, faedahnya terdapat pada ungkapan kesan pertama yang diterima oleh para pendengarnya.

1.8.3 *I'rāb* menurut istilah sebahagian pakar nahu bahasa Arab ialah perubahan akhir perkataan sama ada pada harakat (baris) mahupun harf (huruf), disebabkan oleh perubahan fungsi nahuan dalam sesuatu ungkapan.

1.8.4 Analisis menurut kamus bahasa indonesia (2008:60) ialah penyelidikan terhadap suatu peristiwa (karangan, perbuatan, dan lainnya) bagi mengetahui keadaan yang sebenar (sebab-musabab, dan lainnya).

Sedangkan menurut www.kamusbahasaindonesia.org (Selasa, 08/07/2013) menerangkan bahawa analisis ialah rumusan tentang ruang lingkup dan ciri-ciri suatu konsep yang menjadi pokok pembicaraan atau kajian.

Manakala, menurut kamus bahasa Melayu online prpm.dbp.gov.my (Rabu, 09/07/2013) menyatakan bahawa analisis ialah kajian bersistem terhadap masalah atau proses untuk mendapatkan penyelesaian.

1.9 Rangka Kajian

Disertasi ini bertajuk : Penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama, dalam kajian ini pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bab iaitu:

Pendahuluan

Bahagian ini merupakan permulaan yang mengandungi abstrak, dedikasi, penghargaan, senarai kandungan, senarai jadual, senarai lampiran, senarai kependekan, dan panduan transliterasi.

Bab pertama: Latar Belakang

Bahagian ini merupakan pengenalan dan kerangka secara keseluruhan kepada penyelidikan yang dilakukan. Ia mengandungi latar belakang masalah, rumusan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian berkaitan dan akhir sekali rangka kajian.

Bab kedua: Teori Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Bab kedua ini membahas tentang teori penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab, konstruktivisme dan struktur *i'rāb*. Pengkaji akan memulai kajian dengan membahas tentang definisi gaya bahasa sapaan bahasa Arab dan kategori-kategorinya, teori konstruktivisme dan struktur *i'rāb* di dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

Berkaitan dengan teori di atas, pengkaji akan menghuraikan analisis penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dan pelbagai katagorinya yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH. Hal ini dibuat bagi menjawab objektif kajian terakhir, iaitu objektif kajian ketiga.

Seterusnya akan dibahas tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam bahasa Arab. Di antara pembahasannya adalah: definisi, kategori dan jenis-jenisnya dari pelbagai sumber rujukan.

Bab ketiga: Metodologi Kajian

Di dalam bab ini pengkaji membahas tentang metodologi kajian kualitatif dan kuantitatif (kajian tinjauan) dan Analisis Kandungan.

Bab keempat: Analisis Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Bab ini merupakan bab inti dalam kajian dan merupakan bab analisis. Dalam bab ini akan dibahas tentang analisis gaya bahasa sapaan bahasa Arab dari segi kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab, penguasaan pelajar terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab melalui tiga instrumen data iaitu temu bual, soal selidik dan ujian pencapaian, serta analisis tentang faktor-faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

Bab kelima: Kesimpulan dan Cadangan Kajian

Dalam bab terakhir ini pengkaji membentangkan kesimpulan kajian dan saranan-saranan bagi hasil penemuan kajian tersebut. Bab ini juga akan dilengkapi dengan beberapa saranan dan cadangan topik untuk golongan pengkaji, pendidik, dan pelajar berikutnya.

BAB 2
TEORI PENGUASAAN GAYA BAHASA SAPAAN
BAHASA ARAB

2.0 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji menerangkan tentang teori-teori yang akan digunakan bagi menyokong kajian ini. Teori-teori tersebut ialah mengenai Definisi gaya bahasa sapaan, teori penguasaan (konstruktivisme) dan teori struktur *i'rāb* dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Selain itu, diterangkan juga tentang kepelbagaian gaya bahasa sapaan tersebut.

2.1 Definisi Gaya Bahasa Sapaan

Dalam kamus dewan edisi keempat (2005:1390), diterangkan bahawa sapaan bermakna teguran, ajakan untuk bercakap-cakap. Di dalam kamus tersebut pula diberikan contoh iaitu tiba-tiba terdengar sapaan di dapur rumah.

Manakala dalam kamus Inggeris Melayu dewan (2002:644), dijelaskan bahawa *greeting* (ucapan selamat) mempunyai pelbagai makna di antaranya sapaan, iaitu: tegur sapa, sapaan, alu-aluan, menyambut seseorang, salam, ucapan selamat.

Kajian tentang ucapan selamat, Secara umum, berkaitan dengan fungsi percakapan mereka (masyarakat), keakraban pengguna dan timbal balik, selain pertanyaan mengenai bentuk penggunaan, kedekatan pasangan dan hirarki sosial (Schegloff dan Karung 1973, Piazza 1987).

'Afīfī (1996:21) menyatakan bahawa ungkapan (*'ibārat*) bahasa yang digunakan dalam konteks sosial ialah suatu istilah yang menggambarkan keadaan tertentu secara umum dan selalunya tidak mengubah penggunaan perkataan secara

bertulis. Ia juga merupakan bahagian bahasa masyarakat yang mempunyai pelbagai fungsi sesuai dengan situasi dan keadaan yang pelbagai pula. Di mana penggunaan bahasa disesuaikan juga dengan konteks masyarakat yang terdapat di suatu tempat.

Ahmad Muhammad (1999:49-50), di dalam tesisnya pula menyatakan bahawa ungkapan yang digunakan dalam konteks sosial bahasa merupakan bahasa lisan yang selalu digunakan atau popular dalam kehidupan masyarakat, "yang berbudaya dan buta huruf" kerana ia merupakan suatu istilah yang mereka gunakan untuk saling mengenali dalam konteks percakapan sehari-hari, mempunyai kandungan makna yang indah, elok dan terikat dengan kedudukan nilai sosial masyarakat. Ia juga termasuk dalam kategori bahasa yang diwariskan dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Selain itu, ia digunakan dalam setiap proses komunikasi berdasarkan tingkatan budaya yang pelbagai. Disamping menjadi satu perkara yang boleh membantu manusia secara asas dengan kepelbagaian bahasa baru daripada perkataan-perkataan yang mencakupi keperluan masyarakat dengan pelbagai istilah ungkapan yang mengandungi nilai keindahan.

Fairūz Abādiy (2005: 1349), dalam *al-qāmūs al-muhīt* menyatakan bahawa kata sapaan mempunyai beberapa makna di antaranya ialah *salām*, *baqā'* (tetap atau sentiasa kekal) dan *al-mulk* (kekuasaan). Seperti makna *ḥayākallāh* ertinya *abqākallāh* (semoga Allah mengekalkanmu) dan memberi kekuasaan kepadamu.

Ibnu Manzūr (1119:13/1078), menyebutkan bahawa sebelum meninggal Zuhair bin Zainab al-Kalibī (1969: 3/86-87) berkata:

“Wahai kaumku, apakah aku telah meninggalkan tempat tinggal yang baik untukmu? Dan apakah aku telah tinggalkan kalian sebagai kaum yang dapat memimpin. Sesungguhnya semua yang telah orang lain dapat aku juga telah mendapatkannya kecuali tahiyyat”.

Sapaan di dalam sya'ir ini bermakna *baqā'* (kekal) dan boleh juga diertikan keselamatan. Kerana penyair itu telah memperolehi kepemimpinan, terlebih lagi dia sendiri ialah sebagai tuan daripada kaum Kalib pada masa itu. Umurnya panjang tetapi ia tetap meninggal juga, kerana ia tidak kekal.

Terdapat juga keadaan dimana ketiga-tiga makna (*al-baqā'*, *al-mulk* dan *al-salām*) wujud dalam satu ayat seperti contoh berikut ini (التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ ..) makna sapaan di sini merangkumi ketiga-tiga makna iaitu *al-baqā' lillāh* dan *al-mulku lillāh*. Ibnu Manzūr (1119:13/1079), memetik dari Abu al-Haitsam bahawa makna sapaan ertinya keselamatan daripada kemusnahan yang selalu menimpa manusia.

Secara istilah *al-Ṣāmil* (2002: 16/648-649) di dalam *majallah jāmi'ah ummu al-Qurā li al-'ulūm al-syarī'at wa al-lughat al-'arabiyyat wa adabihā*, menyatakan bahawa sapaan bermakna satu ungkapan yang diucapkan oleh seseorang ketika ia berjumpa dengan orang lain. Sapaan yang diucapkan memberi tanggapan awal kepada seseorang mengenai status sosial antara pemberi ucapan dengan penerima. Malahan, melalui sapaan yang diberi juga dapat diketahui identiti orang yang datang itu adakah dia seseorang kawan ataupun lawan, mengasihi atau membenci, susah atau senang yang apabila seorang pendengar mendengarkannya seketika itu juga akan mengetahui maksud kedatangan orang tersebut. Oleh itu, sapaan boleh membuat perasaan aman dan selesa. Perasaan tersebut tidak hanya dirasakan oleh pendengar sahaja malah turut juga dirasakan oleh penuturnya.

Seperti kata penyair Hilāl bin al-'Ala al-Raqī dalam *al-Ṣāmil* (1424 H:649):

*Ku ucapkan sapaan kepada musuh yang aku jumpai
Untuk menghindari kejahatan yang dilakukannya*

Kummer (t.t:235-236), mengatakan bahawa dalam penyelidikan yang dilakukan terhadap masyarakat Thailand, mendapati bahawa terdapat cara menyampaikan sapaan yang berbeza sama ada secara lafaz atau bukan lafaz. Selain itu, aspek yang dilihat adalah dari sudut latar belakang pendengar seperti, usia, dan hubungannya dengan penutur. Manakala, aspek utama yang perlu ditekankan juga adalah dari segi kesesuaian konteks komunikasi, sama ada secara rasmi atau tak rasmi.

Nik Fathiyah Nik Soh (2001:8) pula menerangkan bahawa terdapat sapaan yang diiringi oleh gerakan badan iaitu dengan mengangkat dua tangan ke dada dan dengan cara melipat tangan, yang menjadi penanda sebagai ucapan sapaan dan laqab (panggilan khas). Sebagai contoh dalam konteks rasmi, seseorang menunjuk pada dirinya sendiri dengan perkataan “dichan” dimana perkataan “chan” digunakan dalam konteks tidak rasmi. Sehingga dua perkataan tersebut bermakna “saya”.

Asmah Haji Omar (1998:24) menjelaskan bahawa ucapan sapaan, salam, soalan tentang kehidupan seharian, keadaan keluarga, perbualan tentang cuaca dan segala sesuatu yang tidak ada hubung kait dengan topik yang sedang dibicarakan antara dua orang yang berkomunikasi dianggap sebagai muqaddimah perbualan, dan terdapat aspek-aspek kesopanan dan adab. Selain itu juga, setiap persoalan juga terdapat cara yang khusus untuk menjawabnya. Contoh dalam bahasa Melayu: ‘*Assalāmu‘alaikum*’ dijawab dengan ‘*wa‘alaikum al-salām*’, ‘selamat pagi’ dijawab dengan ‘selamat pagi’, ‘apa khabar’ dijawab dengan ‘khabar baik’, dan lainnya.

Alessandro Duranti (1997:63), menyatakan bahawa terdapat bukti yang banyak tentang salam yang juga merupakan bahagian penting dari kompetensi komunikatif yang diperlukan untuk menjadi anggota dari setiap masyarakat tutur. Ia sering menjadi satu asas verbal pertama yang dipelajari oleh anak-anak dan sudah tentu juga menjadi salah satu topik permulaan yang diperkenalkan di kelas bahasa asing.

Beliau juga turut menerangkan bahawa tidak menghairankan, untuk mengetahui bahawa terdapat sejumlah besar penelitian terhadap etologis, bahasa, sosiologi, dan etnografi yang berkait rapat dengan salam. Akan tetapi, meskipun pemerhatian terhadap salam telah diterima dalam ilmu sosial, setakat ini masih belum wujud definisi yang khusus tentang salam. Oleh yang demikian, maka tiada cara yang khusus untuk memastikan apakah syarat atau perkara tertentu yang diperlukan dalam sapaan bagi setiap masyarakat penutur tertentu. Meskipun demikian, para pengkaji telah merasa selesa untuk mengenalpasti *salām* dalam bahasa yang berbeza dan memberikan hipotesis tentang salam, sama ada melakukan untuk orang-orang atau kepada orang-orang.

Alessandro Duranti (1997), menerangkan bahawa kajian sapaan pula bermatlamat kepada sudut etnografi. Kajian ini cenderung bersifat deskriptif, dengan memberi fokus kepada budaya yang spesifik dalam aspek perilaku ucapan. Namun, terdapat juga proses komunikasi yang bersifat umum dan boleh digunakan walaupun dalam budaya yang berbeza, sebagai contoh, aturan ucapan iaitu dari segi apa yang perlu dituturkan dahulu dan kemudian. Selain itu juga, sifat berurutan dalam aturan tersebut membantu untuk mengetahui situasi sosial seseorang serta kesesuaian dalam menggunakan aturan tersebut berdasarkan konteks situasi dan siapa penerima ucapan. Hal ini disokong dengan dua kajian lama tentang salam di Afrika yang telah dijalankan oleh Esther Goody (1972). Beliau membandingkan salam dan mengemis di antara Gonja dan Lodagaa - yang bertingkat dan masyarakat acephalous . Selain itu, Judith Irvine (1974) juga telah menjalankan kajian *salām* Wolof. Kajian Etnografi lebih banyak berpanduan kepada pentingnya definisi identiti suatu masyarakat dalam salam. Beberapa dari mereka juga menerangkan cara-cara yang sopan dan juga sesuai dengan konteks yang sesuai dengan proses komunikasi yang sedang berlangsung.

Alharbi & Hasan Al-Ajmi (2008) dalam jurnal mereka menerangkan bahawa, ucapan sapaan sebagai ekspresi bahasa yang merupakan aturan dalam proses komunikasi dan cara-cara berkomunikasi dalam suatu komuniti tertentu, yang dikenali dan ditandai dengan tujuan komunikatif mereka, dikenalpasti dan difahami oleh anggota masyarakat penutur di mana mereka terlibat. Dengan kata lain, formula ucapan adalah kombinasi dari kata-kata atau bentuk ekspresi), dalam erti bahawa nilai-nilai ucapan mereka telah mencapai kerangka acuan dalam penggunaan yang berulang-ulang dalam budaya ritual.

Kartomihardjo (1988:238) menerangkan bahawa sapaan merupakan salah satu unsur bahasa yang penting kerana melalui sapaan dapat ditentukan samada komunikasi tersebut akan berlanjutan. Selain itu, setiap kumpulan masyarakat mempunyai panduan yang tersendiri terhadap perkara-perkara yang berhubung kait dengan kehidupan seharian seperti adat kebiasaan, norma, nilai, dan peraturan yang telah ditetapkan dan dipersetujui secara bersama oleh anggota-anggota masyarakat tersebut.

2.1.1 Kategori dan Kepelbagaian Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Bagi membahas dan menghuraikan gaya bahasa sapaan, pengkaji telah mengumpulkan pelbagai maklumat sebagai teori. Teori-teori ini terdapat di dalam tiga sumber rujukan iaitu disertasi Mu'allim, Nik Fathiyyah dan buku tamam hasan. Berikut ialah huraian dari ketiga rujukan tersebut:

2.1.1.1 Teori Pertama

Tamām Hasān (2001:365-369) juga membuat senarai gaya bahasa sapaan bahasa Arab di dalam bukunya *al-'arabiyyatu ma'nāhā wa mabnāhā*. Pengkaji hanya mengutip beberapa sapaan sahaja yang terkait dengan topik pembahasan ini, iaitu seperti yang disebut di dalam jadual-jadual berikut:

Jadual 2.1 Konteks Perpisahan

No.	Sapaan	Bermaksud
1.	مَعَ السَّلَامَةِ	Semoga dalam keselamatan
2.	إِلَى اللَّقَاءِ	Sehingga berjumpa lagi
3.	رَبُّنَا يُجْمَعُ فِرْقَتَنَا	Semoga Allah mempertemukan kita kembali
4.	أَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى أَنْ يُجْمَعَ شِئْمُنَا	Semoga Allah mempertemukan kita kembali
5.	الْحَيُّ يَتَلَاقِي	Sehingga berjumpa lagi

Jadual 2.2 Konteks Menyambut Tetamu

No.	Sapaan	Bermaksud
1.	أَهْلًا وَسَهْلًا	Selamat datang
2.	الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى السَّلَامَةِ	Syukur atas keselamatan
3.	فُرْصَةً سَعِيدَةً	Gembira bertemu Anda
4.	خُطْوَةً عَزِيزَةً	Gembira dengan kedatangan Anda

Jadual 2.3 Konteks Iltizam (komitmen)

No.	Sapaan	Bermaksud
1.	اللَّهُ يُبَارِكُ لَكَ	Semoga Allah memberkatimu
2.	التَّوْفِيقُ عَلَى وَثِيقَةٍ	Semoga Allah memberi taufiq ke atas kejujuranmu

Jadual 2.4 Konteks Sapaan Umum

No.	Sapaan	Bermaksud
1.	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ	Semoga kesejahteraan tercurahkan atasmu
2.	صَبَاحَ الْخَيْرِ	Selamat pagi
3.	نَهَارُكُمْ سَعِيدٌ	Selamat tengah hari
4.	مَسَاءَ الْخَيْرِ	Selamat petang
5.	صَبَاحَ النَّوْرِ	Selamat pagi (sebagai jawapan)
6.	صَبَاحَ الْفُلِّ	Selamat pagi (ammiyah)
7.	نَهَارُكُمْ فَشْطَةٌ	Selamat pagi (ammiyah)

8.	صَبَاحَ الْوَرْدِ	Selamat pagi (ammiyah)
9.	بِنَصْبَحَ	Selamat pagi (ammiyah)
10.	فُلَانٌ يَصْبَحُ	Selamat pagi (ammiyah)
11.	الْوَرْدُ فَتَحَ لِلنَّبِيِّ	Selamat menikmati minuman

Jadual 2.5 Konteks Tahniah

No.	Sapaan	Bermaksud
1.	مَبْرُوكٌ (يَا فُلَانُ)	Tahniah (jika seseorang berjaya dalam suatu urusan)
2.	مُبَارَكٌ	Selamat (ketika merayakan suatu kesenangan)
3.	رَبُّنَا يُتِمِّمُ بِخَيْرٍ	Semoga Allah menyempurnakan kebaikan untuk kita
4.	وَاللَّهُ فَرِحْنَا لَكَ	Kami gembira atas kejayaan Anda
5.	تُهْنِئِكَ	Tahniah
6.	تُهْنِئُ الْمُنْصَبِ	Tahniah
7.	أَلْفُ مَبْرُوكٍ	Tahniah
8.	رَبُّنَا يَزِيدُكَ مِنْ نِعَمِهِ	Semoga Allah menambahkan nikmat-Nya

2.1.1.2 Teori Kedua

Mu'allim (1999) membahagikan gaya bahasa sapaan (secara 'ammiyyah sesuai dengan negara yang menggunakannya) kepada lima tema besar yang utama iaitu:

1. Ungkapan Tahiyah

Ungkapan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

a. Sapaan umum

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ (وَالْجَوَابُ) وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Mu'allim (1999:11)

Terjemahan sebenar:

"Semoga kesejahteraan, kasih sayang dan berkah Allah selalu tercurahkan ke atas kalian" dijawab *(Dan perkara yang sama pun tercurahkan ke atas kalian)."*

Terjemahan konteks pertuturan:

"salam sejahtera ke atas kamu dengan rahmat Allah dan keberkatannya" dijawab *"salam sejahtera ke atas kamu."*

b. Sapaan ketika waktu pagi subuh dan tengah hari

صَبَاحُ الْخَيْرِ (طَابَ صَبَاحُكَ) (وَالْجَوَابُ) صَبَاحُ النُّورِ

Terjemahan sebenar:

"semoga menjadi pagi yang elok (semoga elok masa pagi engkau)" dijawab *"semoga menjadi pagi yang bercahaya."*

Terjemahan konteks pertuturan:

"selamat pagi" dijawab *"selamat pagi"*.

مَسَاءُ الْخَيْرِ (طَابَ مَسَاؤُكَ) (وَالْجَوَابُ) مَسَاءُ النُّورِ. Mu'allim (1999:12).

Terjemahan sebenar:

"semoga menjadi petang yang elok (semoga elok masa petang engkau)" dijawab *"semoga menjadi petang yang bercahaya."*

Terjemahan konteks pertuturan:

"selamat petang" dijawab *"selamat petang"*.

c. Sapaan bagi orang yang bekerja berat (dengan kedua tangannya)

كَانَ اللَّهُ فِي عَوْنِكَ

أَعَانَكَ اللَّهُ. Mu'allim (1999:12).

Terjemahan sebenar:

“Dialah Allah yang selalu melindungimu.”

“semoga Allah menjadi penolongmu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semangat bekerja, ye.”

2. Ungkapan Sambutan Meraikan Tetamu

Ungkapan ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu:

a. Ungkapan kepada tetamu dalam bentuk umum

Mu'allim (1999:13). أَهْلًا وَسَهْلًا أَيُّ أَتَيْتَ أَهْلًا لَا غُرَبَاءَ، وَوُطِئَتْ سَهْلًا.

Terjemahan sebenar:

“(sambutan atas kedatangan Anda) sebagai keluarga (bukan sebagai orang asing), (dan Anda pergi pun) dengan selesa.”

Terjemahan konteks pertuturan: *“selamat datang”*.

b. Ungkapan kepada tetamu dari jauh

حَمْدًا لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكَ

Mu'allim (1999:14). الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَمَعَ بِكَ الشَّمْلَ.

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah ke atas keselamatanmu” “segala puji bagi Allah yang mengumpulkan kita”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang”.

c. Ungkapan kepada tetamu yang hadir secara khusus

Mu'allim (1999:14). أَهْلًا وَسَهْلًا تَفَضَّلَ.

Terjemahan sebenar:

“(sambutan atas kedatangan Anda) sebagai keluarga (bukan sebagai orang asing), (dan Anda pergi pun) dengan selesa, silakan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang, silakan”.

d. Ungkapan kepada tetamu dari kalangan sahabat atau kawan

Mu'allim (1999:14). حَيَّاكَ اللهُ وَبَيَّاكَ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah manjangkan umur, memberi kesenangan dan mendekatkan kamu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang”.

3. Ungkapan Sapaan Tahniah (Selamat)

Ungkapan ini terdiri daripada enam kategori iaitu:

a. Tahniah hari raya

Mu'allim (1999:15). كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ (وَالْجَوَابُ) كُلُّ سَنَةٍ وَأَنْتَ طَيِّبٌ

Terjemahan sebenar:

“semoga setiap tahun engkau dipenuhi dengan kebaikan” dijawab *“semoga setiap tahun engkau (juga) mendapat kebaikan.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat hari raya” dijawab *“selamat hari raya”.*

b. Tahniah perkahwinan

بَارَكَ اللهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ

Mu'allim (1999:16-17). بَارَكَ اللهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ بِالرَّحَاءِ وَالْبَيْنِ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberkatimu dan menyatukan kalian berdua di dalam kebaikan” atau “semoga berbahagia dan cepat dikurniakan zuriyat.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat pengantin baru, semoga berkekalan hingga ke anak cucu.”

c. Tahniah kelahiran

Mu'allim (1999:18). بُورِكَ فِي الْمَوْهُوبِ وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ وَرُزِقْتَ بِهِ.

Terjemahan sebenar:

“semoga mendapat berkat dan bersyukur mendapat rezeki dari-Nya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah, di atas kelahiran anak anda, semoga menjadi anak yang baik.”

d. Tahniah mempunyai rumah baru

Mu'allim (1999:20). مَنَزَلًا مُّبَارَكًا.

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi rumah yang berkat.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat mendiami rumah baru.”

e. Tahniah ketika meraikan kejayaan

Mu'allim (1999:21). الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَكَ.

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah yang telah memberimu taufik-Nya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah di atas kejayaan anda.”

- f. Tahniah apabila sembuh dari sakit

Mu'allim (1999:22). حَمْدًا لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكَ

Terjemahan sebenar:

"segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkanmu."

Terjemahan konteks pertuturan:

"alhamdulillah sudah sembuh lagi."

4. Ungkapan Bagi Suatu Jemputan

Ungkapan ini terdiri daripada tiga kategori iaitu:

- Jemputan bagi melaksanakan 'ibadah (tidak terdapat contoh fusha)
- Jemputan untuk berkunjung (tidak terdapat contoh fusha)
- Jemputan untuk berbuat kebaikan

تَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

Mu'allim (1999:26). فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

Terjemahan sebenar:

"saling tolong menolonglah di dalam kebaikan dan ketakwaan"

"bersegeralah berbuat kebaikan."

Terjemahan konteks pertuturan:

"bersama-samalah kita saling berbuat kebaikan."

5. Ungkapan Terhadap Pelbagai Perasaan

Ungkapan ini terdiri daripada sepuluh kategori iaitu seperti yang berikut:

- Ungkapan kesyukuran

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

شَكَرَ اللَّهُ لَكَ. Mu'allim (1999:27).

Terjemahan sebenar:

"semoga Allah membalas kebaikanmu."

"semoga Allah menghargaimu."

Terjemahan konteks pertuturan:

"syukur, terimah kasih di atas pertolongan."

b. Ungkapan apabila merasa kagum

سُبْحَانَ اللَّهِ

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. Mu'allim (1999:28).

Terjemahan sebenar:

"segala pujian hanya bagi Allah."

"tiada daya serta upaya melainkan dari Allah."

Terjemahan konteks pertuturan:

"wah.. cantiknya".

c. Ungkapan teguran dan celaan

سَاءَ حَلَكَ اللَّهُ

اللَّهُ يَهْدِيكَ. Mu'allim (1999:28).

Terjemahan sebenar:

"semoga Allah bermurah hati padamu"

"semoga Allah memberimu hidayah."

Terjemahan konteks pertuturan:

"semoga Allah bagi hidayah."

d. Ungkapan mengingatkan atau memaklumkan

لَقَدْ أَعَدَّزَ مَنْ أُنْذَرَ. Mu'allim (1999:29).

Terjemahan sebenar:

“sungguh telah memaafkan orang yang memberi peringatan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“berhati-hatilah”.

e. Ungkapan apabila bersedih

حَسْبِيَ اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Mu'allim (1999:31). اللَّهُمَّ أَجِرْنَا فِي مُصِيبَتِنَا وَاخْلِفْ لَنَا خَيْرًا مِنْهَا

Terjemahan sebenar:

“cukuplah Allah sebaik-baik penolong”.

“ya Allah lindungilah kami dari bencana dan gantilah ia menjadi kebaikan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“sabarlah, semoga dipermudah segalanya.”

f. Ungkapan apabila mendapati talak (cerai)

عَوَّضَكَ اللَّهُ خَيْرًا مِنْهَا أَوْ مِنْهُ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah mengganti dengan yang lebih baik darinya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“sabarlah..”.

g. Ungkapan takziah (apabila berduka cita)

أَحْسَنَ اللَّهُ عَزَاءَكُمْ وَعَفَرَ لِمِيتِكُمْ

Mu'allim (1999:34). رَزَقَكُمْ اللَّهُ الصَّبْرَ وَالسَّلْوَانَ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah menghiburmu dan memberi keampunan bagi mayit tersebut.”

“semoga Allah menganugerahkan sabar dan hiburan kepadamu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“takziah di atas kehilangan.”

“Allah lebih menyayangnya, bersabarlah.”

h. Ungkapan apabila diceritakan syi'ir

Mu'allim (1999:35). نَعِيمًا أَيُّ نَعِمَتٍ نَعِيمًا

Terjemahan sebenar:

“semoga penuh dengan nikmat” makna ayat penuh ialah semoga engkau peroleh kenikmatan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“aduhai syahdunya.”

i. Ungkapan mendapati pakaian baru

لَبِستُ جَدِيدًا وَعِشْتَ سَعِيدًا

Mu'allim (1999:35). لَبِستُ جَدِيدًا وَعِشْتَ حَمِيدًا وَمُتَّ شَهِيدًا

Terjemahan sebenar:

“engkau memakai pakaian baru, hidup dalam keadaan terpuji dan semoga meninggal dalam keadaan syahid.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah mendapat pakaian baru, semoga bergembira”

“tahniah mendapat pakaian baru, semoga lebih lagi bersyukur”

j. Ungkapan setelah makan

Mu'allim (1999:36). الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah yang memberi makanan, minuman dan menjadikan kita golongan orang-orang islam.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“syukur di atas rezeki yang diberi.”

2.1.1.3 Teori Ketiga

Manakala Nik Fathiyyah Nik Soh (2001) menghuraikan bahawa terdapat tujuh belas konteks ungkapan islam yang sopan di dalam bahasa Arab, iaitu:

1. Konteks Sapaan. Konteks ini terdiri atas enam kategori iaitu:

a. Konteks sapaan umum

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ / سَلَامٌ عَلَيْكُمْ (وَالْجَوَابُ) وَعَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ /

Nik Fathiyyah (2001:41-42) وَعَلَيْكُمْ كَمَا قُلْتُمْ

Terjemahan sebenar:

“Semoga kesejahteraan selalu tercurahkan ke atas kalian”, dijawab
“dan perkara yang sama pun tercurahkan ke atas kalian.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“salam, selamat sejahtera.” dijawab “salam, selamat sejahtera.”

b. Konteks sambutan (tetamu) secara umum

مَرْحَبًا (وَالْجَوَابُ) مَرْحَبًا / أَهْلًا وَسَهْلًا Nik Fathiyyah (2001:43)

Terjemahan sebenar:

“(saya menyambut kedatangan engkau) dengan sambutan yang hangat.”
dijawab “(saya juga menyambut kedatangan engkau) dengan sambutan yang hangat.” atau “(sambutan atas kedatangan Anda) sebagai keluarga (bukan sebagai orang asing), (dan Anda pergi pun) dengan selesa (juga).”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang” dijawab “selamat datang”.

c. Konteks menyambut untuk suatu masa tertentu

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى السَّلَامَةِ / الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكُمْ / طَوَّلَتِ الْغَيَّةَ عَلَيْنَا، اِشْتَقْنَا لَكَ

Nik Fathiyyah اللَّهُ يُسَلِّمُكَ / سَلَّمَكَ اللَّهُ / لِمَنْ هُوَ أَشَوْقُ (وَالْجَوَابُ)

(2001:43)

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah atas keselamatanmu” dijawab *“Allahlah penyelamatmu / bagi sesiapa yang merindukanmu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

d. Sapaan di waktu pagi

Nik أَسْعَدَ اللَّهُ صَبَاحَكَ / صَبَاحَ الْخَيْرِ (وَالْجَوَابُ) يُسْعِدُ صَبَاحَكَ / صَبَاحَ النُّورِ

Fathiyyah (2001:44)

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberi kesenangan di masa pagimu / semoga menjadi pagi yang baik.” dijawab *“semoga Allah (juga) memberi kesenangan di masa pagimu / semoga menjadi pagi yang bercahaya.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat pagi”. dijawab *“selamat pagi”.*

e. Konteks sapaan di waktu tengah hari

Nik اللَّهُ مَعَكَ / نَهَارُكَ سَعِيدٌ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُ يَحْفَظُكَ / نَهَارُكَ سَعِيدٌ

Fathiyyah (2001:45)

Terjemahan sebenar:

“(semoga) Allah bersamamu / (semoga) petangmu menyenangkan” dijawab *“(semoga) Allah menjagamu / (semoga) petangmu menyenangkan”.*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat tengah hari” dijawab *“selamat tengah hari”.*

f. Konteks sapaan di waktu petang

Nik أَسْعَدَ اللَّهُ مَسَاءَكَ / مَسَاءَ الْخَيْرِ (وَالْجَوَابُ) يُسَعِدُ مَسَاءَكَ / مَسَاءَ النُّورِ

Fathiyyah (2001:45)

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberi kebahagiaan bagimu di masa petang / semoga masa petang penuh dengan kebaikan.” dijawab *“semoga Allah juga memberi kebahagiaan kepada engkau / masa petang yang penuh dengan cahaya.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“Selamat petang” dijawab *“selamat petang”*

2. Konteks Bersyukur. Konteks ini terdiri atas enam katagori sebagai berikut:

a. Bersyukur kepada Allah (dalam bentuk umum)

Nik Fathiyyah (2001:45) الْحَمْدُ لِلَّهِ، هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah, ini adalah kurnia Tuhanku.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“syukur di atas segala pemberian.”

b. Bersyukur kepada Allah selepas makan

Nik الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُمَّ آمِينَ

Fathiyyah (2001:45)

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah yang telah memberi kita makan dan minum dan menjadikan kita termasuk orang-orang muslim.” dijawab *“kabulkanlah wahai Allah.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“syukur di atas rezeki yang ada.”

c. Turunnya hujan lebat (diucapkan selepas turun hujan)

مَطَرُنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ (وَالْجَوَابُ) حَمْدًا لِلَّهِ عَلَى نِعَمِهِ / اللَّهُمَّ أَتَمِّ عَلَيْنَا فَضْلَكَ Nik

Fathiyyah (2001:46)

Terjemahan sebenar:

“Telah turun hujan (kepada) kita kerana keutamaan dan rahmat Allah”
dijawab “segala puji ke atas nikmatnya / ya Allah sempurnakanlah keutamaan-Mu atas kami.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“syukur di atas rahmat Allah.” dijawab “segala puji bagi Allah.”

d. Mendengar petir

سُبْحَانَ اللَّهِ الَّذِي يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُمَّ أَعْصِمْنَا

Nik Fathiyyah (2001:46) مِنْ غَضَبِكَ وَعِقَابِكَ

Terjemahan sebenar:

“maha suci Allah sehingga petir dan malaikat bertasbih kerana takut kepada-Nya” dijawab “wahai Allah lindungilah kami daripada marah dan hukuman-Mu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga tak berlaku apa-apa.” dijawab “Amin ya Allah”.

e. Bersyukur kepada sesama manusia (dalam bentuk umum)

شُكْرًا / شُكْرًا لَكَ (وَالْجَوَابُ) عَفْوًا هَذَا وَاجِبٌ

شُكْرًا جَزِيلًا (وَالْجَوَابُ) لَا شُكْرَ عَلَى الْوَاجِبِ Nik Fathiyyah (2001:45)

Terjemahan sebenar:

“terima kasih atau terima kasih banyak” dijawab “sama, ini merupakan kewajipan atau sudah semestinya (saya menolong anda).”

Terjemahan konteks pertuturan:

“terima kasih”. jawab “sama-sama”.

f. Bersyukur mendapatkan makanan

أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ وَأَكَلَ طَعَامَكُمْ الْأَبْرَارُ وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ (وَالْجَوَابُ) بَارَكَ

Nik Fathiyyah (2001:43) اللَّهُ فِيكُمْ

Terjemahan sebenar:

“semoga orang-orang berpuasa dan orang-orang yang baik menjamu selera dengan makananmu serta malaikat pun berselawat untukmu”
dijawab *“semoga Allah memberkatimu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat menjamu selera” dijawab *“terima kasih”*.

3. Konteks Berziarah. Konteks ini terdiri daripada tiga kategori seperti yang berikut:

a. Menjenguk orang sakit

Nik Fathiyyah (2001:47) الشِّفَاءُ الْعَاجِلُ (وَالْجَوَابُ) شُكْرًا

Terjemahan sebenar:

“semoga kesembuhan yang segera” dijawab *“terima kasih”*.

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga cepat pulih” dijawab *“terima kasih”*.

b. *Al-Istirjā*’ (ungkapan mengembalikan)

Nik إِنََّّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُ يَرْحَمُهُ / طَيِّبَ اللَّهُ تَرَاهُ / الْبَقَاءُ لِلَّهِ

Fathiyyah (2001:49)

Terjemahan sebenar:

“sesungguhnya kita milik Allah dan kepadanya kita kembali”
dijawab *“semoga Allah mengasihinya / semoga Allah memberi kebaikan kepadanya / kekekalan hanyalah bagi Allah.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

"takziah di atas kehilangan", "tuhan lebih menyayanginya" dijawab *"terimakasih"*.

c. Mengunjungi orang-orang yang kesulitan

Nik Fathiyyah أَتَّقِي اللَّهَ وَاصْبِرْ (وَالْجَوَابُ) الْبَقَاءُ لِلَّهِ / إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

(2001:49)

Terjemahan sebenar:

"bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah" dijawab *"kekekalan hanyalah bagi Allah / sesungguhnya kita milik Allah dan kepadanya lah kita kembali."*

Terjemahan konteks pertuturan:

"takziah, semoga terus tabah menghadapi." dijawab *"terima kasih"*.

4. Konteks Orang Bersin.

مِنَ الْعَاطِسِ : الْحَمْدُ لِلَّهِ (وَالْجَوَابُ) يَرْحَمُكَ اللَّهُ

Nik Fathiyyah مِّنَ الْعَاطِسِ: يَهْدِيكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحْ بَالَكُمْ / يَرْحَمُنَا وَلَكُمْ / يَغْفِرْ لَنَا وَلَكُمْ

(2001:50)

Terjemahan sebenar:

"orang bersin: "segala puji bagi Allah" dijawab *"semoga Allah merahmatimu"*.

"orang bersin: "semoga Allah memberi petunjuk bagimu dan memperbaiki keadaanmu."

Terjemahan konteks pertuturan:

orang bersin: *"alhamdulillah"*. dijawab *"yarhakumullah"*. Orang bersin: *"yahdikumullah"*.

5. Konteks Kekaguman

Nik Fathiyyah (2001:51) سُبْحَانَ اللَّهِ / مَا شَاءَ اللَّهُ تَبَارَكَ اللَّهُ

Terjemahan sebenar:
“Maha suci Allah / Allah Maha berkehendak”.

Terjemahan konteks pertuturan:
“wah.. indahnyanya”.

6. Konteks Memanggil Seseorang

Konteks gaya bahasa sapaan ini terdiri atas tiga katagori sebagai berikut:

a. Memanggil anggota keluarga

Nik Fathiyyah (2001:51) يَا بُنَيَّ (وَالْجَوَابُ) نَعَمْ / أَجَلْ / سَمْعًا وَطَاعَةً / حَاضِرٌ / لَبَّيْكَ

Terjemahan sebenar:
“wahai anakku” dijawab “ya saya” / “(saya) mendengar dan mematuhi” “saya memenuhi panggilanmu”.

Terjemahan konteks pertuturan:
“wahai anakku” dijawab “ya, saya”.

b. Memanggil perempuan (tanpa menyebut namanya)

Nik Fathiyyah (2001:52) يَا هَنَّتَاهُ (وَالْجَوَابُ) نَعَمْ / أَجَلْ / حَاضِرٌ

Terjemahan sebenar:

Terjemahan konteks pertuturan:
“wahai perempuan” dijawab “ya, saya”.

c. Panggilan secara umum (kepada seseorang)

Nik Fathiyyah (2001:53) يَا غُلَامُ / يَا فَتَى (وَالْجَوَابُ) لَبَّيْكَ يَا سَيِّدِي / أَمْرُكَ يَا سَيِّدِي / سَيِّدِي

Fathiyyah (2001:53)

Terjemahan sebenar:
“wahai pemuda” dijawab “saya memenuhi panggilanmu wahai tuanku” / “perintahmu wahai tuanku” / “tuanku”.

Terjemahan konteks pertuturan:
“wahai pemuda” dijawab “ya, saya tuan”.

7. Konteks Berlindung Kepada Allah

. Nik Fathiyyah (2001:54) *أَعُوذُ بِاللَّهِ / أَعُوذُ بِالرَّحْمَنِ*

Terjemahan sebenar:

“saya berlindung kepada Allah” / “saya berlindung kepada Yang Maha Penyayang.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga Allah melindungi.”

8. Konteks Tawakkal (berserah diri)

Nik Fathiyyah (2001:54) *تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ / حَسْبُنَا اللَّهُ*

Terjemahan sebenar:

“saya berserah diri kepada Allah, cukuplah Allah bagi saya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“Allahlah tempat berserah diri.”

9. Konteks Tahniah

Konteks gaya bahasa sapaan ini terdiri atas lapan katagori sebagai berikut:

a. Konteks tahniah dalam bentuk umum

Nik Fathiyyah (2001:54) *بَارَكَ اللَّهُ عَلَيْكَ / مُبَارَكٌ لَكَ / بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ*

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberkatimu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah”.

b. Konteks perkahwinan

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ (وَالْجَوَابُ) جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْخَيْرَ

Nik Fathiyyah (2001:55) وَالْبَرَكَةُ / آمِينَ / شُكْرًا / حَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberkatimu dan menyatukan kalian berdua di dalam kebaikan” dijawab *“semoga Allah memberikan kebaikan dan keberkatan kepadamu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat pengantin baru, semoga berkekalan hingga anak-cucu”.
dijawab *“terima kasih”.*

c. Konteks haji dan umrah

حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا (وَالْجَوَابُ) جَمِيعًا، إِنْ شَاءَ اللَّهُ Nik

Fathiyyah (2001:56)

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi haji yang mabrur, diampun dosa dan bersyukur mendapati sa'i” dijawab *“semoga kita semua mendapatkannya, jika Allah berkehendak.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah, semoga mendapat haji yang mabrur” dijawab *“Amin.. terima kasih”.*

d. Konteks baru melahirkan

بُورِكَ فِي الْمَوْهُوبِ وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ وَرَزَقْتَ بِهِ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُ يُبَارِكُ فِيكَ Nik Fathiyyah

(2001:56)

Terjemahan sebenar:

“semoga diberkahi dalam (sesuatu) pemberian dan engkau bersyukur kepada Sang Maha Pemberi serta engkau diberi rezeki dengan kebaikannya” dijawab *“semoga Allah memberkatimu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga jadi anak yang soleh/solehah” dijawab *“Amin.. trima kasih”*.

e. Konteks pindah ke rumah yang baru

مَنْزِلًا مُبَارَكًا (وَالْجَوَابُ) رَبُّنَا يُوسِّعُ عَلَيْكَ

Nik Fathiyyah (2001:56) أَلْفُ مَبْرُوكٍ عَلَى الْبَيْتِ الْجَدِيدِ (وَالْجَوَابُ) رَبُّنَا يُوسِّعُ عَلَيْكَ

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi rumah yang berkat” dijawab *“semoga Allah memudahkan rezekimu.”*
“

Terjemahan konteks pertuturan:

selamat mendiami rumah baru” dijawab *“semoga terima kasih”*.

f. Konteks mendapat suatu kejayaan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَكَ (وَالْجَوَابُ) الْحَمْدُ لِلَّهِ

Nik Fathiyyah (2001:57) مُبَارَكٌ عَلَى النَّجَاحِ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُ يُكْرِمُكَ

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah yang telah menolongmu” dijawab *“segala puji bagi Allah.”*
“tahniah di atas kejayaan” dijawab *“semoga Allah memuliakanmu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat di atas kejayaan” dijawab *“terima kasih”*.

g. Konteks pakaian baru

لَبِسْتَ جَدِيدًا وَعِشْتَ سَعِيدًا (وَالْجَوَابُ) جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

Nik Fathiyyah لَبِسْتَ جَدِيدًا وَعِشْتَ حَمِيدًا وَمِتَّ شَهِيدًا (وَالْجَوَابُ) شُكْرًا

(2001:57)

Terjemahan sebenar:

“engkau memakai baju baru dan (semoga) berbahagia” dijawab
“(semoga) Allah membalas kebaikanmu.”

“engkau memakai baju baru, semoga berbahagia dan meninggal dalam keadaan syahid.” dijawab *“terima kasih”*.

Terjemahan konteks pertuturan:

“tahniah (dapat) baju baru” dijawab *“terima kasih”*.

h. Konteks makan (diucapkan kepada orang yang makan atau minum)

هَنِيئًا (وَالْجَوَابُ) هَنَّاكُمُ اللَّهُ

Nik Fathiyyah (2001:57-58) هَنِيئًا مَرِيئًا (وَالْجَوَابُ) هَنَّاكُمُ اللَّهُ

Terjemahan sebenar:

“sesuatu yang sedap lagi baik” dijawab *“semoga Allah memberi tambahan rasa sedap padamu.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“syukur di atas rezeki yang diberi.” dijawab *“semoga lebih bersyukur.”*

10. Konteks Perpisahan

Nik Fathiyyah (2001:58) مَعَ السَّلَامَةِ (وَالْجَوَابُ) فِي أَمَانِ اللَّهِ وَتَوْفِيقِهِ

Terjemahan sebenar:

“semoga selamat (sampai tujuan)” dijawab *“semoga dalam perlindungan Allah dan taufik-Nya.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“jumpa lagi” dijawab *“jumpa lagi”*.

11. Konteks Perayaan (Meraikan)

Konteks gaya bahasa sapaan ini terdiri atas dua kategori iaitu:

a. Hari raya

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ (وَالْجَوَابُ) إِنَّ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الْفَائِزِينَ الْعَائِدِينَ Nik

Fathiyyah (2001:59)

Terjemahan sebenar:

“(semoga termasuk golongan) orang-orang yang kembali kepada fitrah dan menjadi orang-orang yang berjaya ” dijawab “jika Allah berkehendak pastilah menjadi orang-orang yang berjaya dan kembali kepada fitrah.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat hari raya” dijawab “selamat hari raya (juga)”.

b. Bulan Puasa

رَمَضَانُ كَرِيمٌ (وَالْجَوَابُ) اللَّهُ أَكْرَمُ Nik Fathiyyah (2001:60)

Terjemahan sebenar:

“selamat menyambut bulan Ramadhan yang mulia” dijawab “Allah lagi lebih Mulia”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat berpuasa” dijawab “selamat berpuasa (juga)”.

12. Konteks Mendoakan dalam Suatu Perkara Penting

بِالتَّوْفِيقِ (وَالْجَوَابُ) نَحْنُ جَمِيعًا Nik Fathiyyah (2001:60)

Terjemahan sebenar:

“semoga mendapat taufik” dijawab “semoga kita semua mendapatkannya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga dipermudahkan segala urusan.” dijawab “terima kasih”.

13. Konteks Meminta

Konteks gaya bahasa sapaan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu:

a. Meminta izin

بَعْدَ إِذْنِكَ (وَالْجَوَابُ) (بَعْدَ الْإِذْنِ) أَنْتَ الْمَشْكُورُ Nik Fathiyyah (2001:61)

Terjemahan sebenar:

“setelah (mendapat) izinmu” dijawab (seteah diizinkan) “engkau yang disyukuri”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“saya ingin meminta izin” dijawab “saya izinkan”.

b. Meminta tolong

مِنْ فَضْلِكَ (وَالْجَوَابُ) شُكْرًا Nik Fathiyyah (2001:61)

Terjemahan sebenar:

“kerana keutamaanmu” dijawab “terima kasih”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“jika tidak keberatan” dijawab “terima kasih”.

14. Konteks (do‘a) Menghilangkan Sakit

مَسَحَ اللَّهُ عَنْكَ مَا تُكْرَهُ / لَا يَكُنْ بِكَ السُّوءُ (وَالْجَوَابُ) آمِينَ Nik Fathiyyah

(2001:62)

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah menghilangkan semua yang engkau tidak sukai / semoga tidak bertambak buruk” dijawab “perkenalkanlah ya Allah.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga Allah bagi kesembuhan.” dijawab “amin”.

15. Konteks Bertanya tentang Khabar

كَيْفَ حَالُكَ ؟ (وَالْجَوَابُ) بِخَيْرٍ، الْحَمْدُ لِلَّهِ Nik Fathiyyah (2001:62)

Terjemahan sebenar:

“bagaimana keadaanmu?” dijawab *“(keadaan saya) baik, segala puji bagi Allah”*.

Terjemahan konteks pertuturan:

“apa khabar?” dijawab *“khabar baik, alhamdulillah”*.

16. Konteks Memohon Pertolongan Kepada Allah

اللَّهُ الْمُسْتَعَانُ

Nik Fathiyyah (2001:63) نَسْتَعِينُ بِاللَّهِ

Terjemahan sebenar:

“Allah Maha Penolong” / “kita (berharap) kepada pertolongan Allah.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga Allah member pertolongan.” dijawab *“amin”*.

17. Konteks Apabila Dicurigai oleh Orang Lain

مَعَاذَ اللَّهِ

Nik Fathiyyah (2001:63) أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَفْعَلَ ذَلِكَ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah melindungi”.

“saya berlindung pada Allah berbuat yang demikian.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“lindungilah selalu ya Allah.”

Pengkaji telah membincangkan tiga teori gaya bahasa sapaan yang terdapat di dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Ketiga teori tersebut mempunyai perbezaan di

antara yang satu dengan yang lainnya. Di antara perbezaannya ialah; teori Tamām Hasān hanya membahas tentang sebutan gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara rawak. Beliau tidak membezakan di antara gaya bahasa sapaan fusha (formal) dan ‘ammiyyah (tidak formal). Seterusnya, teori tersebut juga tidak menerangkan secara rinci tentang konteks penggunaan dan makna yang terdapat di dalamnya.

Sedangkan teori Mu‘allim hanya berfokus kepada gaya bahasa sapaan bahasa Arab dari sudut ‘ammiyah sahaja. Gaya bahasa sapaan tersebut beliau hadkan kepada lima negara Arab sahaja iaitu negara Mesir, Irak, Aljazair, Arab Saudi dan Lebanon. Di dalam sebahagian besar pembahasan beliau juga menerangkan tentang sebutan gaya bahasa sapaan secara fusha. Namun, pembahasan itu tidak secara lengkap, hanya sebagai penjelasan sahaja.

Walau bagaimanapun, Nik Fathiyyah telah menerangkan dan menghuraikan teori gaya bahasa sapaan bahasa Arab lebih rinci dari dua teori di atas. Beliau telah membahagikan gaya bahasa sapaan tersebut kepada tujuh belas kategori besar serta dibahagikan lagi kepada sub-sub kategori. Kategori yang dihuraikan di dalam teori ini merupakan yang paling lengkap samada dari sudut konteks dan makna penggunaannya.

2.2 Teori Konstruktivisme

Bagi menghuraikan dan menyokong pembahasan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab pengkaji menggunakan teori konstruktivisme. Berikut huraian tentang teori tersebut:

2.2.1 Konstruktivisme

Pengkaji menggunakan teori ini kerana dalam menguasai sesuatu bidang setiap orang memerlukan teori-teori tertentu untuk menguasai pembelajaran pada tahap yang maksimum dan berterusan. Oleh itu, terdapat tiga teori asas tentang pembelajaran, iaitu

behaviorisme, kognitivisme dan konstruktivisme (Nieveen & Gustafson, 1999:163-164). kajian ini yang akan mengupas tentang teori penguasaan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab, pengkaji hanya akan menggunakan teori konstruktivisme sahaja.

2.2.1.1 Sejarah dan Definisi Konstruktivisme

Von Glasersfeld dalam Suparno (1997:24) menerangkan bahawa pengertian konstruktif kognitif ialah berasal daripada tulisan Mark Baldwin. Seterusnya, teori ini diperkuat dan dimasyhurkan lagi oleh Jean Piaget. Namun, jika dilihat idea awal konstruktivisme telah diperkenalkan oleh Giambattista Vico, seorang epistemologi dari Itali. Beliau merupakan pengasas teori konstruktivisme ini.

Menurut teori konstruktivisme, Piaget dalam Suparno (2001:122-123) menjelaskan bahawa pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Individu ini tidak menyerap secara pasif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh gurunya. Pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baru dalam mindanya dengan bantuan komunikasi sosial bersama rakan dan gurunya. Pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab merupakan satu cara untuk menyatukan pengetahuan sedia ada dengan sebarang maklumat baru yang pernah dipelajari oleh pelajar pada tingkatan-tingkatan sebelumnya.

Seterusnya, Von Glasersfeld dalam Suparno (1997:18) menerangkan bahawa konstruktivisme merupakan suatu falsafah pengetahuan yang menitik beratkan bahawa pengetahuan itu ialah binaan (konstruksi) seorang individu sendiri. Untuk itu, suatu binaan mestilah berhubung kait dengan pengalaman sedia ada yang dipunyai oleh seorang pelajar di sekolah sebelumnya.

2.2.1.2 Penerapan Teori Konstruktivisme

Von Glasersfeld dalam Suparno (1997:65) menegaskan bahawa cara berfikir yang baik ialah lebih diambil kira daripada mendapatkan jawapan yang betul atas sesuatu soalan yang sedang dipelajari. Perkara ini amat penting, kerana pelajar yang hanya mendapatkan jawapan yang betul belum tentu boleh menyelesaikan persoalan yang baru didapati.

Pelajar perlu membina pemahaman sendiri secara aktif dan kreatif. Suparno (1997:62) mengatakan bahawa suatu pengetahuan yang di perolehi oleh seorang pelajar perlu melalui cara yang aktif. Para guru tidak akan berjaya memindahkan pemikiran-pemikiran mereka secara langsung ke dalam minda pelajar secara pasif.

Suparno (1997:73) mengemukakan bahawa prinsip-prinsip yang sering diambil dari konstruktivisme antara lain ialah:

- (1) Pengetahuan dibangun oleh pelajar secara aktif*
- (2) Tekanan dalam proses belajar terletak pada pelajar*
- (3) Mengajar adalah membantu pelajar belajar*
- (4) Tekanan dalam proses belajar lebih pada proses bukan pada hasil akhir*
- (5) Kurikulum menekankan penglibatan pelajar, dan*
- (6) Guru adalah fasilitator.*

Melalui penerangan tentang teori konstruktivisme di atas, dapat diringkaskan bahawa ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme adalah sebagai berikut:

1. Menghubungkan pembelajaran dengan pengetahuan awal yang telah dipunyai pelajar sehingga pengetahuan akan dibina oleh pelajar secara bermakna. Hal ini dapat dilakukan dengan menyediakan pengalaman belajar yang sesuai dengan pengalaman yang dimiliki oleh pelajar.

2. Menyatukan pembelajaran dengan situasi yang jelas dan sesuai, sehingga pelajar terbabit secara emosional dan social dalam sesi pembelajaran itu. Dengan demikian diharapkan pembelajaran bahasa menjadi lebih berkesan bagi mereka dan akan membuat mereka lebih bermotivasi untuk menguasainya. Hal ini dapat dilakukan dengan cara menyediakan tugas mengenai bahasa berkaitan dengan kehidupan seharian pelajar.
3. Menyediakan pelbagai alternatif pengalaman dalam pembelajaran. Hal ini dapat dilakukan dengan memberikan sesi soal jawab secara terbuka, menyediakan situasi permasalahan yang dapat diselesaikan secara kreatif menggunakan pelbagai cara dan tidak hanya mempunyai satu jawapan yang benar.
4. Mendorong berlakunya proses komunikasi dan kerjasama dengan orang lain atau lingkungannya, dan juga mendorong berlakunya perbincangan dan perundingan terhadap pengetahuan baru.
5. Mendorong penggunaan pelbagai cara persembahan atau media.
6. Mendorong meningkatkan kesedaran pelajar dalam proses pembentukan pengetahuan melalui refleksi diri. Dalam hal ini, penting bagi pelajar untuk disokong kemampuannya dalam menjelaskan mengapa atau bagaimana untuk menyelesaikan suatu masalah atau menganalisis bagaimana proses mereka mengkonstruksi pengetahuan, serta sama ada lisan mahu pun tulisan tentang apa yang sudah atau belum diketahuinya.

Sri Indrawati (t.t:12-13) dalam kajiannya menegaskan bahawa pembelajaran konstruktivisme boleh mempertingkatkan kualiti pembelajaran, sama ada berhubung kait dengan proses dan produk ataupun hasil daripada pembelajaran. Hal ini pula disokong oleh hasil temu bual dan ujian pencapaian pelajar, yang menyimpulkan

bahawa pelajar yang aktif dan kreatif lebih menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab berbanding kepada pelajar-pelajar yang sebaliknya.

Aramillo (1996) menjelaskan, Vygotsky mencatat bahawa interaksi individu dengan orang lain berlangsung pada situasi sosial. Vygotsky percaya bahawa subjek yang dipelajari memberi pengaruh kepada proses pembelajaran dan mengakui bahawa tiap-tiap disiplin ilmu mempunyai metod pembelajaran tersendiri. Vygotsky adalah seorang guru yang tertarik untuk mereka bentuk kurikulum sebagai fasilitator dalam hubungan pelajar. Mengikut pandangan konstruktivis, pelajar membina atau membentuk idea baru dan bukan menerima idea tersebut. Pelajar juga menjana secara aktif makna daripada setiap satu pengalaman yang dilalui. Pakar-pakar konstruktivisme melihat pembelajaran sebagai pembinaan mental. Pelajar belajar menyenaraikan maklumat baru dengan menggunakan maklumat lepas yang diketahui.

Rutherford dan Ahlgren (1990) berpendapat bahawa pelajar mempunyai idea mereka sendiri tentang hampir semua perkara, di mana ada yang betul dan ada yang salah. Jika kefahaman ini diabaikan atau tidak ditangani dengan baik, kefahaman atau kepercayaan asal mereka itu akan tetap kekal walaupun dalam peperiksaan mereka mungkin memberi jawapan seperti yang dikehendaki oleh guru.

2.3 Teori Struktur *I'rāb* dalam Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Ahmad Kilani (2001:20) mengatakan bahawa pembelajaran nahu tidak perlu dipelajari secara langsung atau secara tersendiri dan berasingan semasa mempelajari bahasa Arab. Pendedahan nahu bahasa Arab dikemukakan kepada pelajar secara tidak langsung atau dalam bentuk perbandingan dengan bahasa asal yang digunakan oleh pelajar terbabit.

2.3.1 Definisi *I'rāb*

Di sini, pengkaji menjelaskan tentang pengertian *i'rāb*. menurut bahasa, Mohd. Mahyiddin (1939:29), mendefinisikan bahawa *i'rāb* ialah kata nama terbitan bagi kata kerja *a'raba* yang bererti menerangkan. Ia telah mengalami proses pengimbuhan iaitu alif dalam fonem kata dasar *'araba*. Perkataan *i'rāb* dan sub golongannya mempunyai berbagai-bagai pengertian yang berkisar sekitar antara makna keterangan (الْبَيَانَةُ), penjelasan (الْإِفْصَاحُ) dan kemunculan (الظُّهُورُ). Manakala, Ibnu Manzūr (1992:114) mengatakan bahawa pengertian bahasa bagi perkataan *i'rāb* ialah sama dengan pengertian *ta'rīb* kerana masing-masing menunjukkan makna keterangan, seperti ungkapan *أَعْرَبَ \ عَرَّبَ عَنْهُ حَاجَتَهُ* (menerangkan tentang maksud). Akan tetapi dari sudut penggunaan pula, kedua-duanya memainkan peranan yang berbeza. Menurut Ibrahim Anis dan rakan-rakannya dalam *mu'jam al-wasīt* (1972:591), penggunaan *i'rāb* masyhur dalam kalangan para sarjana nahu Arab bagi menunjukkan tanda-tanda fleksi dan hubungannya dengan konteks ayat. Manakala *ta'rīb* pula digunakan oleh ahli linguistik untuk menunjukkan peminjaman bahasa. Selain itu, perkataan *i'rāb* juga turut memberi pengertian keelokan (تَحْسِينٌ), contohnya ungkapan *أَعْرَبْتُ الشَّيْءَ* (saya menzahirkan keelokannya), dan pengertian perubahan dan kehilangan (تَغْيِيرٌ وَإِزَالَةٌ). Walau apapun pengertian yang diberikan, 'Abdul Karim (1988:10), mengatakan secara amnya ia merujuk kepada makna keterangan (الْبَيَانَةُ) dan penjelasan (الْإِفْصَاحُ).

'Imrithi dalam (Mu'minin 2009:20) mengungkapkan definisi *i'rāb* sebagai:

إِعْرَابُهُمْ تَغْيِيرُ آخِرِ الْكَلِمِ # تَقْدِيرًا أَوْ لَفْظًا لِعَامِلٍ عُلِمَ

Maksudnya:

“I‘rāb menurut pakar nahu ialah merobah akhir perkataan, sama ada secara taqdir (perkiraan) mahupun secara lafaz kerana terdapat ‘amil (agen) yang telah diketetahui wujudnya.”

I‘rāb menurut pakar nahu bahasa Arab adalah mengubah akhir perkataan, sama ada secara perkiraan atau secara lafaz kerana terdapat agen yang sudah diketahui keadaanya. manakala Ibnu Jinnī dalam kitabnya al-khaṣāis menerangkan bahawa perkataan *i‘rāb* menjelaskan makna dengan lafaz.

Emiel Badi‘ (1991:105), mendefinisikan bahawa *i‘rāb* menurut istilah pula ialah perubahan akhir kata sama ada pada harakat (baris) mahupun harf (huruf). Hal ini disebabkan oleh perubahan fungsi nahuan dalam suatu ungkapan. Seterusnya, Ibnu Hishām (1979:39), mendefinisikan *i‘rāb* sebagai:

تَغْيِيرُ أَوَاخِرِ الْكَلِمِ بِسَبَبِ اخْتِلَافِ الْعَوَامِلِ الدَّاخِلِيَّةِ عَلَيْهِ

Maksudnya:

“I‘rāb ialah perubahan hujung perkataan disebabkan perbezaan agen yang masuk kepadanya atau memberi kesan padanya.”

Justeru itu, ‘Abdul Rajihi: (1985:16) menjelaskan bahawa *i’rāb* merupakan suatu tanda yang terletak pada hujung perkataan bagi menunjukkan status serta fungsi sesuatu ayat. ‘Abdul Hādī (1979:22) menambah lagi dengan mengatakan bahawa perubahan akhir kata sesuatu perkataan adalah ekoran daripada perubahan agen-agen tertentu yang berada sebelumnya yang juga merupakan penyebab kepada terjadinya nominatif, akusatif dan genetif sesuatu perkataan. Contohnya:

1. إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحِ (al-Nasr:1)
2. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ (al-Ṣāf:14)
3. إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ (Muhammad:7)

Baris akhir bagi perkataan نَصْرُ، أَنْصَارَ، يَنْصُرْ dalam contoh ayat di atas berubah-ubah bergantung kepada fungsi nahuan dan kedudukannya dalam ayat. نَصْرُ dalam contoh ayat (1) berbaris dhammah (baris hadapan) kerana berada dalam kasus nominatif sebagai pelaku. Sementara أَنْصَارَ dalam contoh (2) diberi baris atas (fathah) kerana berfungsi sebagai predikat “kana” (خَبَرٌ كَانَ) yang bersifat akusatif. Manakala perkataan يَنْصُرْ dalam contoh (3) pula adalah kata kerja kala kini yang dimatikan bunyi fonem akhirnya kerana berfungsi sebagai jawab syarat bagi partikel syarat ‘in’ sebelumnya.

BAB 3

Metodologi Kajian

3.0 Pengenalan

Dalam kajian ini, penyelidikan telah dijalankan menggunakan pendekatan deskriptif yang berfokus kepada kajian lapangan iaitu kajian tinjauan. Kajian ini pula menggunakan metodologi campuran (mix method) iaitu metodologi kualitatif dan kuantitatif. Brewer & Hunter (1989: 28) menyatakan bahawa definisi mix method ialah *“A mix method research design is a procedure for collecting, analyzing and mixing both qualitative and quantitative data in a single study to undersatand a research problem”*. Iaitu bermaksud (satu metodologi penyelidikan campuran ialah suatu prosedur bagi mengumpulkan, menganalisis dan mencampur sama ada data kualitatif dan kuantitatif ke dalam satu kajian untuk memahami masalah kajian). Berikut ini perbincangan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan tema di atas iaitu:

3.1 Reka Bentuk Penyelidikan

Noraini Idris (2010:198) menyebutkan bahawa tujuan utama kajian tinjauan adalah untuk menghuraikan ciri-ciri sesebuah populasi agar kajian dapat dilaksanakan. Tindakan mengkaji sesuatu masalah, fenomena atau perkara baru dalam aturan pula bertujuan untuk mengetahui, menganalisis atau memperakui masalah, fenomena atau hal tersebut.

Rekabentuk penyelidikan adalah sebagai perancangan struktur dan strategi dalam sesuatu penyelidikan, jadi seseorang sangatlah perlu memastikan jenis rekabentuk apa yang akan dipilih. Menurut Suryadi (2005:40) bahawa rekabentuk kajian adalah semua proses yang diperlukan dalam perancangan dan pelaksanaan penyelidikan. Dalam kajian yang lebih sempit penyelidikan hanya mengenai

pengumpulan dan analisis data sahaja, sedangkan dalam erti yang luas rekabentuk kajian meliputi proses perancangan dan pelaksanaan penyelidikan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan rekabentuk-rekabentuk kajian tinjauan. Cresswel (2008:376) mengatakan bahawa rekabentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam kajian kuantitatif di mana pengkaji menguruskan tinjauan terhadap sampel atau semua populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, perilaku, atau ciri-ciri dari populasi tersebut.

Subali (2010:5) mengatakan bahawa kajian tinjauan merupakan kajian yang datanya dihimpun dengan cara pelaporan sendiri (*self report*), ertinya pihak yang diteliti diminta untuk melaporkan data tentang perkara-perkara yang diteliti yang ada pada diri mereka. Oleh itu, di dalam kajian tinjauan pihak yang diteliti disebut dengan istilah responden. Pelaporan data dari responden dihimpun dengan temu bual (interview) atau dengan cara mengisi borang selidik (questionnaire).

Sedangkan menurut Marczyk, et.al, (2005) Kajian tinjauan iaitu menanyakan pelbagai soalan kepada sejumlah orang tentang perilaku, sikap, dan pendapat mereka. Selain itu, kajian tinjauan berusaha untuk mencari hubungan antara ciri-ciri responden dan laporan perilaku dan pendapat mereka.


Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada kajian tinjauan (Cross-sectional kajian tinjauan) maksudnya data hanya dikumpulkan untuk masa tertentu sahaja dengan tujuan menerangkan keadaan populasi.

Secara amnya, kajian tinjauan berusaha untuk mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan yang berikut: sama ada masalah itu benar-benar wujud, apakah jenis masalah yang dihadapi, keseriusan masalah tersebut dan sama ada masalah tersebut menuntut tumpuan dan perhatian.

Dalam hal ini pengkaji akan mengkaji tentang tiga perkara iaitu, pertama, jenis-jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar SMANHP. Kedua, penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar SMANHP. Dan ketiga, faktor-faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan dalam kalangan pelajar SMANHP.

Tahapan-tahapan yang dilakukan oleh pengkaji secara amnya ialah, pertama, membaca buku-buku teks dan buku nota pelajar kelas sebelas di sekolah tersebut. kemudian, mengubahsuai pembahagian gaya bahasa sapaan dan mengekodnya sesuai dengan konteks dan penggunaannya. Seterusnya, pengkaji membuat soalan temu bual, soalan soal selidik dan soalan ujian pencapaian. Tahapan berikutnya, pengkaji melakukan temubual, kaji selidik dan ujian pencapaian kepada 36 orang pelajar-pelajar SMANHP. Tahapan sebegini bagi menjawab objektif kedua dan ketiga membahagikan soalan selidik dan soalan ujian pencapaian untuk diisi sebagaimana mestinya. Data-data kuantitatif dan kualitatif ini dilaporkan dan dianalisis di dalam bab empat.

Berikut adalah rajah 3.1 skema rekabentuk penyelidikan kajian tinjauan:



Sumber: Noraini Idris (2010). Telah diubah suai oleh pengkaji.

3.1.1 Jenis-Jenis Kajian Tinjauan

Seterusnya, Noraini Idris (2010:199) membahagikan kajian tinjauan kepada dua bahagian iaitu:

3.1.1.1 Ulasan Hirisan Rentas

Kajian ini digunakan untuk mengumpul maklumat daripada sampel populasi yang telah ditentukan terlebih dahulu. Masa yang diperlukan untuk mengumpul data boleh mencapai beberapa minggu.

Peninjauan ke atas populasi yang digelar bancian pula digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat tentang ciri-ciri populasi. Ada pula digunakan untuk mendapatkan data berbentuk gagasan (konstruk) atau konsep seperti gagasan motivasi; komitmen dan kecerdasan; serta konsep-konsep pengajaran dan pembelajaran.

3.1.1.2 Ulasan Jangka Panjang (Longitudinal)

Tinjauan jangka panjang menghendaki pengkaji mengumpul data secara intensif dalam satu jangka masa tertentu. Pengkaji kemudian menganalisis perubahan dalam populasi dan cuba untuk memperihalkan atau menerangkannya. Kajian jangka panjang memerlukan penglibatan yang lama oleh semua individu dan institusi yang sanggup menyumbang masa, tenaga, dan sumber kewangan serta sumber-sumber lain bagi tempoh masa yang lama. Contohnya, kajian tentang keberkesanan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kerajaan.

Di samping itu, subjek yang dipilih perlulah sesuai kerana subjek tidak boleh diganti, malah adalah sukar untuk memberi olahan baru selepas kajian dimulakan. Masalah lain yang mungkin dihadapi oleh pengkaji ialah subjek yang dikaji meninggal dunia atau berpindah. Tinjauan jangka panjang amnya boleh menjadi kaedah yang berkesan bagi mengkaji perkembangan sistem dan proses pendidikan, sekiranya masalah tersebut dapat diatasi.

Dari dua buah kajian tinjauan (survey research) di atas, pengkaji menggunakan jenis kajian pertama iaitu kajian tinjauan hirisan rentas. Metodologi ini digunakan kerana lebih sesuai dengan subjek yang telah ada iaitu 36 orang pelajar SMANH. Masa yang tidak terlalu lama pun diambil kira bagi menggunakan metodologi ini.

3.2 Prosedur Menjalankan Kajian tinjauan

Di kutip dari Campbell dan Katona (Marczyk, dkk. 2005:151) bahawa digambarkan ada lapan langkah umum untuk melakukan kajian tinjauan. Hal ini juga didukung oleh pernyataan Sigh (2006:109). Sembilan langkah tersebut adalah seperti berikut:

3.2.1 Tujuan Umum

Langkah ini membabitkan penentuan tujuan am dan tujuan khas. Dalam hal ini pengkaji menggali ide-ide yang berhubungan dengan penyelidikan yang akan dikaji.

Langkah ini meliputi pembangunan khusus mengenai jenis data yang akan dikumpulkan, dan menetapkan hipotesis yang akan diuji. Jenis-jenis datanya ialah berhubung kait dengan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah agama Nurul Huda Palembang.

3.2.2 Menentukan Sampel

Fokus utama dari langkah ini adalah untuk menentukan populasi khusus yang akan ditinjau, untuk memutuskan sampel yang sesuai, dan untuk menentukan kriteria yang akan digunakan untuk memilih sampel.

3.2.3 Kaji Selidik

Langkah ini adalah memutuskan bagaimana sampel harus ditinjau (misalnya, melalui surat, melalui telefon, secara langsung) dan mengembangkan khusus soalan yang akan digunakan. Ini adalah langkah penting yang membabitkan penentuan isi dan

struktur (misalnya, terbuka, tertutup-berakhir, skala Likert) soalan, serta format am tentang instrumen kajian (misalnya, pengenalan ketertiban, salinan (skrip) dari soalan). selanjutnya, kajian terakhir bertujuan untuk analisis protokol di mana akan diberikan kepada pelbagai individu untuk menentukan sama ada (a) jelas dan difahami dan (b) soalan mendapatkan jenis maklumat yang mereka rancang untuk mengumpul data.

3.2.4 Kerja Lapangan

Langkah ini membabitkan pembuatan keputusan tentang individu yang benar-benar akan menguruskan tentang tinjauan, dan kelayakan, pengambilan, dan latihan mereka.

3.2.5 Analisis Kandungan

Hal ini membabitkan transformasi kualitatif, kajian terbuka menjawab data kuantitatif. Hal ini mungkin membabitkan pembangunan prosedur pengkodan, membina kebolehpercayaan dari penapisan data dari prosedur pengkodan, dan mengembangkan prosedur penapisan data secara terperinci.

3.2.6 Analisis Rencana

Secara umum, prosedur ini cukup sederhana kerana analisis data tinjauan selalunya terhad pada statistik deskriptif dan korelasional. Namun, pada kajian tinjauan mesti mempunyai rencana analisis statistik yang jelas.

3.2.7 Tabulasi

Langkah ini membabitkan keputusan tentang entri data. Data entry berkaitan dengan memasukkan (input) data ke dalam program komputer. Setelah semua data yang dikumpulkan dari angket atau soal selidik diberi kod, maka pengkaji kemudian memasukkan data-data tersebut dengan menggunakan program microsoft excell. Setelah data dimasukkan, selanjutnya adalah membersihkan data dari salah taip atau salah

mengkod data. Menurut Purwanto dan Sulistyastuti (2007:75) cara yang dilakukan dalam mengkod data adalah:

- a. Memproses data untuk dilihat misalnya dengan pilihan statistik deskriptif seperti frekuensi, mean, mod, dan median.
- b. Melihat penyimpangan-penyimpangan yang ada.
- c. Menyesuaikan kembali data dengan data yang ada pada soal selidik.
- d. Membetulkan data yang telah masuk.
- e. Memproses kembali dan kembali ke langkah pertama.

3.2.8 Analisis Data dan Pelaporan

Seperti semua penyelidikan, langkah terakhir adalah untuk melakukan analisis data, menyiapkan laporan akhir atau naskah, dan menyebarkan penemuan kajian.

3.3 Persampelan

M. Given (2008:797) menerangkan bahawa sampel adalah himpunan sumber data semasa yang diambil dari populasi yang lebih besar dari sumber data yang berpotensi. Populasi yang terdapat disekolah ini ialah berjumlah 112 orang. Mengikut Arikunto (1996:115) yang mengatakan bahawa “Jika jumlah subjek melebihi dari 100 maka dapat di ambil 10 – 15 % atau lebih, tergantung dari kemampuan peneliti dari segi keterbatasan waktu dan tenaga, sehingga peneliti dapat mengambil sampel banyak”.

Sampel kajian dalam penyelidikan ini telah ditentukan iaitu sebesar lebih dari 15 % dengan membuat pemantauan atau kaji selidik kepada 36 orang pelajar di SMANH Palembang tingkat sebelas (IX), iaitu berkenaan dengan penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hasilnya akan di lampirkan di bahagian akhir daripada pembahasan ini.

Teknik yang digunakan dalam pengambilan sampel dari populasi pelajar adalah teknik sampel tujuan (purposive sample). Sesuai dengan namanya, sampel tujuan diambil dengan maksud atau tujuan tertentu. Seseorang atau sesuatu diambil sebagai sampel kerana pengkaji menganggap bahawa seseorang atau sesuatu tersebut mempunyai maklumat yang diperlukan bagi penyelidikannya.

Adapun kriteria dalam menentukan purposif sampling, iaitu:

- a. Pengkaji menggunakan expert judgement untuk memilih kes-kes yang "representatif" atau "tipikal" daripada populasi.
- b. Pertama, pengenalan sumber-sumber variasi yang penting dari populasi. Kemudian memilih kes-kes sesuai sumber-sumber variasi tersebut.
- c. Boleh dipilih satu kes atau satu subpopulasi yang dianggap "wakil" atau "tipikal" yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Atau memilih beberapa kes yang mewakili perbezaan-perbezaan utama dalam populasi.

3.3.1 Peserta Kajian

Dalam tahapan ini, pengkaji melibatkan 36 orang pelajar sekolah menengah agama Nurul Huda Palembang – Sukaraja untuk melakukan temu bual, membahagikan soal selidik dan soalan ujian pencapaian. Tahapan ini pula dilakukan bagi menjawab soalan kajian nombor satu. Dalam menjawab soalan ujian, pengkaji menyediakan dua puluh soalan yang terdiri dari empat kumpulan soalan, iaitu: pertama, memilih sapaan dan jawapan daripadanya, kedua, menterjemahkan teks sapaan, ketiga, mengisi sapaan yang sesuai berdasarkan dialog singkat, dan yang keempat, menyesuaikan sapaan dan jawapannya. Soalan ini seperti yang terdapat dalam senarai lampiran.

Azman Wan Chik (1994:71-72) membahagikan cadangan skema pemarkahan ujian menulis kepada sepuluh bahagian, iaitu:

Jadual 3.1 Skema Pemarkahan

Markah Pencapaian	Peringkat Kemahiran Bahasa
10	Cemerlang – dari semua aspek tinggi prestasinya – untuk pengajian tinggi dan perhubungan yang matang, perbendaharaan kata, nahu, gaya dan lain-lain cemerlang.
9	Amat baik – lebih tinggi pencapaian daripada 8, tetapi belum sampai 10.
8	Baik – walaupun jelas prestasinya tidak begitu cemerlang tetapi menyusahkan pembaca yang kritikal memahami penulisannya; luas perbendaharaan kata dan lain-lain
7	Hampir baik – mencapai darjah yang lebih tinggi daripada keperluan minimum untuk pengajian tinggi, tetapi belum sampai taraf 8 atau lebih
6	Sedang – jelas kelihatan mencapai taraf yang diperlukan dalam pengajian tinggi; tetapi perbendaharaan kata dan lain-lain kurang luas walaupun memuaskan untuk berhubung secara tulisan
5	Boleh diterima – membuat kesalahan nahu dan lain-lain kesalahan bahasa yang mudah-mudah tetapi tidak menghiraukan sama ada pembaca memahami; penghuraian memuaskan, tetapi tidak begitu kompleks.
4	Lemah – agak rendah daripada pencapaian yang diperlukan untuk pengajian tinggiterhad perbendaharaan kata dan struktur-struktur

	lain
3	Terlalu lemah – bagaimanapun, menunjukkan kemungkinan untuk lebih baik pada masa akan datang
2	Buruk – terlalu rendah darjah kemahiran untuk pengajian tinggi – susah hendak difahami oleh pembaca biasa
1	Tidak berkemampuan langsung – tidak dapat difahami oleh pembaca biasa, tidak ada kaitan langsung dengan tajuk
0	Tidak ada sambutan – tidak menjawab soalan

Dari hasil ujian pelajar-pelajar berkenaan, pengkaji membuat skala untuk dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu: kumpulan cemerlang (90-100 %), pandai (80-89 %), menengah (70-79 %) dan rendah (≤ 49 %). Pembahagian kumpulan ini berdasarkan jumlah nilai/marka yang diperolehi oleh setiap pelajar. Seperti yang dijelaskan oleh Arifin (2012:121) bahawa untuk mengetahui tingkat penguasaan seseorang terhadap bahan sapaan, maka digunakan formula rumus seperti berikut:

$$\text{Tingkat penguasaan} = \frac{\text{Jumlah jawapan Anda yang benar}}{20} \times 100 \%$$

Note: untuk jumlah soalan telah diubah suai oleh pengkaji.

Kriteria tingkat penguasaan :

90 – 100 % = Cemerlang

80 – 89 % = Pandai

70 – 79 % = Menengah

< 69 % = Rendah

Beliau meneruskan, seseorang dianggap berjaya apabila mendapat markah 80 % ataupun lebih daripada itu.

Dari dua format membuat skala nilai di atas, pengkaji menggunakan format yang akhir sekali iaitu mengikut Zainal Arifin dalam bentuk peratus. Hal ini pengkaji rasa lebih mudah untuk melakukan penghitungan dan dalam membuat analisis.

Dalam menjawab objektif kajian pertama, pengkaji melibatkan lima orang guru yang mengajar bahasa Arab. Guru-guru tersebut telah membuat pengesahan kepada senarai gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang telah pengkaji buat berdasarkan buku *al-arabiyyat baina yadaik* dan buka salinan (catatan) pelajar, sama ada senarai tersebut perlu ditambah atau dikurangi. Kemudian, tesis yang bertajuk; 1). ungkapan-ungkapan Islam yang sopan dalam bahasa Arab dan pengajarannya kepada selain penutur asli. 2). ungkapan-ungkapan bahasa yang digunakan dalam pergaulan sosial. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan data temu bual, soal selidik dan ujian pencapaian. Pengkaji telah membuat satu kaedah dengan merubah suai berdasarkan kepada tiga buku rujukkan tersebut.

Perkara ini dibuat untuk menentukan tema daripada kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Langkah seterusnya ialah pengkaji menganalisis senarai sapaan tersebut menggunakan analisis kandungan (content analysis). Tahapan sebegini dilakukan bagi menjawab objektif kajian nombor satu.

Seterusnya, bagi menjawab objektif kajian kedua, pengkaji telah membuat senarai soal selidik, senarai temu bual, dan senarai soalan ujian pencapaian yang disahkan oleh lima orang pakar. Senarai soal selidik dan ujian pencapaian dibahagikan kepada para pelajar untuk diisi. Sedangkan senarai temu bual pengkaji gunakan untuk melakukan temu bual kepada pelajar. Hasil dapatan soal selidik dan ujian pencapaian dihitung menggunakan mikrososf ecxell (sebagai analisis kuantitatif). Kemudian diinterpretasikan ke dalam bentuk deskriptif sebagai analisis deskriptif kualitatif. Untuk

data temu bual pengkaji membuat transkrip dari data yang telah direkod, kemudian dianalisis secara deskriptif kualitatif.

Bagi menjawab objektif ketiga, selain menggunakan data seperti mana dalam menjawab objektif kedua, pengkaji juga menambahkan dengan contoh-contoh yang terdapat di dalam pelbagai buku nahu Arab bagi menerangkan faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

3.4 Teknik Pengumpulan Data dan Sampel Kajian

Untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan tiga instrumen untuk pengumpulan data yang digunakan dalam sebuah proses penyelidikan. Berikut ialah huraian tentang instrumen-instrumen berkenaan:

3.4.1 Soal Selidik

Soal selidik adalah cara untuk mengumpul maklumat dengan membahagikan soalan kajian yang berupa soalan-soalan bertulis yang diberikan kepada responden untuk dijawab. Tujuan melakukan soal selidik ialah untuk mendapatkan maklumat dari hal-hal yang berkaitan dalam penyelidikan sesuai yang dialami oleh peserta. Peserta dapat memberikan jawapan dengan memberi tanda pada salah satu atau beberapa jawapan yang telah disediakan, atau dengan menuliskan jawapannya.

Soal selidik banyak digunakan dan instrumen yang berguna untuk mengumpul maklumat kajian, menyediakan data yang berstruktur, umumnya data numerik, boleh diberikan tanpa kehadiran pengkaji, dan sering menjadi relatif mudah untuk menganalisis (Cohen, et.al, 2007:318). Pengkaji harus menilai kesesuaian menggunakan soal selidik untuk pengumpulan data, dan semestinya bagaimana soal selidik yang seharusnya.

Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat penting berkenaan hal peribadi pelajar yang membabitkan umur, jantina, pendidikan, aktiviti bahasa Arab yang pernah disertai, pengalaman belajar dan masalah pembelajaran serta saranan-saranan yang membantu untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab .

Berkenaan dengan soal selidik ini pengkaji telah membuat lima belas pernyataan. Setiap pernyataan mempunyai empat pilihan yang dipilih oleh pelajar iaitu (tidak bersetuju, amat tidak bersetuju, bersetuju dan amat tidak bersetuju). Data yang terkumpul daripada pilihan pelajar-pelajar ini akan pengkaji masukkan ke dalam jadual dalam bentuk frekuensi mengikut kepada pilihan-pilihan pelajar berkenaan. Seterusnya, data frekuensi tersebut dijadikan peratus menggunakan rumusan seperti yang telah diterangkan dalam tajuk analisis data. Semua data-data yang diperolehi dengan proses-proses di atas disebut sebagai data kuantitatif.

Tahap berikutnya ialah pengkaji melaporkan data kuantitatif tersebut dalam bentuk huraian sebagai data kualitatif. Seterusnya, data tersebut akan dianalisis untuk memperolehi jawapan bagi menjawab objektif kajian yang pertama.

3.4.2 Temu Bual

Temu bual adalah cara pengumpulan data yang dilakukan dengan bertanya dan mendengar jawapan langsung dari sumber utama data. Idris, (2010:211) mengatakan bahawa temu bual merupakan proses mendapatkan data dan maklumat secara langsung dan kedua-dua responden dan pengkaji perlu hadir bersama. Pengkaji merupakan petemu bual dan sumber data adalah orang yang ditemu bual.

Sedangkan menurut Marczyk, (2005:117) temu bual adalah bentuk dari laporan diri yang merupakan pendekatan yang relatif mudah untuk pengumpulan data. Salah

satu penggunaan yang paling umum dari temu bual adalah untuk mengumpulkan riwayat hidup dan data biografis tentang peserta kajian.

Margono (2000:158) mengatakan bahawa temu bual dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat atau data bagaimana penggunaan media surat khabar. Selain itu, temu bual juga digunakan untuk membandingkan dan menyesuaikan kata-kata, perilaku, tindakan subjek penyelidikan dengan pembelajaran yang sebenarnya.

Seterusnya, untuk mendalami permasalahan yang dibahas dalam penyelidikan ini maka instrumen yang digunakan ialah temu bual separuh struktur sebanyak satu set. Set tersebut ialah soalan-soalan temu bual separuh struktur untuk pelajar-pelajar. Dalam penyelidikan ini pengkaji melakukan temu bual kepada semua pelajar iaitu sebanyak 36 orang untuk dijadikan objek temu bual. Temu bual dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan instrumen pedoman temu bual yang mengandungi kerangka atau garis besar pokok soalan utama untuk mendapatkan data. Soalan temu bual terdiri atas 12 soalan yang dibahagikan kepada empat tema berikut, iaitu:

1. Berhubungan dengan penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar secara praktikal.
2. Berhubungan dengan usaha-usaha pelajar untuk menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam bahasa Arab.
3. Berhubungan dengan halangan dan harapan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab
4. Pandangan pelajar dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab

Penggunaan temu bual hanyalah berisi tentang penggunaan secara garis besar tentang isi temu bual untuk menjaga agar pokok-pokok yang dirancang dapat tercapai seluruhnya. Sebagai penyokong pengkaji membuat soalan ujian pencapaian sebagai pembandingan dan penguat dari data temu bual dan soal selidik.

3.4.3 Ujian Pencapaian

Noraini Idris (2010:146-147) menyatakan bahawa ujian pencapaian ialah bermatlamat untuk mengukur pengetahuan atau kemahiran individu dalam sesuatu bidang atau subjek. Pernyataan di atas juga disokong oleh Sudijono (2009:67) yang menjelaskan bahawa ujian bermatlamat bagi mengukur perkembangan seseorang pelajar setelah melalui proses-proses pendidikan dan juga mengukur keberjayaan suatu program pengajaran.

Ujian tersebut digunakan di sekolah untuk menilai pembelajaran atau keberkesanan pengajaran. Seterusnya, Idris membahagikan ujian pencapaian kepada kategori seperti yang berikut:

- a) Menguji pencapaian keseluruhan adalah satu siri ujian (seperti STEP) yang mengukur perkara-perkara berikut, seperti perbendaharaan kata, kemahiran membaca, penggunaan bahasa, matematik, dan sains sosial. Ujian keseluruhan yang kerap digunakan ialah *Graduate Record Examination* (GRE) yang perlu diambil oleh pelajar-pelajar di Amerika Syarikat ataupun antarabangsa sebelum memasuki program lepasan ijazah di Amerika.
- b) Ujian pencapaian yang khas, iaitu ujian yang menilai kemahiran individu dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Inggeris, sejarah atau biologi.

Selain itu, Kamarudin Hj. Husin (1998:331) menyatakan bahawa terdapat enam jenis ujian bahasa iaitu:

- | | |
|----------------------|------------------------|
| 1. Ujian pencapaian, | 4. Ujian diagnostik |
| 2. Ujian penempatan | 5. Ujian formatif, dan |
| 3. Ujian bakat | 6. Ujian binaan guru |

Beliau menjelaskan bahawa ujian pencapaian yang disebut juga sebagai ujian sumatif ialah jenis ujian yang diadakan setelah pelajar menamatkan sebuah kursus untuk menilai hasil pengajaran. Ia diberi untuk menilai kemajuan pelajar dan mengukur penguasaan mereka secara menyeluruh.

Manakala Ahmad Kilani (2001:191) menjelaskan bahawa definisi pengujian ialah suatu sistem yang menjadikan instrumen sebagai pencerap dan menggunakan skala nombor atau skema penjelasan bagi memperihalkan ciri pelajar.

Seterusnya, S. Hamid Hasan menjelaskan (dalam Arifin 2012: 6) “tes adalah alat pengumpulan data yang dibina secara khusus. Kekhususan tes dapat terlihat dari konstruksi butir (soal) yang dipergunakan”. Sehingga dengan data yang ada, seorang pengkaji boleh mengetahui kemampuan seseorang pelajar.

Justeru, Arifin (2012:6-7) menyimpulkan bahawa ujian pencapaian ialah suatu proses yang dilengkapi dengan pelbagai soalan-soalan yang mesti dijawab oleh pelajar-pelajar sebagai pengukur perkara-perkara tertentu. Dan sudah pasti pula bahawa setiap ujian pencapaian mempunyai suatu tujuan.

Mengikut Arifin (2012:23) tujuan penilaian hasil belajar adalah:

1. Untuk mengetahui tingkat penguasaan peserta didik terhadap bahan yang telah diberikan.
2. Untuk mengetahui kecakapan, motivasi, bakat, minat, dan sikap peserta didik terhadap program pembelajaran.
3. Untuk mengetahui tingkat kemajuan dan kesesuaian hasil belajar peserta didik dengan standar kompetensi dan kompetensi dasar yang telah ditetapkan.
4. Untuk mendiagnosis keunggulan dan kelemahan peserta didik dalam mengikuti kegiatan pembelajaran. Keunggulan peserta didik dapat dijadikan dasar bagi guru untuk memberikan pembinaan dan pengembangan lebih lanjut, sedangkan kelemahannya dapat dijadikan acuan untuk memberikan bantuan atau bimbingan.
5. Untuk seleksi, yaitu memilih dan menentukan peserta didik yang sesuai dengan jenis pendidikan tertentu.
6. Untuk menentukan kenaikan kelas.
7. Untuk menempatkan peserta didik sesuai dengan potensi yang dimilikinya.

Manakala Arikunto (1996:10-11) membahagikan tujuan penilaian hanya kepada empat perkara sahaja iaitu:

- a. Penilaian berfungsi selektif

Cara sebegini dilakukan oleh guru-guru bagi membuat penilaian terhadap pelajar-pelajar mereka yang bermatlamat untuk: memilih pelajar yang boleh diterima di sekolah tersebut, memilih pelajar yang boleh naik ke tingkat seterusnya, memilih pelajar yang mesti mendapatkan beasiswa, dan lainnya.

b. Penilaian berfungsi diagnostik

Hal ini dilakukan oleh guru-guru bagi mengetahui kelebihan dan kekurangan pelajar dalam menguasai pelajaran. Sehingga boleh dibaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

c. Penilaian berfungsi sebagai penempatan

Penilaian ini bermatlamat bagi mengetahui kemampuan pelajar-pelajar yang telah dibawa sejak lahir. Pelajar-pelajar yang mempunyai kesamaan dalam penguasaan suatu bidang akan di letakkan dalam satu kumpulan tertentu.

d. Penilaian berfungsi sebagai pengukur keberhasilan

Perkara terakhir sekali ini dilakukan bagi mengetahui adakah suatu program berjaya atau tidak dalam pendidikan, sama ada berhubungan dengan guru, fasiliti, metod mengajar dan sistem administrasi.

Berkaitan dengan penyelidikan ini, pengkaji menggunakan buku *al-‘arabiyyat baina yadaik* siri satu dan siri dua dan *ta‘līmu al-lughat al-‘arabiyyat fasl XI* (sebelas) sebagai rujukan utama, dan disokong pula dengan buku-buku lainnya seperti buku nota tambahan pelajar.

3.5 Instrumen

Bagi membahas kajian ini menggunakan tiga instrumen berikut iaitu:

3.5.1 Borang Soal Selidik

Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat penting berkenaan hal peribadi pelajar yang membabitkan umur, jantina, pendidikan, aktiviti bahasa Arab yang pernah disertai, pengalaman belajar dan masalah pembelajaran serta

saranan-saranan yang membantu untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

Seterusnya, data yang terkumpul dari soal selidik pengkaji bahagikan kepada empat sub-tema, seperti yang terdapat di dalam jadual berikut:

Jadual 3.2 Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Gaya Bahasa sapaan bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Saya menyukai gaya bahasa sapaan bahasa Arab apabila berkomunikasi dengan bahasa Arab
2.	Gaya bahasa sapaan bahasa Arab adalah satu tajuk/tema yang mudah dikuasai
3.	Buku sukatan pelajar telah mencakupi bahan tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab

Jadual 3.3 Pendapat Pelajar Terhadap Pengajaran Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajarkan oleh guru saya mudah difahami
2.	Menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh mempengaruhi penguasaan bahasa Arab saya secara keseluruhan
3.	Bahan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajar sangat lengkap dan pelbagai
4.	Setiap kawan yang disambut dengan sapaan Arab, saya mendapati ia sukar untuk menjawab dengan jawapan yang sesuai

Jadual 3.4 Cabaran Pelajar dalam Mempraktikkan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Saya boleh menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara betul/baik dalam bahasa Arab
2.	Saya menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab tetapi malu untuk diguna pakai dalam komunikasi sehari-hari
3.	Persekitaran saya tidak kondusif untuk mengamalkan gaya bahasa sapaan bahasa Arab
4.	Saya susah untuk menghafal gaya bahasa sapaan bahasa Arab dengan baik

Jadual 3.5 Pelbagai alternatif yang dilakukan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Untuk mendalami pengetahuan gaya bahasa sapaan, saya sentiasa menggunakan pelbagai rujukan lainnya
2.	Guru bahasa Arab sentiasa mencadangkan saya untuk menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam komunikasi sehari-hari
3.	Berkomunikasi dengan rakan-rakan melalui rangkaian elektronik boleh meningkatkan penguasaan saya terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab
4.	Saya sentiasa berusaha menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab menggunakan cara tertentu

3.5.2 Rekorder

Dalam penyelidikan ini, rekorder digunakan oleh pengkaji untuk merakam dan menyimpan maklumat yang diperolehi apabila melakukan temu bual bersama pelajar yang menjadi responden. Hasil daripada rakaman ini akan dibuat dalam bentuk transkrip untuk dianalisis.

Transkrip dari temu bual tersebut akan diperbincangkan secara detail di dalam bab IV. Seterusnya, pengkaji membahagikan sub-tema temu bual ke dalam empat tema besar, iaitu:

Jadual 3.6 Penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Nurul Huda secara praktikal

No.	Indikator
1.	Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam proses pembelajaran?
2.	Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi sesama kawan di asrama?
3.	Adakah anda boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan tidak formal?

Jadual 3.7 Strategi pelajar untuk menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Adakah Anda menyediakan masa khas untuk mempelajari dan menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab?
2.	Adakah Anda membuat latih-tubi yang berhubung kait dengan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab?
3.	Adakah anda membuat senarai gaya bahasa sapaan bahasa Arab tertentu yang ingin Anda kuasai?
4.	Adakah Anda memotivasikan diri sendiri untuk menghafal gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang pelbagai?

Jadual 3.8 Halangan dan Harapan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Apakah faktor-faktor yang menyebabkan anda susah menguasai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab?
2.	Apakah cadangan anda kepada guru-guru untuk meningkatkan penguasaan jenis-jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar kelas XI?

Jadual 3.9 Pandangan pelajar dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab

No.	Indikator
1.	Apakah pendapat Anda tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah ini?
2.	Adakah Anda bersetuju bahawa menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara keseluruhan boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?
3.	Sejauh manakah penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?

3.5.3 Lembar Soalan Ujian

Tujuan ujian ini adalah untuk menilai dan mengukur tahap penguasaan gaya bahasa pelajar dan menguji sejauh mana pelajar menguasai dan mahir menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab sama ada dalam bentuk pertuturan ataupun penulisan mereka.

3.6 Teknik Pemrosesan dan Analisis Data

Berikutnya, pengkaji menhurakan tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Teknik pemrosesan dan Analisis Data. Perkara-perkara tersebut ialah sebagai berikut:

3.6.1 Teknik Pemrosesan Data Kajian Tinjauan

Data yang telah berjaya dikumpulkan, kemudian diolah untuk mempermudah proses dalam menganalisis data. Pengolahan data terdiri atas:

3.6.1.1 Edit data

Edit data adalah persemakan semula data yang telah dikumpulkan dengan menilai apakah data yang telah dikumpulkan tersebut cukup baik atau relevan untuk diproses atau diolah lebih lanjut. Dalam proses edit data ini ada beberapa hal yang harus diteliti kembali, di antaranya kelengkapan pengisian instrumen.

3.6.1.2 Pengekodaan Data dan Frekuensi

Pengekodaan adalah usaha mengklasifikasikan jawapan dari para responden sesuai dengan jenisnya. Dalam melakukan pengekodaan, jawapan responden diklasifikasikan dengan memberikan kod tertentu berupa nombor. Setelah pengekodaan dilaksanakan, langkah seterusnya yang perlu dilakukan adalah menghitung frekuensi.

3.6.1.3 Tabulasi

Langkah selanjutnya adalah tabulasi. Tabulasi merupakan proses penyusunan data dalam bentuk jadual.

3.6.2 Teknik Analisis Data Kajian Tinjauan

Untuk menganalisis data-data yang terkumpul yang kemudian telah diolah. Maka ia boleh mengambil beberapa teknik untuk menganalisis data, iaitu sebagai berikut:

- a. Analisis kualitatif, mengolah dan menginterpretasikan data verbal yang bersifat kualitatif kedalam bentuk kalimat yang mudah dipahami.
- b. Analisis kuantitatif, dalam analisis kuantitatif menggunakan teknik berdasarkan perhitungan peratus. Data yang terkumpul wujud angka hasil tabulasi, kemudian dijelaskan menurut urutan maklumat yang ingin diketahui. Data diproses, dikira, dan dibuat dalam bentuk peratus. Data disajikan dalam bentuk jadual dan peratus kemudian ditafsirkan dalam ayat dengan bentuk kualitatif, untuk mengetahui jawapan soalan kajian yang diajukan.

Berikut ialah ialah huraian terhadap proses analisis data kajian tinjauan:

3.6.2.1 Kaji Selidik

Langkah pertama ialah pengkaji menghitung data yang telah terkumpul dari borang soal selidik pelajar menggunakan pola rumusan seperti yang diterangkan oleh Ngadiso (2008:8) sebagai berikut:

$$P = \frac{f}{n} \times 100\%$$

Keterangan:

P = Nilai Peratusan

F = Frekuensi munculnya data

n = Jumlah data keseluruhan

Langkah berikutnya ialah pengkaji melakukan interpretasi (penafsiran) terhadap hasil data kuantitatif di atas kepada analisis kualitatif secara naratif deskriptif.

3.6.2.2 Temu Bual

Tahap pertama yang dilakukan ialah membahagikan data temu bual yang telah ditranskripkan ke dalam empat tema besar. Keempat tema tersebut berasal dari jawapan pelajar terhadap dua belas soalan temu bual. Kemudian, pengkaji menganalisis data-data temu bual berdasarkan tema-tema yang telah tersedia secara satu-persatu.

3.6.2.3 Ujian Pencapaian

Ngadiso (2008:5) menyatakan bahawa bagi memudahkan penjumlahan data ujian pencapaian, di antara pola rumusan yang boleh digunakan ialah sebagai berikut:

$$\bar{X} = \frac{\sum X}{n}$$

\bar{X} = Mean score (markah yang dihitung)

$\sum X$ = Total score (keseluruhan markah)

n = Total pelajar (keseluruhan pelajar)

Seterusnya, pengkaji membuat penafsiran terhadap hasil data kuantitatif di atas ke dalam bentuk analisis kualitatif. Analisis kualitatif ini dilakukan terhadap empat tema yang telah dibahagikan sejak proses pembuatan soalan ujian pencapaian.

Untuk mempermudah dalam penafsiran dan penyimpulan analisis data kuantitatif ujian pencapaian, maka digunakan parameter seperti yang dikemukakan oleh Arikunto (1991:57), iaitu sebagai berikut:

Jadual 3.10 Parameter Penghitungan

Peratusan	Kriteria
0 %	Tidak ada / tak seorangpun
1% – 24 %	Sebahagian kecil
25% - 49%	Kurang dari setengahnya
50%	Setengahnya
51% -74%	Lebih dari setengahnya
75% - 99%	Sebahagian besar
100%	seluruhnya

3.6.3 Teknik Pemprosesan dan Analisis Kandungan

Holsri dalam Berg (2001:240) mendefinisikan analisis kandungan ialah analisis kandungan ialah setiap teknik untuk membuat suatu kesimpulan dengan sistematik dan objektif dengan mengenalpasti ciri-ciri khusus dari berbagai mesej.

Teknik analisis kandungan ini boleh digunakan untuk menganalisis data kualitatif mahupun data kuantitatif. Abrahamson dalam Berg (2001:241) menyatakan bahawa analisis kandungan bermatlamat digunakan untuk memeriksa hampir semua jenis komunikasi, iaitu sama ada berfokus kepada kualitatif mahupun kuantitatif.

Zaharah (2008:122) menerangkan bahawa untuk melakukan pengumpulan data menggunakan analisis kandungan, pengkaji terlebih dahulu melakukan cara-cara berikut: Membaca kitab *al-‘arabiyyatu baina yadaik*, kitab *ta‘līmu al-lughat al-‘arabiyyat fasl* (XI) dan nota tambahan pelajar SMANH kelas XI (sebelas). Mengesahkan jenis-jenis sapaan bahasa Arab dengan bertemu guru pakar, menganalisis dan mengambil kategori, membaca dan mengubahsuai pembahagian kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Mengekod gaya bahasa sapaan tersebut sesuai dengan konteks dan penggunaannya.

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan (mix method)

Menurut Noraini Idris (2010: 164) menerangkan bahawa di dalam chambers English Dictionary (1990) menjelaskan tentang kesahan, iaitu satu istilah yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *Validus* yang bermaksud ‘kuat’. Kerlinger (1986) pula mengatakan dalam konteks penyelidikan, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur. Dalam erti kata lain, instrumen penyelidikan yang kita gunakan haruslah mampu mengukur dengan tepat apa yang kita ingin ukur. Secara amnya, penyelidikan yang mempunyai kesahan yang tinggi bererti dapatan yang diperoleh adalah berdasarkan fakta atau bukti dan mampu memberi justifikasi yang tepat.

Noraini (2010:173) menyatakan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan adalah penting untuk kedua-dua penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Namun, definisi kesahan dan kebolehpercayaan bagi penyelidikan kuantitatif dan kualitatif adalah berbeza kerana konsep dan kaedah mengumpul data kedua-dua penyelidikan berkenaan mempunyai perbezaan yang ketara. Dalam penyelidikan kuantitatif misalnya, data dikutip melalui kaedah tinjauan atau eksperimen, di mana data yang berbentuk ukuran atau ‘nombor’ diperoleh daripada ujian atau soal selidik. Manakala dalam penyelidikan kualitatif pula, data yang berbentuk teks dan tidak berstruktur diperoleh melalui kaedah-kaedah seperti temu bual dan pemerhatian.

Penyelidikan ini merupakan gabungan antara kuantitatif dan kualitatif. Oleh yang demikian, pengkaji telah melakukan proses kesahan dan kebolehpercayaan kepada lima orang guru pakar yang terdapat di SMANHP. Lima pakar berkenaan telah mengesahkan instrumen-instrumen kajian iaitu: senarai temu bual, senarai soal selidik, soalan ujian pencapaian, dan senarai jenis-jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Nurul Huda Palembang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bagi bab ini, pengkaji akan membahagikan kepada beberapa peringkat huraian. Pertama pengkaji menghuraikan tentang data kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab menggunakan analisis kandungan yang terdapat di dalam buku-buku teks para pelajar dan buku-buku nota tambahan mereka. Kedua, pengkaji menghuraikan tentang tiga dapatan data lapangan yang telah diperolehi, iaitu dapatan temu bual, soal selidik dan ujian pencapaian. Setiap sub topik dapatan tersebut, pengkaji bahagikan ke dalam tema-tema yang sesuai dengan persoalan yang dibincangkan. Tema-tema tersebut di buat di dalam bentuk jadual. Seterusnya, dapatan tersebut akan dihurai secara lengkap seperti mana di bawah ini:

4.1 Analisis Kandungan Gaya Bahasa Sapaan bahasa Arab yang Digunakan dalam Kalangan Pelajar (SMANH)

Bagi menjawab objektif kajian pertama, pengkaji menggunakan analisis kandungan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu, siri tiga dan buku-buku teks pelajar yang lainnya termasuk juga buku nota tambahan mereka. Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kesahan kandungan daripada lima orang guru pakar di sekolah tersebut bagi memastikan kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang digunakan.

Berikut ialah huraian tentang analisis kandungan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu dan dua, dan di dalam buku teks pelajar SMANH *ta‘līmu al-lughat al-‘arabiyyat faṣl (XI)*.

4.1.1 Sapaan Umum:

Berikut ialah kategori-kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab umum yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH:

4.1.1.1 Konteks Umum

Bagi sapaan dalam konteks umum ini pengkaji hanya membahagikan kepada satu sapaan sahaja.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ (وَالْجَوَابُ) وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

وَبَرَكَاتُهُ. Al-Fauzān (2007:3/1)

Terjemahan sebenar:

“Semoga kesejahteraan, kasih sayang dan berkah Allah selalu tercurahkan ke atas kalian.” dijawab *(dan ke atas kalian juga) kesejahteraan, kasih sayang dan berkah Allah tercurahkan.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“salam, selamat sejahtera.” dijawab *“salam, selamat sejahtera.”*

Sapaan kategori ini merupakan yang paling kerap disebut, iaitu terdapat 18 kali. Perbincangan tentang sapaan ini merupakan sapaan paling banyak ditemui di dalam siri satu *al-‘arabiyyatu baina yadaik* iaitu sebanyak 16 kali. Bilangan sapaan yang disebut terdapat dalam muka surat: M.S. 3 (dua kali), 5 (dua kali), 25 (dua kali), 49, 50, 97, 118, 142, 284, 329 dan 330. Sedangkan baki dua kali sebutan lagi terdapat di dalam siri dua iaitu muka surat 317. Walaupun kerap kali disebutkan di dalam kitab ini, tetapi ia tidak terdapat di dalam buku sukatan khas pelajar SMANH iaitu *ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyat faṣl (XI)*.

Perbincangan dimulakan dengan bab pertama yang terdapat pada tema dalam buku *al-tahīyyat wa al-ta‘āruf* (sapaan dan perkenalan). Hal ini disebabkan sapaan dan perkenalan merupakan perkara pertama yang akan berlaku dalam satu proses komunikasi atau perkenalan.

al-Nawāwī (1984:141) menjelaskan bahwa perkataan “*al-salām*” ialah termasuk salah satu di antara nama-nama Allah. Perkataan ini mengandung makna keselamatan dan keamanan, dan juga mengandung makna do‘a bagi orang-orang yang mendengarnya supaya selamat, sehat, aman dan berkah. Kandungan makna lainnya ialah menyebarkan kebaikan yang bersandar kepada Allah S.W.T. Seterusnya, al-syaukani (1964:120) menambahkan bahwa *سَلَامٌ عَلَيْكُمْ* (keselamatan atasmu) bermakna *سَلَّمَ اللَّهُ* (Allah yang memberi keselamatan ke atasmu).

4.1.1.2 Konteks Sambutan Tetamu

Seterusnya, bagi sapaan konteks tamu, terdapat tiga gaya bahasa sapaan bahasa Arab, iaitu:

Al-Fauzān (2007:4/1) dan *أَهْلًا وَسَهْلًا \ أَهْلًا بِكَ. (وَأَجْوَابُ)* Hidayat (2008:34).

Terjemahan sebenar:

“(sambutan atas kedatangan Anda) sebagai keluarga (bukan sebagai orang asing), (dan Anda pergi pun) dengan selesa.” dijawab
“(anda halal) sebagai keluarga dan anda turun (pulang) dengan mudah (juga).” / “(anda halal) sebagai keluarga”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang”. dijawab “selamat datang”.

Kategori ahlan disebutkan sebanyak lapan kali iaitu tujuh kali di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu pada muka surat 4 (2 kali), 5 (dua kali), 191, 284, 285, dan satu kali di dalam buku *ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyat faṣl (XI)*, muka surat 34. Sedangkan sapaan kategori *marhaban* hanya disebut satu kali sahaja iaitu di dalam bab *al-tasawwuq* (membeli-belah). Walau bagaimanapun, sapaan kategori ahlan juga turut disebutkan di dalam bab yang sama.

Kedua kategori sapaan di atas mempunyai makna dan fungsi yang sama yaitu bermakna “selamat datang” dan berfungsi sebagai sapaan untuk menyambut tetamu, sama ada tetamu yang sudah saling mengenali mahupun sebaliknya.

Di dalam kamus *al-‘asri ‘arabī – indūnīsī* (1998:271) disebutkan bahawa makna sapaan di atas ialah selamat datang (dianggap sebagai keluarga). Ini menunjukkan bahawa tetamu yang datang itu disambut dengan perasaan senang dan gembira serta penuh dengan kemuliaan. Ucapan sapaan sebegini boleh memberi kesan positif kepada tetamu sehingga ia tidak merasa sebagai orang asing.

Seterusnya, Nāyif (1992:70) menyatakan bahawa أَهْلًا وَسَهْلًا (selamat datang) ialah ungkapan untuk menyambut seseorang (sambutan). Asal ayat tersebut ialah: أَتَيْتْ

أَهْلًا لَا غَرْبَاءَ، وَوُطِئَتْ سَهْلًا (Sambutan atas kedatangan Anda bukan sebagai orang asing, dan Anda pergi pun dengan selesa).

Al-Fauzān (شُكْرًا، أَنَا بِخَيْرٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ) (وَالْجَوَابُ) (أَلْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكَ)
(2007:25/2)

Terjemahan sebenar:

“segala puji bagi Allah atas keselamatanmu”, dijawab “terima kasih, saya baik-baik sahaja dan segala puji bagi Allah.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“alhamdulillah, sudah sampai dengan selamat.” dijawab
“Alhamdlillah, saya baik-baik sahaja.”

Sapaan kategori ini hanya disebutkan satu kali sahaja iaitu terdapat di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri kedua iaitu muka surat 25, bab *al-tarwīḥ ‘an al-nafs* (rekreasi). Sapaan ini juga menunjukkan bahawa di antara kedua penutur tersebut

mempunyai hubungan yang sangat baik, sehingga salah seorang dari mereka merasa gembira apabila melihat keselamatan dan kesihatan pada yang lainnya.

Al-Fauzān (2007:192/1) مَرْحَبًا (وَالْجَوَابُ) أَهْلًا.

Terjemahan sebenar:

“(saya menyambut kedatangan engkau) dengan sambutan yang hangat.”
dijawab “anda halal sebagai keluarga dan anda turun (pulang) dengan mudah juga.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat datang” dijawab “selamat datang”.

Ungkapan sapaan ini disebut sekali sahaja di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu iaitu pada muka surat 129. Sapaan ini diterangkan mempunyai hubungan kait dengan topik membeli belah, iaitu di antara penjual dengan pembeli. Di dalam percakapan ini dapat disimpulkan bahawa sapaan ini juga termasuk jenis sapaan untuk menyambut tetamu.

4.1.1.3 Konteks Do‘a

Bagi pembahasan konteks ini pengkaji membahagikan kepada empat gaya bahasa sapaan bahasa Arab, iaitu:

Al-Fauzān (2007:128) بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memberkahi Anda.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat, semoga selalu berjaya.”

Sapaan ini disebutkan sekali di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri dua, muka surat 128. Di dalam percakapan buku tersebut tidak di dapati jawapan dari sapaan

بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ kerana ia terletak pada sapaan akhir percakapan. Gaya bahasa sapaan ini

disebutkan berkenaan dengan konteks seseorang yang akan mencari suatu pekerjaan yang lebih baik lagi dari pekerjaan sekarang. Gaya sapaan ini juga merupakan suatu respon bagi mendo‘akan orang yang akan mencari pekerjaan tersebut.

Diterangkan juga bahawa di dalam budaya orang-orang Arab, terdapat kebiasaan untuk saling mendo‘akan, seperti pembahasan di atas iaitu *al-salāmu‘alaikum*. Nik Fathiyyah Nik Soh (2001:47) menyatakan bahawa ungkapan sapaan berbentuk do‘a ini merupakan sebagai bentuk syukur kerana mendapatkan sesuatu nikmat atau pemberian, sama ada pemberian daripada sesama manusia ataupun daripada Allah. Ungkapan بَارَكَ

اللَّهُ فِيكَ mengandungi makna “semoga Allah memberkati Anda” dan di jawab pula

dengan ucapan اللَّهُ يُبَارِكُ فِيكَ “semoga Allah memberkati Anda juga.”

عَمَّا اللَّهُ عَنْكَ وَوَفَّقَكَ فِي حَيَاتِكَ وَدِرَاسَتِكَ (وَالْجَوَابُ) جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا. Al-Fauzān (2007:169/2)

Terjemahan sebenar:

“semoga Allah memaafkan dan memberi taufik kepadamu di dalam hidup dan pendidikan” dijawab “semoga Allah memberi balasan kebaikan kepadamu.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat, semoga selalu berjaya.”

Kategori gaya sapaan berikut ini juga diucapkan sekali di dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri dua, muka surat 169. Ungkapan ini dikaitkan dengan tema anugerah atau hadiah yang diberikan oleh orang tua kepada seorang anaknya. Anak tersebut meminta juga untuk dido‘akan oleh kedua ibu-bapanya. Ungkapan itu pula yang menjadi penutup pembicaraan di antara mereka. Seterusnya, anak tersebut mendo‘akan supaya ibu bapanya juga mendapat kebaikan. Hal ini juga menunjukkan bahawa

percakapan bahasa Arab mengandung suatu budaya saling mendoakan di antara satu sama lain di dalam kebaikan.

Hidayat (2008:66). اَتَمَنِّيْ لَكَ حَظًّا سَعِيْدًا

Terjemahan sebenar:

“saya berharap Anda mendapat kemudahan yang membahagiakan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga Anda mendapat kemudahan.”

Gaya bahasa sapaan bahasa Arab ini disebutkan satu kali iaitu di dalam buku teks *ta'limu lughati al-'arabiyyat* faṣl (XI) muka surat 66. Tema utama dalam sapaan ini berkaitan dengan tema usaha untuk mencapai kebaikan. Di dalam tema tersebut tidak disebutkan sebarang jawapan yang sesuai bagi menjawab sapaan tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam sapaan ini mengandungi makna sebagai harapan supaya orang yang dido'akan boleh berjaya dengan semua kemudahan yang diperolehi dengan do'a tersebut.

4.1.1.4 Konteks Perpisahan

Terdapat tiga kategori gaya bahasa sapaan di dalam konteks perpisahan iaitu sebagai berikut:

Al-Fauzān (2007:154/2) مَعَ السَّلَامَةِ (وَالْجَوَابُ) فِي أَمَانِ اللَّهِ / إِلَى اللَّقَاءِ.

Terjemahan sebenar:

“(semoga engkau) mendapat keselamatan.” dijawab *“(semoga engkau) di dalam penjagaan Allah.”* / *“(semoga kita) berjumpa lagi.”*

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga selamat” dijawab *“jumpa lagi”*.

Al-Fauzān (2007:283/1) رَحْلَةً سَعِيْدَةً (وَالْجَوَابُ) شُكْرًا.

Terjemahan sebenar:

“semoga perjalananmu menggemberikan” dijawab *“terima kasih”*.

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat jalan” dijawab “terima kasih”.

Gaya bahasa sapaan kategori ini disebut sekali sahaja di dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu iaitu muka surat 283 (*rihlatan sa‘īdat*), dan sekali di dalam siri dua muka surat 57. Sapaan ini disebutkan berkaitan dengan tema *al-safar* (bepergian). Sapaan sebegini sangat sesuai dengan konteks bepergian iaitu diucapkan kepada orang-orang yang ingin melakukan suatu perjalanan. Gaya bahasa sapaan jenis ini juga mempunyai fungsi yang sama seperti dengan sapaan di atas, iaitu menunjukkan kepada isyarat bahawa pembicaraan akan segera berakhir untuk berpisah.

Seterusnya, sapaan *ma‘a al-salāmat* disebutkan dua kali dalam *al-‘arabiyyat baina yadaik* siri pertama, muka surat 5 dan sekali di dalam siri kedua muka surat 154.

Kedua-dua sapaan tersebut diucapkan pada akhir perbualan iaitu apabila mahu berpisah. Gaya bahasa sapaan jenis ini terdapat beberapa kes yang menarik untuk dibahas iaitu: di dalam *baina yadaik* siri pertama, jawapan dari sapaan *مَعَ السَّلَامَةِ* ialah

مَعَ السَّلَامَةِ juga. Sedangkan di dalam siri yang kedua, jawapan dari sapaan tersebut

ialah *فِي أَمَانِ اللَّهِ*, tetapi dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH kedua jawapan sapaan

tersebut pun digunakan *إِلَى اللِّقَاءِ / فِي أَمَانِ اللَّهِ*.

4.1.2 Sapaan Bertujuan

Berikut ialah kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab umum yang terdapat dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH:

4.1.2.1 Konteks Soalan Tentang Keadaan

Al-Fauzān (2007:3/1) بِحَيْرٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ. (وَالْجَوَابُ) كَيْفَ حَالُكَ

Terjemahan sebenar

“bagaimana kabar Anda” dijawab “alhamdulillah kabar baik”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“apa kabar?” dijawab “baik je”.

Hidayat. (2008:36) الْحَمْدُ لِلَّهِ، هُوَ الْآنَ بِحَيْرٍ. (وَالْجَوَابُ) كَيْفَ حَالُهُ الْآنَ

Terjemahan sebenar:

“bagaimana kabarnya sekarang” dijawab “alhamdulillah dia baik-baik sahaja.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“apa kabar dia?” dijawab “alhamdulillah, dia baik-baik saja.”

Gaya bahasa sapaan kategori ini disebutkan sebanyak dua kali di dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik*, siri pertama, muka surat 3 dan sekali disebutkan dalam buku *ta’līm al-lughati al-‘arabiyyat faṣl* (XI), muka surat 36. Bentuk sapaan yang pertama disebutkan berkaitan dengan tema *ta’āraf* (berkenalan), sedangkan bentuk yang kedua disebutkan di dalam tema *silaturrahim*. Kedua-dua bentuk kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab di atas mempunyai fungsi yang sama walaupun terdapat sedikit perbezaan kata ganti nama di antara sapaan bentuk pertama dengan sapaan bentuk yang kedua. Pada ungkapan sapaan yang pertama, ianya menggunakan kata ganti nama orang pertama, sedangkan pada ungkapan sapaan yang kedua menggunakan kata ganti nama orang ketiga

4.1.2.2 Konteks Menjenguk Orang Sakit

Al-Fauzān dan Hidayat (2008:35). شَفَاكَ اللَّهُ (وَأَجْوَابُ) شُكْرًا لَكَ. (2007:331)

Terjemahan sebenar:

“(semoga) Allah menyembuhkanmu (dari penyakit).” dijawab “terima kasih”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga cepat sihat” dijawab “terima kasih”.

Kategori sapaan ini disebutkan sebanyak dua kali iaitu terdapat dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu, muka surat 331 dan di dalam buku sukatan pelajar *ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyati faṣl* (XI) muka surat 35. Ungkapan ini disebutkan di dalam tema kesihatan.

Sesuai dengan lafaznya, ia mengandungi makna doa dan motivasi kepada orang sakit untuk segera sembuh. Motivasi di sini bermaksud bahawa orang yang sedang sakit itu bukanlah suatu azab dari Allah, tetapi sebaliknya suatu ujian yang mesti dilalui dengan sabar. Melalui ucapan sapaan sebegini penutur berharap supaya orang yang sakit tersebut dapat segera sihat dan pulih seperti semula.

Jika ditinjau dari sudut makna susunannya, Nik Fathiyyah Nik Soh (2001:69) menjelaskan bahawa ungkapan ini terdiri atas susunan khabari yang memberikan faedah insyak. Lebih rinci ungkapan ini secara zahir menunjukkan ayat khabariyah iaitu terdiri atas kata kerja, *maf‘ūl bih muqaddam* dan *fā‘il*.

Sakit adalah dimana seseorang mendapat sebuah perubahan dari kondisi normal kepada ketidak nyamanan sama ada disebabkan oleh kemalangan, demam, keracunan makanan, dan sebagainya. Dalam kondisi seperti ini, biasanya banyak errakan dan saudara yang akan berkunjung untuk memberikan motivasi dan do‘a supaya penderita sakit tersebut cepat sembuh seperti kondisi semula. Salah satu do‘a yang paling sering disampaikan dalam bentuk ungkapan adalah شَفَاكَ اللَّهُ (semoga Allah memberi Anda

kesembuhan) atau dalam bentuk yang lebih lengkap iaitu شَفَاكَ اللَّهُ شِفَاءً عَاجِلًا (semoga Allah menyembuhkan Anda dengan cepat).

4.1.2.3 Konteks Tahniah

Temu bual guru bahasa Arab (2013) (وَالْجَوَابُ) شُكْرًا لَكَ.

Terjemahan sebenar:

“(semoga engkau) mendapat kejayaan.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“semoga berjaya” dijawab “terima kasih”.

Al-Fauzān (2007:353) عُطْلَةً سَعِيدَةً (وَالْجَوَابُ) عُطْلَةً سَعِيدَةً / شُكْرًا لَكَ.

Terjemahan sebenar:

“(semoga menjadi) cuti yang membahagiakan.” dijawab “(semoga menjadi) cuti yang membahagiakan (juga).” / “terima kasih”.

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat menikmati cuti” dijawab “selamat bercuti”.

Gaya bahasa sapaan bahasa Arab ini hanya disebutkan satu kali sahaja iaitu di dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu, muka surat 353. Penyebutan ungkapan ini terdapat di dalam tema percutian. Ia menunjukkan kepada meraikan percutian di antara sesama orang-orang yang saling mengenali. Sapaan ini pula mempunyai dua bentuk jawapan, yang pertama ialah dijawab dengan “selamat bercuti” dan yang kedua “terima kasih”. Jawapan pertama pengkaji kutip dari buku sukatan pelajar seperti disebut di atas. Sedangkan jawapan kedua pengkaji dapatkan daripada hasil temu pakar.

Dari sudut makna boleh dipahami bahawa setiap pertemuan pasti diiringi oleh perpisahan. Ungkapan *ma‘a al-salāmat* di ucapkan kepada seseorang yang akan pergi berpisah. Di dalam ucapan ini mengandungi makna do‘a supaya orang tersebut selamat

sampai ke tujuannya. Perkara ini menunjukkan pada keakraban dan kasih sayang di antara orang yang ditinggal dengan orang yang berpisah.

Terdapat dua jawapan yang paling umum diucapkan bagi menjawab do‘a di atas iaitu *fī amānillah* (semoga selalu dalam keadaan aman) dan *ilā al-liqā’* (jumpa lagi). Dalam jawapan *fī amanillah* mengandungi makna do‘a yang sama diharapkan kepada penutur pertama. Sedangkan di dalam jawapan *ilā al-liqā’* mengandungi makna hasrat yang tinggi untuk boleh berkunjung dan berjumpa lagi dengan orang-orang yang akan dia tinggalkan.

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ (وَالْجَوَابُ) إِنَّ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الْفَائِزِينَ الْعَائِدِينَ.

Temu bual guru bahasa Arab (2013).

Terjemahan sebenar:

“semoga termasuk menjadi orang-orang yang kembali (kepada fitrah) dan mendapat kejayaan (kemenangan).” dijawab “(jika Allah menghendaki (pastilah) menjadi orang-orang yang berjaya dan kembali (kepada fitrah).”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat raya” dijawab “selamat raya”.

فُرْصَةً سَعِيدَةً (وَالْجَوَابُ) وَأَنَا الْأَسْعَدُ. Al-Fauzān (2007:91)

Terjemahan sebenar:

“(sungguh ini merupakan) kesempatan (masa) yang indah.” dijawab “saya merasa berbahagia.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“bahagia berjumpa Anda” dijawab “bahagia berjumpa Anda (juga)”.

Gaya bahasa sapaan bahasa Arab ini disebutkan sekali sahaja iaitu di dalam *al-‘arabiyyatu baina yadaik* siri satu. Penyebutan ungkapan ini terdapat di dalam tema percutian.

4.1.2.4 Konteks Sempena Berasaskan Masa

Nota tambahan pelajar (2012) صَبَاحَ الْخَيْرِ (وَالْجَوَابُ) صَبَاحَ النُّورِ.

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi pagi yang elok” dijawab “semoga menjadi pagi yang bercahaya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat pagi” dijawab “selamat pagi”.

Nota tambahan pelajar (2012) مَسَاءَ الْخَيْرِ (وَالْجَوَابُ) مَسَاءَ النُّورِ.

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi petang yang elok” dijawab “semoga menjadi petang yang bercahaya.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat petang” dijawab “selamat petang”.

Nota tambahan pelajar لَيْلَةً سَعِيدَةً / تُصْبِحُ عَلَى الْخَيْرِ (وَالْجَوَابُ) وَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ. (2012)

Terjemahan sebenar:

“semoga menjadi malam yang menggembirakan” / “semoga menjumpai waktu subuh di dalam kebaikan.” dijawab “semoga engkau (juga) termasuk orang-orang yang demikian.”

Terjemahan konteks pertuturan:

“selamat malam” dijawab “selamat malam”.

Tiga jenis sapaan di atas ialah di antara gaya bahasa sapaan yang paling kerap disebutkan dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH. Sapaan-sapaan tersebut mempunyai perkaitan dengan aktiviti para pelajar di dalam komunikasi seharian iaitu sama ada pada waktu pagi, tengah hari atau malam.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga sapaan yang berhubungan dengan tiga waktu itu tidak disebutkan di dalam buku teks para pelajar, sama ada di dalam buku *al-*

'arabiyyatu baina yadaik dan buku *ta'limu al-lughati al-'arabiyyat faṣl* (XI). Sapaan-sapaan tersebut pengkaji kutip dari nota tambahan pelajar.

Ucapan sapaan selamat pagi diucapkan apabila tiba waktu pagi, iaitu apabila seseorang sudah mula untuk melakukan aktiviti. Dengan adanya ucapan-ucapan sebegini, akan mampu untuk membentuk suatu keadaan yang boleh meningkatkan semangat seseorang dalam memulakan pelbagai aktiviti. Sapaan sebegini boleh diucapkan untuk siapa sahaja tanpa mengira perbezaan usia, pekerjaan, kedudukan sosial dan lainnya.

Nāyif (1992:180) menerangkan bahawa perkataan صَبَاحٌ menjadi kata keterangan waktu apabila mengandungi makna (فِي), jika tidak demikian maka ia boleh dii'rāb sesuai dengan posisinya dalam ayat iaitu sebagai suatu kata nama.

Perkara yang sama juga berlaku kepada sapaan untuk petang dan malam hari. Ia diucapkan sesuai dengan masanya yang tertentu. Sapaan selamat petang diucapkan pada waktu petang dan sapaan selamat malam diucapkan apabila malam telah tiba. Sapaan selamat malam ini juga sering diucapkan bagi orang-orang yang akan tidur.

4.2 Kesimpulan

Secara amnya, pengkaji membahagikan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar SMANH Palembang kepada dua bentuk iaitu sapaan umum dan sapaan bertujuan. Di dalam sapaan umum terdapat empat kategori gaya bahasa sapaan dan empat kategori di dalam sapaan bertujuan. Sapaan umum ialah sapaan yang diucapkan dalam pelbagai keadaan dan mencakupi konteks yang besar dan luas, seperti (*al-salāmu ‘alaikum wa rahmatullāhi wa barakātuh*) yang diucapkan setiap membuka dan menutup majlis, setiap berjumpa sesama muslim sama ada lelaki mahupun perempuan, budak ataupun dewasa. Sedangkan sapaan bertujuan ialah diucapkan dalam keadaan atau situasi khas dan mencakupi konteks yang lebih kecil, seperti menjenguk orang sakit, sapaan di masa pagi, petang, malam, dan lainnya.

Seterusnya, pembahasan analisis kandungan secara amnya terdiri atas dua bentuk sapaan juga iaitu sapaan umum dan sapaan bertujuan. Akan tetapi, di dalam perbincangan ini sapaan yang mempunyai tujuan hanya terdiri daripada tiga kategori sahaja dan hanya mengandungi tiga belas jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

4.3 Dapatan Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Sub topik ini membincangkan tentang dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Bagi menjawab objektif pertama, pengkaji menggunakan tiga peringkat dalam menjalankan kajian ini iaitu; temu bual berstruktur, soal selidik, dan ujian pencapaian. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan soalan-soalan kajian yang terdapat di dalam bab pertama. Perbincangan kajian dimulakan dengan huraian dapatan temu bual, soal selidik dan ujian pencapaian pelajar.

4.3.1 Profil Responden: Pelajar

Jadual 4.1 menerangkan tentang profil pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden kajian ini. Terdapat 36 orang pelajar telah ditemu bual secara individu di dalam satu kelas. Mereka terdiri dari dua puluh orang pelajar perempuan dan enam belas orang pelajar lelaki. Usia mereka adalah antara 16 – 19 tahun. Berikut pengkaji mengambil sepuluh orang pelajar yang terdiri dari enam orang pelajar perempuan dan empat orang pelajar lelaki sebagai perwakilan dari semua sampel kajian.

Jadual 4.1 Data peserta kajian: Pelajar

No.	Bilangan/Kod	Jantina	Lama belajar bahasa Arab	usia
1.	(P01)	Lk	6 thn	17 thn
2.	(P02)	Lk	6 thn	17 thn
3.	(P03)	Lk	3 thn	18 thn
4.	(P04)	Lk	4 thn	19 thn
5.	(P05)	Pr	5 thn	16 thn
6.	(P06)	Pr	6 thn	16 thn
7.	(P07)	Pr	6 thn	17 thn
8.	(P08)	Pr	6 thn	17 thn
9.	(P09)	Pr	5 thn	17 thn
10.	(P10)	Pr	3 thn	17 thn

Semua nama perwakilan pelajar dirahsiakan bagi mematuhi etika dalam penyelidikan, kod-kod khusus digunakan bagi membezakan di antara seorang pelajar-dengan pelajar yang lain.

4.3.2 Dapatan Temu Bual Pelajar

Bagi menjawab soalan kajian pertama iaitu; Sejauh manakah penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar bahasa Arab di SMANHP, pengkaji telah menjalankan temu bual secara berstruktur serta mengagihkan borang soal selidik dan membuat ujian pencapaian. Pada bahagian ini, pengkaji memulakan analisis dengan menerangkan hasil temu bual berstruktur berdasarkan tema-tema berikut:

1. Penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Nurul Huda Secara Praktikal
2. Strategi Pelajar untuk Menguasai Pelbagai Jenis Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab
3. Cabaran dan Harapan Pelajar dalam Menguasai Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab
4. Pandangan Pelajar dalam mempelajari Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab di Sekolah

Berikut adalah analisis terhadap dapatan kajian bagi pelajar-pelajar terbabit:

4.3.2.1 Penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Nurul Huda Secara Praktikal

Berikut ialah pernyataan temu bual dan huraian yang berhubung kait dengan tema di atas, iaitu:

1. Penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam proses pembelajaran
2. Kekerapan penggunaan bahasa Arab dalam komunikasi di asrama
3. Kebolehan membezakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan tidak formal

Bahagian ini menjelaskan perkara berkaitan ‘penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar Nurul Huda secara praktikal’. Huraian ini dibuat dalam bentuk naratif deskriptif dan dikukuhkan dengan bentuk petikan perincian temu bual tertentu (jadual perincian kata kunci dilampirkan dalam bahagian lampiran).

Secara amnya dapatan temu bual dalam bahagian ini mendapati bahawa pelajar-pelajar jarang mengguna pakai gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam percakapan seharian. Meskipun mereka tinggal di dalam asrama, namun tiada peraturan yang mewajibkan mereka mesti bertutur dalam bahasa Arab yang mengandungi gaya bahasa sapaan bahasa Arab di dalamnya. Sehingga, hal ini boleh menjejaskan penguasaan mereka dalam menguasai gaya bahasa sapaan tersebut. Perkara ini dapat dilihat dalam jawapan responden terhadap soalan-soalan yang diutarakan kepada pelajar, iaitu sebagai berikut:

Responden P05, P09,P03, P08, P22 mengatakan bahawa mereka sangat jarang menggunakan bahasa Arab dalam proses pembelajaran, tetapi responden-responden tersebut sering menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab apabila mereka berada di asrama. Maka, secara umumnya, responden-responden di atas boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dengan gaya bahasa sapaan tidak formal.

Berikut ungkapan salah seorang daripada peserta:

....Saya jarang menggunakan bahasa Arab (sapaan) dalam proses pembelajaran... Saya pun jarang menggunakannya dalam komunikasi sesama kawan di asrama. ... Tetapi, saya boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan yang tidak formal.

(Peserta P08)

Berbeza dengan jawapan daripada peserta di atas P07, P20, P11 di mana mereka tidak pernah menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam proses pembelajaran dan tidak pula menggunakannya dalam komunikasi sesama mereka di asrama. Bahkan, peserta-peserta ini tidak boleh atau belum boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan tidak formal.

Berikut ungkapan peserta tersebut:

...Saya tidak menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab di dalam kelas.. saya pula tidak menggunakannya apabila bercakap sesama kawan di asrama... bahkan, saya tidak/belum boleh membezakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan yang tidak formal...

(Peserta P07)

Selain itu, peserta P01 memberi jawapan bahawa beliau tidak menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam proses pembelajaran kerana tidak diwajibkan, jadi hal ini juga membantutkan motivasi pelajar-pelajar dalam mempelajari pelajaran ini.

Berikut ungkapan seorang pelajar:

... kerana tidak diwajibkan, so saya pun tidak termotivasi untuk menggunakan bahasa Arab (sapaan)...

(Peserta P01)

Hanya sebahagian peserta iaitu P06, P05, P16 yang menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan bahasa Arab pada masa-masa tertentu sahaja seperti ketika berada di asrama.

Berikut ungkapan peserta yang lainnya:

...Kadang-kadang sahaja saya menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi sesama kawan di asrama...

(Peserta P06)

4.3.2.2 Strategi Pelajar Untuk Menguasai Pelbagai Jenis Gaya Bahasa Sapaan.

Berikut ialah pernyataan temu bual dan huraianya berhubung kait dengan tema di atas, iaitu:

1. Penyediaan masa khas untuk mempelajari dan menguasai gaya bahasa sapaan Bahasa Arab
2. Keupayaan membuat latihan-tubi berkaitan dengan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab
3. Menyenaraikan gaya bahasa sapaan bahasa Arab tertentu yang ingin di kuasai
4. Memotivasikan diri untuk menghafal gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang pelbagai

Berikut adalah huraian analisis terhadap tema ‘strategi pelajar untuk menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab’. Pelajar P05 menjelaskan bahawa masa yang terhad menjadi masalah utama yang membuat beliau tidak boleh mengembangkan usaha-usaha untuk menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan tersebut. Perkara ini pula berlaku pada kebanyakan responden yang lainnya. Di antara mereka ialah P09, P03, P05.

Berikut ungkapan salah seorang peserta:

Saya tidak menyediakan masa khas untuk mempelajari dan menguasai gaya bahasa sapaan, kerana tidak mempunyai banyak masa lapang... Latihan-tubi pun saya belum pernah buat, kerana masa sangat terhad apabila balik kat asrama... Dan saya juga malas membuat senarai gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang khas...

(Peserta P05)

Walau bagaimanapun pelajar P04 berjaya untuk melakukan aktiviti latih-tubi tersebut, ia mempunyai strategi yang baik untuk menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab seperti keterangan berikut ini:

Iya, saya sering melakukan latih-tubi sendiri di dalam bilik asrama walaupun tidak ada amaran khusus dari guru untuk melakukannya.

(Peserta P04)

Sedangkan peserta yang lain menyatakan bahawa tidak membuat senarai gaya bahasa sapaan bahasa Arab kerana sering malas apabila sampai di asrama:

apabila sampai kat asrama saya sering malas, jadi saya tidak pernah membuat senarai tersebut..

(Peserta P09)

Di antara strategi lain yang sering dilakukan oleh peserta ialah memotivasikan diri sendiri dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Perkara ini boleh memberi kesan positif dalam perkembangan minda pelajar pada tahap awal. Responden tersebut menyatakan sebagai berikut:

... Iya, saya sangat termotivasi dengan gaya bahasa sapaan kerana ianya tidak sesuai dengan kaedah nahu yang biasa dalam bahasa Arab...

(Peserta P02)

4.3.2.3 Cabaran dan Harapan Pelajar dalam Menguasai Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Berikut ialah pernyataan temu bual dan huraian yang berhubung kait dengan tema di atas, iaitu:

1. Faktor-faktor yang mencabar dalam menguasai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab
2. Cadangan kepada para guru bagi meningkatkan keupayaan mengajar gaya bahasa sapaan bahasa Arab kepada para pelajar

Pada bahagian ini pula dijelaskan pendapat pelajar mengenai tema ‘cabaran dan harapan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab’. Dapatan data temubual menunjukkan bahawa secara amnya terdapat tiga masalah utama yang menjadi cabaran (rintangan) pelajar-pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Pertama ialah lingkungan persekitaran (*bi’ah*) yang tidak menyokong, sama ada persekitaran sekolah ataupun persekitaran asrama. Kedua, masa yang terhad kerana banyaknya aktiviti-aktiviti lain yang perlu dilakukan dan tidak berhubung kait dengan bahasa Arab. Ketiga, pelajar-pelajar lemah dalam menguasai makna yang terkandung di dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Perkara-perkara ini seperti yang dinyatakan oleh pelajar P01, P02,

Berikut pernyataan peserta tersebut:

... Faktor lingkungan yang tidak menyokong dan masa yang terhad (menyebabkan saya susah menguasai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab). ... Dan harapan saya guru-guru mesti lebih banyak lagi menggunakan bahasa Arab dalam mengajar.

(Peserta: P02)

Seterusnya, terdapat juga peserta yang tercabar oleh masa yang terhad seperti diterangkan berikut ini:

... Masa yang sangat terhad yang membuat saya terhalang menguasai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab. ... (harapan saya) Tolong (guru-guru) apabila menyampaikan pelajaran jangan laju-laju sangat

(Peserta: P09)

Walau bagaimanapun, pelajar yang lain menyatakan bahawa yang menjadi cabaran ialah dalam menguasai kosa kata Arab yang terdapat dalam gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Seperti yang dinyatakan berikut ini:

... saya kurang menguasai perkataan-perkataan bahasa tentang Arab, sehingga memberi kesan kepada penguasaan saya terhadap gaya bahasa sapaan tersebut.

(Peserta: P04)

4.3.2.4 Pandangan Pelajar dalam Mempelajari Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab di Sekolah.

Berikut ialah pernyataan temu bual dan huraianya berhubung kait dengan tema di atas, iaitu:

1. Pendapat pelajar tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah.
2. Penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh memberi kesan dalam meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab.
3. Kemampuan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Bahagian terakhir ini diterangkan mengenai ‘pandangan pelajar dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah’. Melalui data yang diperoleh, secara amnya pelajar-pelajar tidak begitu selesa dengan cara penyampaian gaya bahasa sapaan bahasa Arab oleh guru-guru mereka. Seterusnya, bahan-bahan yang diajar adalah kurang sehingga sering membuat mereka bosan. Perasaan tidak selesa ini menjadikan pelajar-pelajar tidak terlalu bersemangat untuk menguasai gaya bahasa sapaan. Justeru mereka sepakat mengatakan bahawa jika menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh meningkatkan kemampuan berkomunikasi dengan lebih baik.

Responden yang lain pula mengatakan:

...Ungkapan sapaan bahasa Arab susah sangat untuk difahami (makna) perkataannya.

(Peserta P09)

Tetapi ada juga responden lain yang menyatakan bahawa gaya bahasa sapaan bahasa Arab sudah disampaikan dengan baik oleh guru-guru mereka. Sehingga mereka merasa bahagia apabila belajar di dalam kelas.

Seorang responden mengatakan:

...pengajaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab sudah lumayan bagus dan mudah dipahami...

(Peserta P01)

Responden berikut ini mengatakan:

..Saya sangat bersetuju jika menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh meningkatkan kemampuan berkomunikasi dalam bahasa Arab... kita pun boleh lebih lagi berani dalam berkomunikasi dengan bahasa Arab..

(Peserta P10)

Walau begitu, responden P04, mempunyai pendapat yang berbeza dengan majoriti yang lain. Mereka berpendapat:

Penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab tidak memberi keberkesanan dalam usaha meningkatkan kemampuan dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab..

(Peserta P04)

4.3.3 Analisis Dapatan Data Soal Selidik Pelajar

Pengkaji telah melakukan kaji selidik kepada 36 orang pelajar-pelajar SMANH berkaitan dengan penguasaan mereka terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang digunakan dalam kalangan sekolah mereka.

Berikut ialah tema-tema yang terdapat di dalam borang soal selidik yang telah pengkaji perolehi pelbagai data dari para pelajar-pelajar terbit:

- 1. Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab.**
- 2. Pendapat Pelajar Terhadap Pengajaran Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab.**
- 3. Cabaran Pelajar dalam Mempraktiskan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab.**
- 4. Alternatif yang dilakukan Pelajar untuk Menguasai Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab.**

Seterusnya, pengkaji membincangkan secara terperinci tentang tema-tema yang telah disebutkan di atas seperti berikut ini:

4.3.3.1 Persepsi Pelajar Terhadap Bahan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Jadual 4.2 Persepsi Pelajar

No	Indikator	Frekuensi Muncul Data dan Nilai Peratusan			
		1	2	3	4
1.	Saya menyukai gaya bahasa sapaan bahasa Arab apabila berkomunikasi dengan bahasa Arab	0 (0)	8 (22.22)	23 (63.89)	5 (13.89)
2.	Gaya bahasa sapaan bahasa Arab adalah satu tajuk/tema yang mudah dikuasai	2 (5.5556)	20 (55.56)	13 (36.11)	1 (2.778)
3.	Buku teks pelajar telah mencakupi bahan tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab	1 (2.7778)	9 (25)	18 (50)	8 (22.22)

Melalui data jadual di atas pengkaji mendapati, pelajar-pelajar pada amnya bersetuju bahawa mereka menyukai gaya bahasa sapaan bahasa Arab apabila berkomunikasi dalam bahasa Arab. Jika dirujuk pada data temu bual di atas, dapat diuraikan bahawa walaupun mereka menyukai gaya bahasa sapaan apabila berkomunikasi, tetapi pelajar-pelajar jarang menggunakannya secara praktikal. Data dari soalan selidik menunjukkan bahawa terdapat 23 orang pelajar atau 63.89 % dari 36 orang sampel membuat jawapan setuju jika mereka menyukai gaya bahasa sapaan. Perkara ini boleh menjelaskan bahawa pelajar-pelajar sering mengguna pakai gaya bahasa tersebut walaupun tidak meneruskan bercakap dengan bahasa Arab. Meski demikian, terdapat pula 8 orang atau 22.22 % yang tidak menyukai gaya bahasa sapaan bahasa Arab kerana mereka tidak mempunyai asas yang kuat tentang bahasa Arab.

Akan tetapi, sebahagian besar pelajar mengatakan bahawa gaya bahasa sapaan bahasa Arab ialah suatu bidang yang tidak mudah untuk dikuasai. Perkara ini dibuktikan melalui data yang diperoleh bahawa seramai 55.56 % (20) pelajar tidak bersetuju

bahawa gaya bahasa sapaan bahasa Arab mudah untuk dikuasai. Manakala, hanya 36.11 % (13) pelajar yang bersetuju bahawa ianya mudah untuk dikuasai.

Seterusnya, majoriti daripada peserta menyatakan bahawa mereka bergembira dengan bahan gaya bahasa sapaan bahasa Arab di dalam buku sukatan pelajar. Data menunjukkan bahawa 50 % (18 orang pelajar) bersetuju dan 22 % (8 orang pelajar) amat bersetuju dengan pernyataan di atas. Manakala, hanya terdapat 27.78 % (10 orang pelajar) sahaja yang tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa pelajar-pelajar menyukai topik-topik sapaan yang terdapat di dalam buku sukatan mereka.

4.3.3.2 Pendapat Pelajar Terhadap Pengajaran Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Jadual 4.3 Pendapat Pelajar

No.	Indikator	Frekuensi Muncul Data dan Nilai Peratusan			
		1	2	3	4
1.	Gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajarkan oleh guru saya mudah dimengerti	1 (2.7778)	11 (30.56)	21 (58.33)	3 (8.333)
2.	Menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh memberi kesan bagi penguasaan bahasa Arab saya secara keseluruhan	2 (5.5556)	13 (36.11)	16 (44.44)	5 (13.89)
3.	Bahan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajar sangat lengkap dan pelbagai	4 (11.111)	19 (52.78)	11 (30.56)	2 (5.556)
4.	Setiap kawan yang disambut dengan sapaan Arab, saya mendapati ia sukar untuk menjawab dengan jawapan yang sesuai	0 (0)	8 (22.22)	21 (58.33)	7 (19.44)

Dalam huraian ini, pengkaji melihat bahawa pelajar-pelajar mempunyai pendapat yang positif terhadap pengajaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah mereka. Hal ini agak sedikit berbeza dengan hasil daripada temu bual, di mana pelajar-pelajar banyak memberikan pernyataan negatif tentang sistem pengajaran di sekolah itu.

Seterusnya, perkara tersebut boleh memberi kesan baik ataupun buruk terhadap penguasaan mereka tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab.

58.33 (21 orang pelajar) dan dicampur lagi 8.33 % (3 orang pelajar) menyatakan bahawa mereka mudah memahami penjelasan tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajarkan kepada mereka. Seterusnya, sebanyak 30.56 % (11 orang pelajar) yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Selain itu, terdapat 44.44 % (16 orang pelajar) yang berpendapat bahawa gaya bahasa sapaan bahasa Arab boleh memberi kesan yang baik untuk bercakap dalam bahasa Arab. Perkara ini diperkuat lagi dengan pendapat tambahan daripada 5 orang pelajar yang menyatakan amat bersetuju dengan pernyataan di atas. Manakala peserta yang tidak bersetuju ialah 36.11 (13 orang pelajar) dan ditambah lagi dengan 2 orang pelajar yang amat tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

4.3.3.3 Cabaran Pelajar dalam Mempraktiskan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Jadual 4.4 Cabaran Pelajar

No	Indikator	Frekuensi Muncul Data dan Nilai Peratusan			
		1	2	3	4
1.	Saya boleh menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara betul/baik	7 (19.444)	26 (72.22)	2 (5.556)	1 (2.778)
2.	Saya menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab tetapi malu untuk diguna pakai dalam komunikasi sehari-hari	3 (8.333)	23 (63.89)	10 (27.78)	0 (0)
3.	Persekitaran saya tidak kondusif untuk mengamalkan gaya bahasa sapaan bahasa Arab	8 (22.222)	11 (30.56)	13 (36.11)	4 (11.11)
4.	Saya susah untuk menghafal gaya bahasa sapaan bahasa Arab dengan baik	1 (2.7778)	11 (30.56)	20 (55.56)	4 (11.11)

Huraian seterusnya, pengkaji menemukan bahawa pelajar-pelajar pada amnya mempunyai banyak cabaran dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab khasnya ialah pada sudut praktikal dalam perbualan harian mereka. Mereka merasa susah dalam menghafalnya dan dalam menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab tersebut dengan baik.

Perkara ini di perkuat dengan data yang menunjukkan bahawa 90 % lebih pelajar yang tidak boleh menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dengan baik dalam praktikal seharian.

Seterusnya, pelajar juga secara amnya menyatakan tidak menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab dan merasa malu untuk menggunakannya dalam komunikasi seharian. Perkara ini ditunjukkan oleh data berikut iaitu 63.89 % (23 orang peserta) tidak bersetuju dan ditambah 8.33 % (3 orang peserta) amat tidak bersetuju.

4.3.3.4 Alternatif Pelajar dalam Menguasai Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Jadual 4.5 Alternatif Pelajar

No	Indikator	Frekuensi Muncul Data dan Nilai Peratusan			
		1	2	3	4
1.	Untuk mendalami pengetahuan gaya bahasa sapaan bahasa Arab, saya sentiasa menggunakan pelbagai rujukan lainnya	1 (2.7778)	14 (38.89)	16 (44.44)	5 (13.89)
2.	Guru bahasa Arab sentiasa mencadangkan saya untuk menggunakan gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam komunikasi sehari-hari	1 (2.7778)	12 (33.33)	19 (52.78)	4 (11.11)
3.	Berkomunikasi dengan rakan-rakan melalui rangkaian elektronik boleh meningkatkan penguasaan saya terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab	3 (8.3333)	20 (55.56)	10 (27.78)	3 (8.333)
4.	Saya sentiasa berusaha menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab menggunakan rujukan-rujukan tertentu	1 (2.7778)	12 (33.33)	23 (63.89)	0 (0)

Dalam huraian ini pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar berusaha untuk mencari alternatif-alternatif lainnya dalam mempertingkatkan lagi penguasaan terhadap gaya bahasa sapaan bahasa Arab . Mereka sentiasa mencari pelbagai cara untuk menambah maklumat sapaan di antaranya ialah melalui rujukan-rujukan tertentu selain yang terdapat di sekolah, menerusi kemudahan elektronik ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan dari sekolah lain. Terdapat pula di antara mereka yang mempraktik dengan cara-cara tertentu untuk menguasai gaya bahasa sapaan tersebut.

Data dalam jadual di atas menunjukkan bahawa 63.89 % (23 orang pelajar) bersetuju bahawa mereka melakukan usaha-usaha tertentu untuk menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab . Manakala pelajar yang tidak bersetuju ialah berjumlah 33.33 % (12 orang pelajar). Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai kreativiti sendiri dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab .

Data lainnya pun menyokong pernyataan di atas iaitu terdapat 44.44 % (16 orang pelajar) bersetuju ditambah 13.89 % (5 orang pelajar) yang amat bersetuju bahawa mereka juga menggunakan pelbagai sumber tertentu lainnya untuk mempertingkatkan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab .

Huraian seterusnya, pengkaji mendapati bahawa 52.78 % (19) orang pelajar bersetuju dan 11.11 % (4) orang pelajar amat bersetuju menyatakan bahawa cadangan dari guru bahasa Arab juga menjadi alternatif bagi mereka untuk mempertingkatkan lagi penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab . Walaupun begitu, terdapat juga 12 orang pelajar yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.

Kesimpulan

Melalui data dan analisis data soal selidik di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar-pelajar senang dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Akan tetapi, mereka juga menghadapi pelbagai persoalan yang menghalang mereka untuk menguasai gaya bahasa sapaan tersebut secara maksimum. Masa yang terhad dan lingkungan yang tidak menyokong di antara masalah yang serius bagi pelajar-pelajar tersebut. Mereka memerlukan masa yang lebih banyak lagi kerana menurut para pelajar gaya bahasa sapaan bahasa Arab tidak mudah untuk dikuasai.

4.3.4 Dapatan Ujian Pencapaian Pelajar

Pengkaji telah melakukan ujian pencapaian kepada 36 pelajar SMANH. Ujian pencapaian ini berkait rapat dengan penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Melalui ujian pencapaian tersebut, pengkaji mendapati beberapa perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam data-data iaitu:

Untuk membuat analisis data soalan ujian pelajar, pengkaji membina empat tema yang sesuai terdapat dalam tiap-tiap kumpulan soalan. Berikut adalah tema-tema yang dimaksudkan:

- A. Memilih ungkapan dan jawapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang sesuai.
- B. Menterjemahkan ungkapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab ke dalam bahasa Indonesia.
- C. Mengisi tempat kosong dengan ungkapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang sesuai.
- D. Menyesuaikan di antara ungkapan dengan jawapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang sesuai.

Bahagian ini adalah untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu analisis data ujian pencapaian pelajar. Menerusi analisis ini, pengkaji membahagikan soalan ujian kepada empat tema besar seperti terdapat di dalam jadual di atas. Tiap-tiap tema soalan tersebut terdiri atas lima soalan. Walau bagaimanapun, setiap tema terdapat perbezaan jumlah markah nilai. Markah maksimum untuk tema A ialah 20, tema B= 30, tema C=25 dan tema D= 25. Sehingga, jumlah markah dari semua tema A-D ialah 100. Huraianannya adalah seperti berikut:

4.3.4.1 Memilih Ungkapan dan Jawapan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab yang Sesuai

Jadual 4.6 Pemilihan Ungkapan dan jawapan yang sesuai

TEMA A			
NO.	MARKAH	NO.	MARKAH
1.	8	19.	12
2.	12	20.	20
3.	8	21.	4
4.	8	22.	20
5.	12	23.	8
6.	20	24.	20
7.	20	25.	20
8.	20	26.	20
9.	12	27.	20
10.	12	28.	20
11.	8	29.	20
12.	0	30.	20
13.	20	31.	12
14.	20	32.	20
15.	12	33.	20
16.	20	34.	8
17.	20	35.	12
18.	20	36.	20

Pengkaji membuat kumpulan soalan ini berdasarkan gaya bahasa sapaan bahasa Arab asas. Umumnya pelajar-pelajar berjaya menjawab semua soalan dengan betul semua iaitu sebanyak 20 orang yang mendapat markah 20. Markah 20 ini bermakna peserta boleh menjawab 5 soalan, nilai satu soalan adalah 4 markah. Disamping itu, terdapat pula peserta yang tidak boleh menjawab satu soalan pun, dan terdapat juga pelajar yang hanya mampu menjawab satu soalan sahaja. Data ini menerangkan bahawa majoriti daripada pelajar telah menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab peringkat asas.

4.3.4.2 Menterjemahkan Ungkapan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab ke dalam Bahasa Indonesia

Jadual 4.7 Terjemahan Sapaan ke dalam bahasa Indonesia

TEMA B			
NO.	MARKAH	NO.	MARKAH
1.	30	19.	12
2.	18	20.	18
3.	24	21.	24
4.	24	22.	18
5.	18	23.	18
6.	18	24.	12
7.	12	25.	6
8.	18	26.	18
9.	18	27.	30
10.	18	28.	18
11.	12	29.	24
12.	18	30.	30
13.	18	31.	24
14.	18	32.	18
15.	18	33.	24
16.	18	34.	18
17.	30	35.	24
18.	18	36.	24

Berbeza dengan tema sebelumnya, kumpulan soalan tema ini mempunyai markah yang lebih banyak iaitu 30, setiap soalan mengandungi 6 markah. Dalam membuat jawapan daripada soalan terjemahan, terdapat 19 orang pelajar yang mendapat markah 18. Data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar boleh menjawab 3 daripada 5 soalan dan terdapat 8 orang pelajar yang boleh menjawab 4 soalan. Selain itu, pengkaji mendapati terdapat 4 orang pelajar yang mendapat markah penuh iaitu 30. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah mampu menterjemahkan gaya bahasa sapaan bahasa Arab ke dalam bahasa Indonesia dengan baik.

4.3.4.3 Mengisi Tempat Kosong dengan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab yang Sesuai

Jadual 4.8 Pengisian tempat kosong dengan sapaan

TEMA C			
NO.	MARKAH	NO.	MARKAH
1.	20	19.	15
2.	15	20.	15
3.	15	21.	0
4.	15	22.	20
5.	15	23.	10
6.	10	24.	20
7.	20	25.	20
8.	20	26.	20
9.	15	27.	20
10.	5	28.	20
11.	15	29.	15
12.	5	30.	20
13.	20	31.	15
14.	15	32.	15
15.	15	33.	20
16.	20	34.	15
17.	15	35.	20
18.	20	36.	20

Pengkaji mendapati bahawa 16 orang pelajar boleh menjawab 4 soalan iaitu dengan mendapat markah 20, ini bermakna hampir 50 % pelajar telah menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab dalam kumpulan soalan ini. Disamping itu, terdapat 15 orang pelajar yang mendapat markah 15. Walau bagaimanapun, terdapat juga seorang pelajar yang mendapat markah 0 kerana menjawab dengan salah semua soalan yang diberikan. Akan tetapi, secara umum data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar menguasai kumpulan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam soalan kumpulan ketiga ini.

4.3.4.4 Menyesuaikan di antara Ungkapan dengan Jawapan Gaya Bahasa

Sapaan Bahasa Arab yang Sesuai

Jadual 4.9 Penyesuaian Sapaan dengan Jawapan Sapaan

TEMA D			
NO.	MARKAH	NO.	MARKAH
1.	15	19.	15
2.	15	20.	25
3.	15	21.	10
4.	10	22.	15
5.	15	23.	10
6.	15	24.	25
7.	25	25.	25
8.	25	26.	25
9.	25	27.	15
10.	25	28.	15
11.	15	29.	25
12.	15	30.	25
13.	25	31.	25
14.	25	32.	15
15.	10	33.	15
16.	25	34.	15
17.	25	35.	15
18.	15	36.	15

Bagi tema seterusnya, pengkaji mendapati bahawa umumnya pelajar-pelajar berjaya menjawab semua soalan. Data menjelaskan bahawa 15 orang pelajar mendapat markah 25, ini bermakna bahawa mereka boleh menjawab 5 soalan secara betul. Di sudut lain, terdapat 17 orang pelajar yang mendapat markah 15, bermakna mereka berjaya menjawab 3 soalan. Data ini menerangkan bahawa pelajar-pelajar telah mampu menguasai pelbagai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang telah diajar oleh guru-guru kepada mereka.

Namun begitu, meskipun data di atas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab dengan baik, pengkaji masih lagi tidak berpuas hati dengan data tersebut. Hal ini adalah kerana semasa di dalam kelas, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar banyak juga yang melihat kepada jawapan kawan-kawan mereka apabila membuat jawapan soalan ujian pencapaian. Data ini merupakan data sokongan sahaja supaya pengkaji boleh melihat kemampuan asas pelajar-pelajar yang menjadi sampel kajian.

Kesimpulan

Majoriti pelajar-pelajar SMANH menyatakan bahawa para guru belum mencapai tahap maksimum dalam sesi pengajaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab kepada mereka. Hal ini dilihat ada disesbabkan kurangnya praktis oleh pelajar-pelajar sama ada di kelas, sekolah mahupun di asrama. Walau bagaimana pun, umumnya pelajar boleh menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang telah diberi. Akan tetapi, hasil daripada ujian tersebut masih lagi belum mencapai tahap yang diinginkan, kerana pengkaji mendapati sebahagian dari mereka berkongsi jawapan dengan kawan-kawan mereka.

4.4 Dapatan Faktor-faktor Kelemahan Pelajar dalam Penguasaan Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab

Bagi menjawab objektif kajian nombor tiga, selain menggunakan data seperti mana dalam menjawab objektif kedua, pengkaji juga menambahkan dengan contoh-contoh yang terdapat di dalam pelbagai buku nahu Arab bagi menerangkan faktor kelemahan pelajar dalam penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Analisis faktor-faktor kelemahan ini dibahagikan ke dalam lima bahagian, pengkaji menghuraikannya sebagai berikut:

4.4.1 Kekurangan Bahan Gaya Bahasa Sapaan

Terdapat bahan yang sangat terhad dalam pengajaran gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah tersebut. Hal ini boleh diketahui dari buku sukatan utama pelajar SMANH iaitu *ta'limu al-lughati al-'arabiyyat fasl XI* (sebelas). Walaupun terdapat buku *al-'arabiyyatu baina yadaik* dan buku nota tambahan pelajar lainnya yang menjadi bahan rujukan penyokong namun belum mencukupi.

Data di dalam jadual 4.3 yang berkisar tentang data soal selidik menunjukkan majoriti pelajar iaitu 52.78 % (19 pelajar) menyatakan bahawa bahan gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang diajar kurang lengkap dan tidak pelbagai. Perkara ini merupakan suatu kelemahan yang boleh memberi kesan kepada kekurangan kepelbagaian penguasaan gaya bahasa sapaan dalam kalangan pelajar di sekolah tersebut.

Di dalam temu bual pengkaji juga mendapati bahawa terdapat pelajar yang tidak mampu untuk menangkap pengajaran dari guru yang dijalankan secara laju dan tergesa-gesa. Terkadang guru terlupa bahawa setiap pelajar memiliki kelemahan atau kemampuan yang terhad dan berbeza di dalam proses memahami suatu subjek pelajaran. Kebiasaannya cara pengajaran sebegini menjadikan pelajar susah untuk

menulis dan mengumpulkan bahan gaya bahasa sapaan dengan baik, sehingga menjejaskan penguasaan gaya bahasa sapaan pelajar. Perkara ini diterangkan oleh responden sebagai berikut:

Saya mencadangkan kepada guru apabila menghuraikan pelajaran supaya jangan laju-laju sangat. Kerana kami susah nak menulis penjelasan-penjelasan penting tentang pelajaran, khasnya yang berhubungan dengan gaya bahasa sapaan.

(Peserta P04)

Seterusnya, pelajar lain juga menerangkan tentang ketidak upaya mereka di dalam mempraktikkan sebahagian gaya bahasa sapaan yang diberikan oleh para guru. Kerana ianya tidak dilengkapi dengan contoh-contoh apabila digunakan dalam pelbagai konteks percakapan. Perkara ini perlu diambil kira, kerana sering berlaku kelemahan pelajar dalam menggunakan gaya bahasa tersebut. Apatah lagi kalau gaya bahasa sapaan yang diberi hanya yang sering digunakan sahaja.

mufradat susah di fahami dan jarang diberi ungkapan-ungkapan berkenaan. Kerana, walaupun terdapat banyak gaya bahasa sapaan lain yang diberikan diluar teks, kami susah menguasai bila tak terdapat contoh praktikal di dalam percakapan.

(Peserta 06)

4.4.2 Kekurangan Model Gaya Bahasa Sapaan

Kelemahan lain yang ditunjukkan adalah di mana para guru tidak memberikan contoh yang baik dalam mempraktik gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Perkara sebegini berlaku sama ada di dalam kelas, persekitaran sekolah dan di persekitaran asrama. Selain itu, sebahagian guru juga sering mempraktikkan gaya bahasa sapaan menggunakan dialek yang tidak formal (*'ammiyyat*).

Perkara sebegini boleh memberi kesan kepada pelajar kerana ia mengurangkan semangat mereka untuk menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Ini adalah disebabkan pelajar telah terbiasa dengan dialek tidak formal dan akan merasa susah ketika menjawab soalan ujian yang sememangnya dijalankan dalam bentuk bahasa formal.

Hal ini juga disokong oleh data temu bual yang dijelaskan oleh pelajar lainnya sebagai berikut:

Saya belum boleh membezakan (gaya bahasa sapaan formal dan tidak formal), kerana saya pun belum menguasai semua gaya bahasa sapaan. Terkadang saya juga konfius mendengar para ustaz apabila menggunakan gaya bahasa sapaan sesama mereka.

(Peserta P02)

Penjelasan pelajar di atas menunjukkan bahawa model yang boleh di contohi oleh pelajar juga memberi kesan seterusnya mempengaruhi penguasaan gaya bahasa sapaan. Selain daripada itu, guru yang juga menjadi salah satu rujukan dan tauladan yang penting dalam berkomunikasi dengan pelajar.

Pelajar yang lain pun mempunyai pendapat yang hampir sama iaitu terkadang para guru tidak sabar menghadapi sebahagian murid yang lambat di dalam mempelajari atau menguasai gaya bahasa sapaan tertentu. Sehingga hal ini mempengaruhi kepada kepada sebagai berikut:

para guru mesti lebih bersemangat lagi untuk membuat pelajar cemerlang dan mesti selalu bersabar, kerana sebagian guru cepat marah apabila kami lambat dalam memahami suatu gaya bahasa sapaan dan pelajaran lainnya.

(Peserta P11)

4.4.3 Ketidakpastian Nahu Gaya Bahasa Sapaan

Melalui temu bual pelajar juga menunjukkan bahawa mereka keliru dalam membaca baris gaya bahasa sapaan. Hal ini didapati apabila pengkaji bertanya tentang permasalahan lain yang dihadapi oleh pelajar. Berikut huraian dari sebahagian pelajar:

صَبَاحَ الْخَيْرِ

Nāyif (1992:180) menerangkan bahawa perkataan صَبَاحًا menjadi kata keterangan bagi waktu apabila mengandungi makna (فِي), jika tidak demikian maka ia boleh dii'rab sesuai dengan fungsi dalam ayat iaitu sebagai suatu kata nama. Contoh dalam fungsi zaraf ialah saya telah pergi ke bandar pada waktu pagi (غَادَرْتُ الْمَدِينَةَ) (صَبَاحًا), maksudnya ialah pada waktu pagi. Contoh bagi bukan berfungsi sebagai *zaraf* ialah seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-ṣāfāt:177 (فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ) (صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ) yang bermaksud: Kerana apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan (www.alquran-melayu.com/28/04/2013).

Seterusnya, Nāyif menerangkan tentang i'rab صَبَاحًا iaitu kata keterangan waktu yang *manṣūb* (berbaris atas) dapat dilihat tanda akusatifnya ialah baris *fathah* yang jelas pada akhir perkataan, kerana ia merupakan maf'ul fih bagi kata kerja (غَادَرَ).

Jika dii'rābkan pada ayat (صَبَاحَ الْخَيْرِ) maka boleh dihuraikan dengan cara *qiyās*

sebagai berikut: (صَبَاحَ) ialah *maf'ūl mutlak* mansub bagi *fi'l* yang di buang iaitu

(أَصْبَحَ). Ni'mah (1973:70) menerangkan bahawa terkadang *fi'il* itu dibuang di

dalam kes *maf'ūl mutlak* seperti contoh berikut: شُكْرًا جَزِيلًا (terima kasih banyak)

asalnya ialah (أَشْكُرُكَ شُكْرًا جَزِيلًا), dan ia merupakan *mudhaf*. (الْخَيْرِ) *mudhāfun ilaihi*

majrūr dan tanda *jarnya* ialah baris *kasrah* di akhir perkataan.

Tetapi terdapat juga perbezaan pendapat di kalangan ulama yang menyatakan bahawa صَبَاحَ الْخَيْرِ bermakna sapaan. Hal ini diterangkan oleh seorang pensyarah ketika

pengkaji masih lagi belajar nahu bahasa Arab semester pertama dalam peringkat master.

Walau bagaimanapun, setakat ini pengkaji belum mendapatkan rujukan pasti yang membahas secara terperinci tentang masalah tersebut sama ada daripada buku, internet dan lainnya.

Secara praktikalnya, komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar SMANH hanya ucapan صَبَاحَ الْخَيْرِ yang mempunyai baris yang betul. Maka, bagi pelajar-pelajar yang

mengucapkan dengan lafaz sebaliknya maka ia adalah menyalahi. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa 40 % pelajar tersalah dalam memberi baris akhir pada gaya bahasa sapaan ini. Data ini diperoleh melalui ujian yang dijalankan oleh guru-guru di sekolah tersebut satu bulan sebelum pengkaji membuat kajian.

Data ini juga disokong oleh hasil temu bual pengkaji dengan para pelajar iaitu sepertimana berikut:

.... terkadang kami merasa susah dalam mempraktiskan gaya bahasa sapaan kerana ia tidak selari dengan kaedah nahu biasa.

(Pelajar P12)

Seterusnya, terdapat juga data lain yang mendedahkan bahawa pelajar sering merasa keliru mengenai baris akhir pada perkataan atau ayat-ayat gaya bahasa sapaan bahasa Arab sama ada di dalam buku teks atau buku-buku lainnya. Hal ini seperti dinyatakan oleh pelajar ketika ditanya tentang pendapat mereka tentang gaya bahasa sapaan yang terdapat dalam kalangan SMANH, berikut ialah petikannya:

“..Baik sangat, tetapi kami sering konfius (bingung) dalam memahami sebahagian harakatnya”.

(Peserta P15)

4.4.4 Konteks Penggunaan Gaya Bahasa Sapaan

Pelajar tidak mampu memahami penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab sesuai dengan konteksnya. Perkara ini berlaku kerana para pelajar mempunyai masa yang sangat terhad dalam mempelajari gaya bahasa tersebut, sama ada di kelas atau di asrama. Faktor ini boleh menjejaskan kemampuan pelajar dalam mengaplikasi konteks gaya bahasa sapaan. Permasalahan ini juga disokong oleh jawapan pelajar dari hasil ujian pencapaian yang pengkaji sediakan.

Berikut ialah huraian dari sebahagia pelajar, iaitu:

....Saya jarang menggunakan bahasa Arab (sapaan) dalam proses pembelajaran... Saya pun jarang menggunakannya dalam komunikasi sesama kawan di asrama. ... Tetapi, saya boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan bahasa Arab formal dan yang tidak formal.

(Peserta P08)

Dalam menjawab soalan temubual di atas, pengkaji meluaskan soalan tentang keupayaan mereka dalam mempraktik gaya bahasa sapaan sesuai dengan konteks dan susunannya. Berikut ialah di antara huraian jawapan tentang kelemahan mereka.

Di antara kesalahan yang dikesan ialah dalam ungkapan sapaan **إِلَى اللّقاء** (jumpa lagi) diucapkan oleh seseorang yang mahu bepergian. Tetapi di dalam praktikal komunikasi seharian sapaan ini diucapkan oleh orang-orang yang ditinggalkan. Misalnya, jika seorang guru mahu pulang ke rumah, maka para pelajar semestinya mengucapkan **مَعَ السّلامَةِ** (semoga selamat) dan guru menjawab dengan ucapan **إِلَى** **اللّقاء** bukan sebaliknya.

Manakala, dari sudut konteks pengkaji mendapati pelajar-pelajar sering salah dalam menggunakan gaya bahasa sapaan sesuai dengan masa dan tempatnya. Ucapan **بَارَكَ اللهُ** **فِيكَ** yang selalunya diucapkan apabila seseorang mendapat kebahagiaan dan diucapkan di akhir perbualan apabila seseorang memberi kebahagiaan kepada orang lain, tetapi para pelajar sering menggunakannya di awal percakapan. Kesalahan sebegini juga sering berlaku kepada gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang lain.

Seterusnya, terdapat juga data yang lain iaitu soalan ujian pencapaian yang menyokong tentang permasalahan pelajar dalam memahami konteks penggunaan gaya bahasa sapaan. Soalan di bawah memberi arahan kepada pelajar untuk memilih salah satu gaya bahasa sapaan di dalam kotak yang paling sesuai dengan dengan tempat kosong pada percakapan tersebut. Berikut ialah kutipan soalan ujian pencapaian:

كَيْفَ حَالُكَ	مَسَاءَ الْخَيْرِ	فُرْصَةً سَعِيدَةً	أَهْلًا بِكَ	إِلَى اللَّقَاءِ
----------------	-------------------	--------------------	--------------	------------------

أُسْتَاذُ: أَنَا مُسَافِرٌ إِلَى جَاكَزْتَا عَدَا إِنِّ شَاءَ اللَّهُ

طَالِبُ: _____ يَا أُسْتَاذُ.

Daripada 36 orang sampel, terdapat 10 orang yang tidak berjaya menjawab soalan di atas. Data tersebut menunjukkan bahawa pelajar belum menguasai konteks penggunaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab secara maksimum.

مَرْحَبًا

Dari sudut konteks penggunaan, sapaan مَرْحَبًا tidak hanya digunakan atau diucapkan kepada tetamu secara *ḥaqīqiy* sahaja, tetapi juga diucapkan kepada tetamu secara *majāzī*. Misalnya, dalam sempena menyambut bulan suci ramadhan (مَرْحَبًا يَا) bermaksud “selamat datang bulan ramadhan”. Akan tetapi ucapan sebegini tidak berlaku kepada sapaan sambutan أَهْلًا.

بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ

Ucapan ini pula sebagai do‘a untuk meminta keberkatan harta sama ada bagi pihak yang memberi ataupun dari pihak yang diberi.

بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ وَالْجَوَابُ اللَّهُ يُبَارِكُ فِيكَ

Bermaksud:

“semoga Allah memberkahimu” dijawab “semoga Allah memberkahimu juga”.

شَفَاكَ اللَّهُ وَالْجَوَابُ شُكْرًا لَكَ

Bermaksud:

“Semoga Allah menyembuhkanmu” dijawab *“terima kasih”*.

Sakit adalah dimana seseorang mendapat sebuah perubahan dari keadaan normal kepada ketidak selesaan sama ada disebabkan oleh kemalangan, demam, keracunan makanan, dan sebagainya. Kamus besar bahasa Indonesia (2008: 1343) menjelaskan definisi sakit ialah apabila seseorang merasa tidak selesa di dalam tubuh atau bahagian tubuh tertentu kerana menderita sesuatu (demam, sakit perut, dan lainnya. Pen.)

Dalam keadaan seperti ini, biasanya ramai rakan dan saudara yang akan berkunjung untuk memberikan motivasi dan doa supaya pesakit tersebut cepat sembuh semula. Salah satu doa yang paling sering disampaikan dalam bentuk ungkapan adalah شَفَاكَ اللَّهُ (semoga Allah memberi Anda kesembuhan) atau dalam bentuk yang lebih

lengkap iaitu شَفَاكَ اللَّهُ شِفَاءً عَاجِلًا (semoga Allah menyembuhkan Anda dengan cepat).

Dalam praktikal seharian para pelajar mengeneralisasikan ucapan gaya bahasa sapaan ini dalam semua konteks. Bahkan, sapaan tersebut diucapkan kepada orang-orang yang sedang patah hati, sedih, dan lainnya. Penggunaan sapaan dalam konteks sebegini tidak terdapat di dalam buku-buku yang diajarkan kepada pelajar.

4.4.5 Ketidaksesuaian Gaya Bahasa Sapaan Bahasa Arab dengan Bahasa Indonesia

Bahasa Arab ialah salah satu bahasa yang kaya sama ada dari sudut kepelbagaian perkataan, struktur bahasa, gaya bahasa sapaan dan lainnya. Dari sudut sapaan, untuk mengucapkan suatu konteks terdapat pelbagai gaya bahasa sapaan. Contohnya ialah sapaan selamat datang, sekurang-kurangnya terdapat dua macam gaya bahasa sapaan iaitu **أَهْلًا وَسَهْلًا** dan **مَرْحَبًا**.

Kepelbagaian gaya bahasa sapaan jarang ditemui di dalam komunikasi bahasa Indonesia. Bagi satu konteks sapaan selalunya hanya diucapkan dengan satu gaya bahasa sapaan sahaja. Contohnya, selamat hari raya. Di dalam bahasa Arab terdapat lebih dari satu sapaan iaitu **كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ** dan **مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ**. Hal ini juga turut memberi kesan kepada pelajar untuk mengkiyaskan gaya bahasa sapaan bahasa ibunda kepada bahasa Arab.

Oleh itu, terdapat data temu bual yang menunjukkan bahawa perbezaan gaya bahasa sapaan yang terdapat di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Arab menjadi suatu faktor kelemahan pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab. Kerana sebagian pelajar membandingkan di antara kedua gaya bahasa sapaan tersebut. Seperti diterangkan sebelum ini, bahawa gaya bahasa sapaan bahasa lebih pelbagai untuk menyatakan sapaan dalam suatu konteks tertentu. Berikut ialah kutipan dari temu bual pelajar.

faktor lingkungan yang tidak menyokong dan perbezaan gaya bahasa sapaan yang terdapat di antara bahasa Indonesia dan bahasa Arab.

(Peserta P05)

Pernyataan yang hampir sama juga diucapkan oleh pelajar ketika menjawab soalan tentang faktor-faktor yang menyebabkan pelajar susah menguasai gaya bahasa sapaan bahasa Arab, berikut ialah kutipannya:

Terkadang kami lemah apabila memberi jawapan atau membalas jawapan sapaan. Kerana, gaya bahasa yang kami pelajari ialah sangat pelbagai

(Peserta 10)

Kesimpulan

Pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor kelemahan yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah agama nurul huda. Sebahagian besar faktor kelemahan berasal daripada eksternal (luaran) pelajar, seperti kekurangan model gaya bahasa sapaan, ketidakpastian nahu, kekurangan bahan gaya bahasa sapaan. Semua kelemahan ini hanya boleh diselesaikan dengan sokongan eksternal juga iaitu para guru dan ustaz yang terdapat di sekolah tersebut. Walau demikian, pelajar juga dipengaruhi oleh faktor kelemahan internal iaitu kesan dari bahasa asal mereka (bahasa indonesia) yang mempunyai jenis gaya bahasa sapaan yang berbeza dengan bahasa Arab. Perkara sebegini membuat pelajar merasa susah untuk mencari kesamaan di dalam bahasa mereka.

BAB 5

KESIMPULAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab terakhir ini menerangkan tentang kesimpulan penyelidikan dan cadangan-cadangan yang perlu dilakukan oleh pengkaji-pengkaji pada masa yang akan datang.

5.1 Kesimpulan Kajian

Pengkaji telah melakukan proses penyelidikan yang panjang di lapangan iaitu di Sekolah Menengah Agama Nurul Huda (SMANH) Palembang dengan menggunakan metodologi kajian tinjauan (survey research). Kesimpulan dari kajian tersebut pengkaji bahagikan kepada tiga iaitu mengikut kepada objektif kajian seperti huraian berikut:

1. Bagi menjawab objektif pertama, pengkaji mendapati bahawa terdapat lapan kategori gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di dalam buku *al-‘arabiyyatu baina yadaik*, buku *ta‘līmu al-lughati al-‘arabiyyat faṣl* (XI) dan dalam buku catatan para pelajar. Lapan kategori tersebut terdiri atas empat kategori sapaan umum dan empat kategori sapaan bertujuan. Semua kategori di atas mencakupi sembilan belas jenis ungkapan-ungkapan gaya bahasa sapaan bahasa Arab.
2. Di dalam dapatan kajian objektif kedua pengkaji mendapati bahawa secara amnya, pelajar-pelajar SMANH Palembang belum menguasai dengan baik gaya bahasa sapaan bahasa Arab yang terdapat di kalangan sekolah tersebut. Penguasaan itu sama ada secara praktikal mahupun secara tertulis. Hal ini disebabkan oleh kurangnya perhatian dari pihak sekolah dalam menyediakan

masa yang khas dan tidak tersedianya lingkungan atau persekitaran yang menyokong bagi mempraktikkan gaya bahasa sapaan tersebut.

Dari data dan analisis data soal selidik di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar-pelajar gembira dalam mempelajari gaya bahasa sapaan bahasa Arab. tetapi, mereka juga menghadapi pelbagai persoalan yang menghalangi para pelajar dalam menguasai gaya bahasa sapaan tersebut secara maksimum. Masa yang terhad dan lingkungan yang tidak menyokong di antara masalah yang serius bagi pelajar-pelajar tersebut. Mereka memerlukan masa yang lebih banyak lagi kerana menurut para pelajar gaya bahasa sapaan bahasa Arab tidak mudah untuk dikuasai.

Walau bagaimanapun, umumnya pelajar-pelajar SMANH boleh menjawab soalan kajian pencapaian dengan baik. Tetapi, pengkaji tidak berpuas hati dengan hasil tersebut kerana banyak dari para pelajar yang berkongsi jawapan dengan kawan-kawannya.

3. Dalam menjawab objektif kajian terakhir ini pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor kelemahan yang wujud di kalangan pelajar sekolah menengah agama nurul huda. Sebahagian besar faktor kelemahan berasal daripada faktor eksternal (luaran) pelajar, seperti kekurangan model gaya bahasa sapaan, ketidakpastian nahu, kekurangan bahan gaya bahasa sapaan. Semua kelemahan ini hanya boleh diselesaikan dengan sokongan eksternal juga iaitu para guru dan ustaz yang terdapat di sekolah tersebut. Walau demikian, pelajar juga dipengaruhi oleh faktor kelemahan internal iaitu kesan dari bahasa asal mereka (bahasa indonesia) yang mempunyai jenis gaya bahasa sapaan yang berbeza dengan bahasa Arab. perkara sebegini

membuat pelajar merasa susah untuk mencari kesamaan di dalam bahasa mereka.

5.2 Cadangan-cadangan

1. Hendaknya diperluas lagi skop kajian tentang gaya bahasa sapaan bahasa Arab .
2. Hendaknya boleh melakukan kajian perbandingan antara penguasaan gaya bahasa sapaan bahasa Arab di sekolah kerajaan dan sekolah swasta.
3. Melakukan kajian terhadap penguasaan guru terhadap bahan-bahan mengajar bahasa Arab
4. Hendaknya terdapat satu kelas atau subjek khas yang membahas tentang *i'ra:b* gaya bahasa sapaan.

Rujukan

- ... (2002). *Kamus Inggeris Melayu dewan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ... (2008). *Kamus bahasa Indonesia*. Jakarta, Indonesia: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Indonesia.
- ‘Afīfiy, Ahmad. (1996). *Zāhiratu al-takhfīf fī al-nahwī al-‘arabī*. Cairo, Egypt: Al-Dār al-Misriyyat al-Lubnāniyyat.
- ‘Ali, A. & Mahzar, A. Z. (1998). *Kamus al-‘asriy ‘Arabī – Indūnīsī*. Yogyakarta, Indonesia: Multi Karya Grafika.
- Abādiy, al-Fairūz, (2005). *Al-qāmūs al-muhīf*. Beirut, Lebanon: Mu’assasat al-risālat.
- Abu Mūsa, Muhammad Muhammad. (1996). *Khasā’isu al-tarākīb*. Cairo, Egypt. Maktabat Wahbat.
- Al-Afghāni, Sa‘īd. (2003). *Al-Mūjaz fī qawā‘idi al-lughat al-‘arabiyyat*. Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr.
- Al-Fauzān, ‘Abdul ar-Rahmān bin Ibrāhīm. (2007). *Al-‘arabiyyat baina yadaik*. Riyadh, Saudi Arabia: *Al-maktabat al-raīs al-‘arabiyyah li al-jamī’*.
- Al-Fauzān, ‘Abdullah. (1998). *Dalīl al-sālik ilā alfiyyat ibnu mālik*. Riyadh, Saudi Arabia: Dār al-Muslim.
- Al-Ghalāyainī, Mustafā. (1993). *Jamī’ durūs al-‘arabiyyat*. Beirut, Lebanon: Al-Maktabat al-‘Asriyyat.
- al-Jauziyyat, Ibnu al-Qayyim. (1994). *Zādu al-ma‘ād fī hadyi khairi al-‘ibād*. Cet. 27. Bairut, Lebanon: Dār Šādir.
- Al-Nawawi. (1930). *Sahih Muslim ‘alā sharhi al-Nawawi*. Cairo, Egypt: Al-Matba’at al-Misriyyat bi al-Azhar.
- al-Šāmil, Muhammad bin ‘Alī. (1424 H). *Balaghatu asālībi al-tahiyyat fī al-shi‘ri al-‘Arabī*. Majalah universiti ummu al-Qura untuk ilmu syarī‘ah, bahasa Arab dan sastra. Jilid 16, Cet. 28. Mekkah, Saudi Arabia: Universiti Ummu al-Qura.
- Al-Shaukanī, Muhammad bin ‘Alī bin Muhammad. (1964). *Fathu al-qadīr*. Qaherah, Egypt: *Syarikat Makiyyah wa Matba’at Mustafā al-bābiy al-halbī wa awlāduhū*.
- al-Tabrānī, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad. (1995). *Al-Mu‘jam al-awsat*. Jilid 8. Tahqiq Thāriq bin ‘Audhillāhi – Muhsin al-Husaini. Cairo, Egypt: Dār al-Haramain.

- Arifin, Zainal. (2012). *Evaluasi pembelajaran*. Jakarta, Indonesia: Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama Republik Indonesia.
- Arikunto, Suharsimi. (1996). *Prosedur penelitian suatu pendekatan praktek*. Jakarta, Indonesia: Rineka Cipta
- Arikunto, Suharsimi. (2007). *Penelitian tindakan kelas*. Jakarta, Indonesia: Bumi Aksara.
- Arikunto, Suharsimi. (2009). *Dasar-dasar evaluasi pendidikan*. Jakarta, Indonesia: PT. Bumi Aksara.
- Azman Wan Chik. (1994). *Pengujian bahasa: Kes bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barakāt, Ibrāhīm Ibrāhīm. (2007). *Al-Nahwu al-‘arabī*. Qāhiraṭ, Egypt: Dār al-Nashr Li al-Jami‘āt.
- Berg, Bruce, L. (200). *Qualitative research methods for the social sciences*. USA: A Pearson Education Company.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. New York, NY: Routledge.
- Creswell, John.W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. United State, US: Pearson.
- Given, M., Lisa. (2008). *Encyclopedia of qualitative research methods*. London, United Kingdom: SAGE Publication.
- Haji Omar, Asmah. (1988). *Bahasa diraja*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, Tamām. (2001). *Al-lughatu al-‘Arabiyyaṭ ma’nāha wa mabnāha*. Rabat, Morocco: Dār al-Tsaqafaṭ.
- Hidayat, D. (2008). *Ta’līmu al-lughati al-‘arabiyyaṭ faṣl (XI) madrasah ‘aliyah kelas XI*. Semarang, Indonesia: PT. Karya Toha Putra.
- Ibnu ‘Aqīl, Bahaud Din Abdullah. (Pent.) Bahrūn Abu Bakar. (2005). *Terjemahan Alfīyyaṭ Syarah Ibnu ‘Aqīl*. Bandung, Indonesia: Sinar Baru Algensindo.
- Ibnu Manzūr, Abu al-Fādhil Jamālu al-Dīn Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisānu al-‘Arabī*. Bairut, Lebanon: Dār Ṣādir.
- Ibnu Manzūr. (1993). *Lisānu al-‘arab*. Cet. 3. Beirut, Lebanon: Dār al-Ihya’ al-Turāth al-‘Arabiyy.
- Ibnu Qudāmaṭ, Abī Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (1997). *Al-Mughnī*. jilid 3 tahqīq Abdullah bin Abdul muhsin al-Turki dan ‘Abdul Fattāh Muhammad al-Hulu. Riyāḍ, Saudi Arabia: Dār ‘Alim al-Kutub.

- Ibrāhim Anīs, ‘Abdu al-Halīm Muntasar, ‘Atiyyaṭ al-Sawālī, Muhammad Khalāf Allah Ahmad. (1972). *Mu‘jam al-wasīt*. Qāhiraṭ, Egypt: Al-Dār al-Misriyyaṭ al-Lubnāniyyaṭ.
- Jurnal pendidikan matematika, volume 4. No.2. Pp. 62-63. Desember 2010.
- Kamarudin Hj. Husin. (1998). *Pedagogi bahasa (perkaedahan)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kumpulan Budiman SDN BHD.
- Kamus besar bahasa Indonesia. (2008). Jakarta, Indonesia: Depdikbud.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2005). Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Dawama Sdn. Bhd.
- Kartomiharjo, Soeseno. (1998). *Bahasa cermin kehidupan masyarakat*. Jakarta, Indonesia: Depdikbud.
- Marczyk. G., DeMatteo, D. & Festinger, D. (2005). *Essentials of research design and methodology*. Ottawa, Canada: John Wiley & Sons.
- Margono. (2000). *Metodologi penyelidikan pendidikan*. Jakarta, Indonesia: Rineka Ciptaka.
- Maros, M., John, A. & Mydin, Mohd. B. (2010). *Pola Sapaan pelajar lelaki dan perempuan di sebuah institusi pengajian tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik*. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 10 (2).
- Mohamed, Ahmad Kilani. (2001). *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Moleong, Lexy, J. (2002). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung, Indonesia: PT Remaja Rosdakarya.
- Mu‘allim, Ahmad Muhammad. (1999). *Al-ta‘bīrāt al-lughawiyyaṭ al-mustakhdamaṭ fī al-mawāqif al-ijtimā‘iyyaṭ*. (Unpublished master’s thesis). Universiti Islam Antarabangsa, Selangor.
- Mu‘minin, Iman Saiful. (2009). *Kamus ilmu nahwu dan saraf*. Jakarta, Indonesia: Amzah.
- Nāyif, Ma‘rūf. (1992). *Al-mu‘jam al-wasīt fī al-i‘rāb*. Bairut, Lebanon: Dār al-Nafāis.
- Ngadiso. 2006. *Statistic*. Surakarta, Indonesia: Teacher of Education Faculty.
- Ni‘mah, Fuād. (1973). *Mulakhkhas qawā‘id al-lughāṭ al-‘arabiyyaṭ*. Cairo, Egypt: Al-Maktab al-‘Ilmi li al-Taklīf wa al-Tarjamaṭ.
- Nik Fathiyah Nik Soh. (2001). *al-‘Ibārāt al-islamiyyaṭ al-ta’addubiyyaṭ fī al-lughāṭ al-‘Arabiyyaṭ wa-ta’līmihā li-ghayr al-nātiqīna bihā*. (Unpublised master’s thesis). Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, Malaysia.

- Noraini Idris. (2010). *Penyeledikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Ra'īd, 'Abdul Karīm. (1988). *Zāhirātu al-i'rāb fī al-'Arabiyyat*. Tripoli, Libiya: Jam'iyyat al-Da'wat wa al-Islamiyyat al-'Alamiyyat.
- Sabtu, april, 2013, <http://www.alquran-melayu.com/>
- Sha'rawī, Muhammad Mutawāliy. (1991). *Tafsir al-sha'rawī*. Cairo, Egypt: Dār Akhbar al-Yaum.
- Sigh, Yoges Kumar. (2006). *Fundamental of reseach methodology and statistics*. New Delhi, India: New Age International.
- Sri Indrawati. (tt). *Peningkatan kemampuan bernalar siswa didik melalui pembelajaran konstruktivisme*. Jurnal pembangunan manusia edisi 5.
- Subali, Bambang, M.S. (2010). *Metodologi penelitian biologi*. Yogyakarta, Indonesia: Universitas Negeri Yogyakarta.
- Sudijono, Anas. (2009). *Pengantar evaluasi pendidikan*. Jakarta, Indonesia: Rajawali Pers.
- Suparno, Paul. (1997). *Filsafat konstruktivisme dalam pendidikan*. Yogyakarta, Indonesia: Kanisius.
- Suparno, Paul. (2001). *Teori perkembangan kognitif Jean Piaget*. Yogyakarta, Indonesia: Kanisius.
- Ya'qūb, Emiel Badī'. (1991). *Mausū'at al-nahw wa al-sarf wa al-i'rāb*. Beirut, Lebanon: Dār al-'ilmi Li al-Malāyīn.
- Yaakob, N. A., Kiram, N. M., Kamaruddin, K. & Hamzah, Z. A. Z. (2011). *Kesantunan Berbahasa dalam Aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)*. Journal of Human Capital Development, 04, 1985-7012.
- Zaharah Binti Hussin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan pendidikan Islam*. (Unpublised Ph.D's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Nama :
Kelas :

Soal Selidik Penguasaan Gaya bahasa Sapaan

Jawablah pernyataan di bawah ini dengan memberi tanda tik (√) dalam ruang 1, 2, 3, dan 4 sesuai dengan pendapat anda.

No	Indikator	Jawapan Responden			
		1	2	3	4
1	Saya menyukai gaya bahasa sapaan apabila berkomunikasi dengan bahasa Arab				
2	Gaya bahasa sapaan Arab adalah satu tajuk/tema yang mudah dikuasai				
3	Saya boleh menggunakan gaya bahasa sapaan secara betul/baik dalam bahasa Arab				
4	Saya menguasai gaya bahasa sapaan Arab tetapi malu untuk diguna pakai dalam komunikasi sehari-hari				
5	Gaya bahasa sapaan yang diajarkan oleh guru saya mudah dimengerti				
6	Saya memiliki kendala untuk menghafal gaya bahasa sapaan dengan baik				
7	Menguasai gaya bahasa sapaan boleh menjejaskan penguasaan bahasa Arab saya secara keseluruhan				
8	Saya sentiasa berusaha menguasai gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab menggunakan cara tertentu				
9	Untuk mendalami pengetahuan gaya bahasa sapaan, saya sentiasa menggunakan pelbagai sumber lainnya				
10	Persekitaran saya tidak kondusif untuk mengamalkan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab				
11	Guru bahasa Arab sentiasa mencadangkan saya untuk menggunakan gaya bahasa sapaan dalam komunikasi sehari-hari				
12	Bahan gaya bahasa sapaan yang diajar sangat lengkap dan pelbagai				
13	Buku sukatan pelajar telah mencakupi bahan tentang gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab				
14	Berkomunikasi dengan rakan-rakan melalui rangkaian elektronik boleh meningkatkan penguasaan saya terhadap gaya bahasa sapaan Arab				
15	Setiap kawan yang menyapa sapaan Arab, saya susah untuk menjawab dengan jawapan yang sesuai				

Ket:

1. Sangat tidak bersetuju (jika anda benar-benar tidak bersetuju dengan kenyataan itu tandakan dengan (√) dalam ruang 1)
2. Tidak bersetuju (jika anda tidak bersetuju dengan kenyataan, tandakan dengan(√) dalam ruang 2)
3. Bersetuju (jika anda bersetuju dengan kenyataan, tandakan dengan(√) dalam ruang 3)
4. Sangat bersetuju (jika anda benar-benar bersetuju dengan kenyataan, tandakan dengan (√) dalam ruang 4)

SOALAN TEMU BUAL

1. Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam proses pembelajaran?
2. Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi sesama kawan di asrama?
3. Apakah pendapat anda tentang gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab di sekolah ini?
4. Adakah anda menyediakan masa khas untuk mempelajari dan menguasai gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
5. Adakah anda membuat latihan-tubi yang berhubung kait dengan penguasaan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
6. Adakah anda membuat senarai gaya bahasa sapaan tertentu dalam bahasa Arab yang ingin anda kuasai?
7. Adakah anda memotivasikan diri sendiri untuk menghafal gaya bahasa sapaan yang pelbagai dalam bahasa Arab?
8. Adakah anda boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan formal dan tidak formal?
9. Adakah anda bersetuju bahawa menguasai gaya bahasa sapaan secara keseluruhan boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?
10. Sejauh manakah penguasaan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?
11. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan anda susah menguasai jenis gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
12. Apakah cadangan anda kepada guru-guru untuk meningkatkan penguasaan jenis-jenis gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar kelas XI?
13. Bagaimana Anda menggunakan konteks gaya bahasa sapaan di dalam percakapan?

SOALAN UJIAN PELAJAR

MASA MENJAWAB:

60 MINIT

Nama :

Tingkatan :

Terima kasih atas kesudian dan kerjasama anda menjawab soalan ini. Segala maklumat yang diberikan adalah rahsia dan menjadi bahan kajian untuk penyelidikan penulis.

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan
2. Sila jawab semua soalan
3. Tuliskan jawapan anda diruangan yang disediakan

Disediakan oleh,

Aan Muhammady

TGA110019

السُّؤَالُ الْأَوَّلُ: (20 دَرَجَةً)

اسْتَخْرِجِ التَّحِيَّاتِ الْمَذْكُورَةَ وَجَوِّبْهَا فِيْمَا يَأْتِي:


مَبْرُوكًا

مَعَ السَّلَامَةِ

تُصْبِحُ عَلَى خَيْرٍ

مَرْحَبًا

فُرْصَةً سَعِيدَةً



الرقم	التحيّة	الجواب
1		
2		
3		
4		
5		

السؤال الثاني: (30 درجة)

ترجم العبارات التالية إلى اللغة الإنكليزية جيّداً!

1. مع السلامة
2. رحلة سعيدة
3. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
4. شفاك الله
5. بارك الله فيك

السؤال الثالث: (25 درجة)

إملا الفراغ بعبارات التحيّة المناسبة من الصندوق!

كَيْفَ حَالُكَ	مَسَاءَ الْخَيْرِ	فُرْصَةً سَعِيدَةً	أَهْلًا بِكَ	إِلَى اللَّقَاءِ
----------------	-------------------	--------------------	--------------	------------------

- 1) أ. حَمِيدٌ: أَهْلًا وَسَهْلًا يَا مُحَمَّدُ؟ مَاذَا تَعْمَلُ؟
ب. مُحَمَّدٌ: _____ . أَكْتُبُ الرِّسَالَةَ.
- 2) قُلْتُ لِفَاطِمَةَ مَعَ السَّلَامَةِ. وَأَجَابَتْ _____
- 3) عَلِيٌّ: _____ يَا زَيْنَبُ.
زَيْنَبُ: مَسَاءَ النُّورِ يَا عَلِيُّ.
- 4) أَسْتَاذُ: أَنَا مُسَافِرٌ إِلَى جَاكِرْتَا غَدًا إِنْ شَاءَ اللَّهُ
طَالِبٌ: _____ يَا أَسْتَاذُ.
- 5) مُوظَّفٌ: _____ هَذَا الْيَوْمُ؟
مُهَنْدِسٌ: أَنَا بِخَيْرٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

السؤال الرابع: (25 درجة)

صِلْ بَيْنَ عِبَارَاتِ التَّحِيَّةِ وَجَوَابِهَا الْمُنَاسِبَةِ!

1. مَرْحَبًا	أ. وَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ
2. تُصْبِحُ عَلَى الْخَيْرِ	ب. إِلَى اللَّقَاءِ
3. مَعَ السَّلَامَةِ	ج. مَرْحَبًا بِكَ
4. بَارَكَ اللَّهُ فِيكَ	د. أَنَا بِخَيْرٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
5. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكَ	هـ. اللَّهُ يُبَارِكُ فِيكَ

Jadual Markah Ujian Pencapaian Pelajar

$$\bar{X} = \frac{\sum X}{n}$$

\bar{X} = Mean score

$\sum X$ = Total score

n = Total pelajar

No.	A	B	C	D	Total Markah	Jawapan Betul	%
1.	8	30	20	15	73	14	70
2.	12	18	15	15	60	12	60
3.	8	24	15	15	62	12	60
4.	8	24	15	10	57	11	55
5.	12	18	15	15	60	12	60
6.	20	18	10	15	63	13	65
7.	20	12	20	25	77	16	80
8.	20	18	20	25	83	17	85
9.	12	18	15	25	70	14	70

10.	12	18	5	25	60	12	60
11.	8	12	15	15	50	10	50
12.	0	18	5	15	38	7	35
13.	20	18	20	25	83	17	85
14.	20	18	15	25	78	16	80
15.	12	18	15	10	55	11	55
16.	20	18	20	25	83	17	85
17.	20	30	15	25	90	18	90
18.	20	18	20	15	73	15	75
19.	12	12	15	15	54	11	55
20.	20	18	15	25	78	16	80
21.	4	24	0	10	38	7	35
22.	20	18	20	15	73	15	75
23.	8	18	10	10	46	9	45
24.	20	12	20	25	77	16	80

25.	20	6	20	25	71	15	75
26.	20	18	20	25	83	17	85
27.	20	30	20	15	85	17	85
28.	20	18	20	15	73	15	75
29.	20	24	15	25	84	17	85
30.	20	30	20	25	95	19	95
31.	12	24	15	25	76	15	75
32.	20	18	15	15	68	14	70
33.	20	24	20	15	79	16	80
34.	8	18	15	15	56	11	55
35.	12	24	20	15	71	14	70
36.	20	24	20	15	79	16	80
					70,0416667		

$$\bar{X} = \frac{\sum X}{n} = \frac{1681}{36} = 70.042$$

Jadual Dapatan Kaji Selidik Pelajar

Pengakaji memperolehi hasil peratusan kaji selidik pelajar menggunakan rumusan pola berikut, iaitu:

$$P = \frac{f}{n} \times 100\%$$

Keterangan:

P = Nilai Peratusan

f = Frekuensi munculnya data

n = Jumlah data keseluruhan

Keterangan:

1. Sangat tidak bersetuju

2. Tidak bersetuju

3. Bersetuju

4. Sangat bersetuju

NO item	Indikator	(F) Frekuensi Munculnya Data				(N) Jumlah data keseluruhan	(P) Nilai Peratusan				Total %
		1	2	3	4		1	2	3	4	
1	Saya menyukai gaya bahasa sapaan apabila berkomunikasi dengan bahasa Arab	0	8	23	5	36	0	22.22	63.89	13.89	100
2	Gaya bahasa sapaan Arab adalah satu tajuk/tema yang mudah dikuasai	2	20	13	1	36	5.5556	55.56	36.11	2.778	100
3	Saya boleh menggunakan gaya bahasa sapaan secara betul/baik dalam bahasa Arab	7	26	2	1	36	19.444	72.22	5.556	2.778	100
4	Saya menguasai gaya bahasa sapaan Arab tetapi malu untuk diguna pakai dalam komunikasi sehari-hari	3	23	10	0	36	8.3333	63.89	27.78	0	100
5	Gaya bahasa sapaan yang diajarkan oleh guru saya mudah dimengerti	1	11	21	3	36	2.7778	30.56	58.33	8.333	100

6	Saya memiliki halangan untuk menghafal gaya bahasa sapaan dengan baik	1	11	20	4	36	2.7778	30.56	55.56	11.11	100
7	Menguasai gaya bahasa sapaan boleh memberi kesan kepada penguasaan bahasa Arab saya secara keseluruhan	2	13	16	5	36	5.5556	36.11	44.44	13.89	100
8	Saya sentiasa berusaha menguasai gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab menggunakan cara tertentu	1	12	23	0	36	2.7778	33.33	63.89	0	100
9	Untuk mendalami pengetahuan gaya bahasa sapaan, saya sentiasa menggunakan pelbagai sumber lainnya	1	14	16	5	36	2.7778	38.89	44.44	13.89	100
10	Persekitaran saya tidak kondusif untuk mengamalkan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab	8	11	13	4	36	22.222	30.56	36.11	11.11	100
11	Guru bahasa Arab sentiasa mencadangkan saya untuk menggunakan gaya bahasa sapaan dalam komunikasi sehari-hari	1	12	19	4	36	2.7778	33.33	52.78	11.11	100
12	Bahan gaya bahasa sapaan yang diajar sangat lengkap dan pelbagai	4	19	11	2	36	11.111	52.78	30.56	5.556	100
13	Buku sukatan murid telah mencakupi bahan tentang gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab	1	9	18	8	36	2.7778	25	50	22.22	100
14	Berkomunikasi dengan rakan-rakan melalui rangkaian elektronik boleh meningkatkan penguasaan saya terhadap gaya bahasa sapaan Arab	3	20	10	3	36	8.3333	55.56	27.78	8.333	100
15	Setiap kawan yang disambut dengan sapaan Arab, saya mendapati ia sukar untuk menjawab dengan jawapan yang sesuai	0	8	21	7	36	0	22.22	58.33	19.44	100

Nama : M. Nurudin

Kelas : XI MAK

Kuesioner Penguasaan Ungkapan Sapaan

Jawablah pertanyaan di bawah ini dengan memberi tanda centang (✓) pada kolom 1, 2, 3, dan 4 sesuai dengan pendapat anda.

No	Indikator	Jawaban Responden			
		1	2	3	4
1	Saya menyukai ungkapan sapaan ketika berkomunikasi dengan bahasa Arab		✓		
2	Ungkapan sapaan Arab adalah materi yang mudah dikuasai		✓		
3	Saya mampu menggunakan ungkapan sapaan dengan benar dalam bahasa Arab		✓		
4	Saya menguasai ungkapan sapaan Arab tetapi malu untuk digunakan dalam komunikasi sehari-hari			✓	
5	Ungkapan sapaan yang disampaikan oleh guru saya mudah dimengerti				✓
6	Saya memiliki kendala untuk menghafal ungkapan sapaan dengan baik	✓			
7	Menguasai ungkapan sapaan mempengaruhi penguasaan bahasa Arab saya secara keseluruhan	✓			
8	Saya selalu berusaha menguasai ungkapan sapaan dalam bahasa Arab dengan menggunakan cara-cara tertentu		✓		
9	Untuk memperdalam pengetahuan ungkapan sapaan, saya sering menggunakan sumber-sumber lain			✓	
10	Lingkungan saya tidak mendukung untuk mempraktekkan ungkapan sapaan dalam bahasa Arab	✓			
11	Guru bahasa Arab selalu menyarankan untuk menerapkan ungkapan sapaan dalam komunikasi sehari-hari		✓		
12	Materi ungkapan sapaan yang diajarkan sudah sangat lengkap dan bervariasi		✓		
13	Buku panduan belajar bahasa Arab sudah mencakup materi tentang ungkapan-ungkapan sapaan Arab	✓			
14	Berkomunikasi dengan teman via jaringan elektronik dapat meningkatkan penguasaan saya terhadap ungkapan sapaan Arab		✓		
15	Setiap teman menyapa dengan sapaan Arab saya merasa kesulitan untuk menjawab dengan jawaban yang sesuai		✓		

4 8 2 1

Ket:

1. Sangat tidak setuju (bila anda sangat tidak setuju dengan pernyataan, berilah tanda centang (✓) pada kolom 1)
2. Tidak setuju (bila anda tidak setuju dengan pernyataan, berilah tanda centang (✓) pada kolom 2)
3. Setuju (bila anda setuju dengan pernyataan, berilah tanda centang (✓) pada kolom 3)
4. Sangat setuju (bila anda sangat setuju dengan pernyataan, berilah tanda centang (✓) pada kolom 4)

Pelajar 2

- Penyelidik** : Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam proses pembelajaran?
- Pelajar** : Kadang-kadang berbicara, kadang-kadang tidak.
- Penyelidik** : Adakah anda selalu menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi sesama kawan di pondok?
- Pelajar** : Kadang-kadang sahaja.
- Penyelidik** : Apakah pendapat anda tentang gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab di sekolah ini?
- Pelajar** : Baik. Kerana boleh membuat kita mampu berkomunikasi dengan baik.
- Penyelidik** : Adakah anda menyediakan masa khas untuk mempelajari dan menguasai gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Tidak, kerana saya tidak mempunyai banyak masa lapang
- Penyelidik** : Adakah anda membuat latihan-tubi yang berhubung kait dengan penguasaan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Belum pernah buat, sebab masa sangat terhad apabila balek kat asrama.
- Penyelidik** : Adakah anda membuat senarai gaya bahasa sapaan tertentu dalam bahasa Arab yang ingin anda kuasai?
- Pelajar** : Malas, jadi saya tidak pernah membuat senarai gaya bahasa sapaan.
- Penyelidik** : Adakah anda memotivasikan diri sendiri untuk menghafal gaya bahasa sapaan yang pelbagai dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Iya, saya termotivasi sangat untuk menghafal pelbagai macam gaya bahasa sapaan.
- Penyelidik** : Adakah anda boleh membezakan antara gaya bahasa sapaan formal dan tidak formal?
- Pelajar** : Saya belum boleh membezakan (gaya bahasa sapaan formal dan tidak formal), kerana saya pun belum menguasai semua gaya bahasa sapaan. Terkadang saya juga konfius mendengar para ustaz apabila menggunakan gaya bahasa bahasa sapaan sesama mereka.
- Penyelidik** : Adakah anda bersetuju bahawa menguasai gaya bahasa sapaan secara keseluruhan boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Iya, saya bersetuju dengan pernyataan itu.

- Penyelidik** : Sejauh manakah penguasaan gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab boleh meningkatkan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Dengan menguasai gaya bahasa sapaan saya mempunyai minat untuk mempelajari ilmu nahu dan sharaf
- Penyelidik** : Apakah faktor-faktor yang menyebabkan anda susah menguasai jenis gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab?
- Pelajar** : Faktor lingkungan yang tidak menyokong dan masa yang terhad (menyebabkan saya susah menguasai jenis gaya bahasa sapaan bahasa Arab).
- Penyelidik** : Apakah cadangan anda kepada guru-guru untuk meningkatkan penguasaan jenis-jenis gaya bahasa sapaan dalam bahasa Arab dikalangan pelajar-pelajar kelas XI?
- Pelajar** : Dan harapan saya guru-guru mesti lebih banyak lagi menggunakan bahasa Arab dalam mengajar.

SOAL UJIAN

WAKTU MENJAWAB:

40 MENIT

Nama : Rofatus saadah

Tingkatan : XI - Keagamaan

Terima kasih atas kesediaan dan kerjasama anda menjawab pertanyaan-pertanyaan ini. Semua jawaban yang diberikan adalah rahasia dan menjadi bahan kajian untuk penelitian penulis.

Petunjuk:

1. Lembar soal ini mencakup empat bagian.
2. Jawablah semua pertanyaan-pertanyaan yang tersedia .
3. Tuliskan jawaban pada tempat yang telah disediakan.

Disediakan oleh,

Aan Muhammady

TGA110019

السؤال الأول: (20 درجة)

استخرج التحيات المذكورة وجوابها فيما يأتي:

مَبْرُوكٌ	مَعَ السَّلَامَةِ	تُصْبِحُ عَلَى خَيْرٍ	مَرْحَبًا	فُرْصَةً سَعِيدَةً
اللَّهُ يُبَارِكُ	مَرْحَبًا بِكَ	وَأَنَا الْأَسْعَدُ	وَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ	إِلَى اللَّقَاءِ

3 = 12

الرقم	التحية	الجواب
1	فُرْصَةٌ سَعِيدَةٌ	وَأَنَا أَسْعَدُ
2	مَرْحَبًا	رَحْمَةً بِكَ
3	تُصَبِّحُ عَلَى خَيْرٍ	إِلَى اللَّقَاءِ
4	مَعَ السَّلَامَةِ	وَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ
5	مَبْرُوكٌ	اللَّهُ يُبَارِكُ فِيكَ

السؤال الثاني: (30 درجة)

ترجم العبارات التالية إلى اللغة الأندونيسيا جيداً!

1. Berita keselamatan

2. Kabar bahagia / baik

3. Keselamatan, Rahmat, dan barokahnya
Allah semoga tetap pada kamu sekalian.

4. Syafaatnya Allah.
kepada mu.

5. Allah memberinya barokah kepada kamu

1. مع السلامة X

2. رحلة سعيدة X

3. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ✓

4. شفاك الله X

5. بارك الله فيك ✓

السؤال الثالث: (25 درجة)

إملأ الفراغ بعبارات التحية المناسبة من الصندوق!

كَيْفَ حَالُكَ	مَسَاءَ الْخَيْرِ	فُرْصَةٌ سَعِيدَةٌ	أَهْلًا بِكَ	إِلَى اللَّقَاءِ
----------------	-------------------	--------------------	--------------	------------------

1) أ. حميد: أهلاً وسهلاً يا محمد؟ ماذا تعمل؟ ✓

ب. محمد: أَهْلًا بِكَ. أكتب الرسالة.

2) قلت لفاطمة مع السلامة. وأجابت فُرْصَةً نَعِيدَةً ✗

3) علي: مَسَاءً خَيْرٌ يا زينب. ✓

زينب: مساء النور يا علي.

4) أستاذ: أنا مسافر إلى جاكارتا غدا إن شاء الله ✗

طالب: إِلَى اللِّقَاءِ يا أستاذ.

5) موظف: كَيْفَ حَالُكَ هذا اليوم؟ ✓

مهندس: أنا بخير والحمد لله

السؤال الرابع: (25 درجات)

صل بين عبارات التحيّة وجوبها المناسبة!

1. مَرْحَباً	✓
2. تُصَبِّحُ عَلَيَّ خَيْرٍ	✗
3. مَعَ السَّلَامَةِ	✗
4. بَارَكَ اللَّهُ فَيْتَكَ	✓
5. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى سَلَامَتِكَ	✓
أ. وَأَنْتَ مِنْ أَهْلِهِ	
ب. إِلَى اللِّقَاءِ	
ج. مَرْحَباً بِكَ	
د. أَنَا بِخَيْرٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ	
هـ. اللَّهُ يُبَارِكُ فَيْتَكَ	